



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMETARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KETUJUH
Seventh Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

PENGUMUMAN TUAN YANG DI-PERTUA:

Cuti kepada Ahli-ahli—Kebenaran:

**Y.B. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad (Sungai
Petani)**

Y.B. Dato' Musa bin Hitam (Kota Tinggi)

Y.B. Tun Datu Haji Mustapha bin Datu Harun (Limbawang)

} **[Ruangan 5417]**

JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 5418]

**RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT
[Ruangan 5471]**

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) [Ruangan 5471]

MALAYSIA
DEWAN RAKYAT YANG KETUJUH

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KETIGA

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K. (1) (JOHOR), D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

„ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, S.P.M.P., D.P.M.P. (Labis).

„ Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

„ Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

„ Menteri Pertahanan, Y.B.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., S.S.A.P., P.M.K. (Kota Bharu).

„ Menteri Kerjaraya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

„ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

„ Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman, DATO' DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., P.N.B.S., J.B.S. (Santubong).

„ Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, D.S.D.K., D.G.S.M., S.M.K. (Jerlun-Langkawi).

„ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK AMAR STEPHEN YONG KUET TZE, D.A., P.N.B.S. (Padawan).

„ Menteri Pendidikan, TUAN ANWAR BIN IBRAHIM (Permatang Pauh).

„ Menteri Luar Negeri, DATO' ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

„ Menteri Kewangan, DATO' PADUKA DAIM ZAINUDDIN, D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

- Yang Berhormat Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN LEE KIM SAI, P.P.N. (Hulu Langat).
- „ Menteri Belia dan Sukan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.S.A.P. (Pekan).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATUK KASITAH BIN GADDAM, P.G.D.K. (Kinabalu).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN NG CHENG KIAT (Klang).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.I.J., P.N.B.S., D.P.M.S., K.M.N. (Pulai).
- „ Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' HAJI SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.S. (Temerluh).
- „ Menteri Perusahaan Awam, DATO NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).
- „ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Setiu).
- „ Menteri Kebajikan Masyarakat, DATO' MUSTAFFA BIN MOHAMMAD, D.P.M.J., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).
- „ Menteri Buruh, DATO' LIM AH LEK, D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentung).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, DATO HAJI MOHAMED AMIN BIN HAJI DAUD, D.I.M.P., J.M.N., A.M.N., A.M.P. (Rompin).
- „ Timbalan Yang di-Pertua, TUAN D. P. VIJANDRAN (Kapar).
- „ Timbalan Menteri Buruh, DATO' K. PATHMANABAN, D.S.N.S., K.M.N. (Telok Kemang).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., J.M.N. (Paloh).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, TUAN MOHD. KASSIM BIN AHMED (Machang).
- „ Timbalan Menteri Pertanian, DATO' S. SUBRAMANIAM, D.S.N.S., D.P.M.J., S.M.J. (Segamat).
- „ Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Awam, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).
- „ Timbalan Menteri Kebudayaan dan Pelancongan, DATO' NG CHENG KUAI, D.P.M.P., A.M.P. (Lumut).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).
- „ Timbalan Menteri Kerjaraya, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.I.M.P. (Jerantut).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).
- „ Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' KOK WEE KIAT, A.M.N. (Selandar).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).
- „ Timbalan Menteri Buruh, TUAN KALAKAU UNTOL (Tuaran).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).
- „ Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN OSU BIN HAJI SUKAM (Papar).
- „ Timbalan Menteri Penerangan, TUAN RAILEY BIN HAJI JAFFREY (Silam).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN LAW HIENG DING, K.M.N., P.B.S. (Sarikei).
- „ Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).
- „ Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).
- „ Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, DATO HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).
- „ Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD (Mukah).
- „ Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).
- „ Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).
- „ Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DRS SULEIMAN BIN MOHAMED (Titiwangsa).
- „ Timbalan Menteri Belia dan Sukan, CIK TENG GAIK KWAN, A.M.N., P.P.N. (Raub).

Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR TING CHEW PEH (Gopeng).

- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI DUSUKI BIN HAJI AHMAD, D.I.M.P. (Tumpat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Masyarakat, TUAN PETER CHIN FAH KUI (Lambir).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, TUAN ONG TIN KIM (Teluk Intan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, TUAN ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, P.M.P., A.M.P. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN MOHAMED BIN JAMRAH, A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN ADAM BIN ABDUL KADIR (Kuantan).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).
- „ TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).
- „ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).
- „ DR ABDUL HADI BIN DERANI, K.M.N., A.M.K. (Kota Setar).
- „ DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim Bandar Baharu).
- „ TUAN HAJI ABDUL MANAF BIN HAJI AHMAD, A.M.N., A.M.P., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAHMAN BIN BAKAR (Marang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, D.S.M., A.M.N., P.J.K. (Lembah Pantai).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ DATO' ABDULLAH AHMAD, S.J.M.K., D.P.M.K., P.N.B.S., A.D.K. (Kok Lanas).
- „ DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.M.P.N., D.J.N., K.M.N. (Kepala Batas).
- „ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

- Yang Berhormat DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).
- „ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).
- „ TUAN HAJI BASRI BIN BAJURI, K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K. (Penampang).
- „ TUAN HAJI BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHEW KAM HOY, A.M.K., J.P. (Padang Serai).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SAMSON CHIN CHEE TSU (Tawau).
- „ DR V. DAVID (Puchong).
- „ TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).
- „ DR ENG SENG CHAI (Petaling Jaya).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ TUAN GERARD MATH LEE MIN, A.S.D.K. (Gaya).
- „ TUAN HAJI GHAZALI BIN AHMAD, A.M.N., P.C.K. (Jerai).
- „ DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- „ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).
- „ TUAN HASHIM BIN SAFIN *alias* SHAFAIN, A.M.N. (Tanah Merah).
- „ TUAN HSING YIN SHEAN (Tanjong Aru).
- „ TUAN HAJI HUSSEIN BIN HAJI TAIB, P.P.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN HU SEPANG (Rasah).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM BIN ALI (Pasir Mas).
- „ TUAN HAJI IBRAHIM AZMI BIN HASSAN (Kuala Nerus).
- „ DATO' ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).
- „ TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGGA, P.B.S. (Kapit).
- „ TUAN JUSTINE ANAK TEMENGGONG JINGGUT (Ulu Rajang).
- „ DATUK KADOH AGUNDONG, P.G.D.K. (Padas).
- „ DATO' HAJI KAMARUZAMAN BIN HAJI AHMAD, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N., J.P. (Tanjung Karang).
- „ TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN LAINUS ANAK ANDREW LUWAK (Serian).

Yang Berhormat TUAN LAU DAK KEE (Pasar Pinji).

- „ TUAN LAW LAI HENG *alias* GOH LAI HENG, P.I.S., B.S.I., K.M.N., A.M.N. (Pontian).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Bukit Bintang).
- „ DATO' PAUL LEONG KHEE SEONG, D.P.C.M. (Taiping).
- „ TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).
- „ TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).
- „ PUAN LING CHOOI SIENG (Kluang).
- „ TUAN MADATANG BIN MOREJAL (Bandau).
- „ TUAN MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).
- „ TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).
- „ TUAN HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, P.J.K. (Maran).
- „ DATO' HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, D.J.M.K., K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ISA, A.M.N., P.S. (Kuala Kerai).
- „ TUAN HAJI MOHAMED SAM BIN HAJI SAILAN, A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Muar).
- „ TUAN MOHAMED TAWFIK BIN TUN DR ISMAIL (Sungai Benut).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN YAAKOB (Rantau Panjang).
- „ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN MOHAMMAD SUBKY BIN HAJI ABDUL RAOF, A.M.N., P.J.M. (Balik Pulau).
- „ TUAN HAJI MOHAMMED YUSOFF BIN HAJI ABDUL LATIFF, J.P. (Tasek Gelugor).
- „ DATUK SERI HAJI MOHD. ADIB BIN HAJI MOHD. ADAM, D.G.S.M. (Alor Gajah).
- „ TUAN MOHD. NOH BIN RAJAB (Tampin).
- „ TUAN HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH, S.M.K. (Bachok).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN (Larut).
- „ DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J., S.P.M.S., D.U.N.M., S.P.N.S. (Kota Tinggi).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P. S.P.C.M., K.C.R.L., K.ST.J. (Limbawang).

Yang Berhormat TUAN MUTANG TAGAL (Bukit Mas).

- „ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN NGOI THIAM WOH (Kampar).
- „ DR NICHOLAS MUNONG ANAK IBAU (Rajang).
- „ TUAN NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).
- „ TUAN JOE OJIHI SUPIRING (Marudu).
- „ TUAN ONG TEE KEAT (Ampang Jaya).
- „ DATO' OO GIN SUN, D.S.D.K., S.D.K., A.M.K., J.P. (Alor Setar).
- „ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).
- „ TUAN M. G. PANDITHAN, K.M.N. (Tapah).
- „ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).
- „ TUAN P. PATTO (Ipoh).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bayan Baru).
- „ DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., P.C., K.M.N., A.M.N. (Saratok).
- „ TUAN PITTING BIN HAJI MOHD. ALI (Kinabatangan).
- „ DATO' RADZI BIN SHEIKH AHMAD, D.P.M.P. (Kangar).
- „ DATIN PADUKA HAJJAH RAHMAH BINTI OTHMAN, D.P.M.S., J.S.M., S.M.S., A.M.P., P.J.K. (Shah Alam).
- „ DATO' RAIS YATIM, D.S.N.S. (Jelebu).
- „ Y.B.M. TENGGU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).
- „ DATO' HAJI SAIDIN BIN HAJI MAT PIAH, D.P.M.P., P.M.P., A.M.N., P.J.K. (Tasik Chenderoh).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, S.P.D.K., J.P. (Semporna).
- „ TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).
- „ DATO SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD, D.P.M.J., P.I.S. (Johor Bahru).
- „ PUAN HAJJAH SHARIFAH DORAH BINTI DATO' SYED MOHAMMED, S.M.J., A.M.N., P.I.S., B.S.I. (Parit Sulong).
- „ TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).
- „ TUAN S. S. SUBRAMANIAM, P.J.K., A.M.S. (Hulu Selangor).
- „ TUAN TAIMAN BIN LUMAING (Pensiangan).
- „ DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Batang Lupar).
- „ TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).
- „ DR TAN SENG GIAW (Kepong).

Yang Berhormat TUAN TEOH TEIK HUAT (Bagan).

- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN TIEU SUNG SENG *alias* TIU SIING SENG (Sibu).
- „ TUAN TING CHEK MING (Batu Gajah).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN HAJI WAN OMAR BIN WAN MAJID, S.M.K., P.P.N. (Pasir Puteh).
- „ TUAN WANG CHOON WING, A.M.N. (Lipis).
- „ DATUK HAJI YAHAYA BIN MOHD. SHAFIE, P.S.D., P.M.P., A.M.P., A.M.N., J.P. (Tambun).
- „ PUAN SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN JOHARI, D.S.D.K., K.M.N., P.P.N., B.K.M., P.J.K., J.P. (Sik).
- „ DATO' ZAINAL ABIDIN BIN ZIN, D.P.M.P., P.M.P. (Bagan Serai).
- „ DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N., P.J.K. (Besut).
- „ TUAN ZUBIR BIN EMBONG (Kuala Terengganu).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Dato' Haji Wan Zahir bin Sheikh Abdul Rahman,
D.P.M.P., J.S.M.

Ketua Penolong Setiausaha: Haji Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid, A.M.N.

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Ketua Penyunting: Haji Yahya Manap.

Penyunting Kanan: P. B. Menon.

Penyunting Kanan: Haji Osman bin Sidik.

Penolong Penyunting: N. Ramaswamy.

Penolong Penyunting: Amran bin Ahmad.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Hajjah Kalsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abdul Samad.

Jainah binti Sakimin.

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Mohd. Kassim bin Hashim

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 17hb Oktober, 1989

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

PENGUMUMAN TUAN
YANG DI-PERTUA

CUTI KEPADA AHLI-
AHLI—KEBENARAN

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya suka hendak memberitahu Dewan ini iaitu pada menjalankan kuasa-kuasa yang telah diberikan kepada saya mengikut ketetapan yang dibuat oleh Dewan ini pada 25hb April, 1961, saya telah membenarkan cuti daripada menghadiri mesyuarat di bawah Perkara 52(2) Perlembagaan Persekutuan kepada:

1. Y. B. Tuan Haji Abdul Manaf bin Haji Ahmad Ahli Parlimen bagi kawasan Sungai Petani dari 16hb Oktober-10hb November, 1989.
2. Y. B. Dato' Musa bin Hitam Ahli Parlimen bagi kawasan Kota Tinggi dari 16hb Oktober-8hb Disember, 1989.
3. Y. B. Datu Haji Mustapha bin Datu Harun Ahli Parlimen bagi kawasan Limbawang dari 16hb Oktober-31hb Oktober 1989.

JAWAPAN-JAWAPAN
MULUT BAGI
PERTANYAAN-
PERTANYAAN

RANCANGAN JALAN RAYA
TIMUR BARAT

1. Tuan Haji Mohamad bin Haji Isa minta Menteri Kerja Raya menyatakan memandangkan bahawa Kerajaan Pusat, Kelantan dan Terengganu telah pun merancang dua batang jalan dari Gua Musang ke Kuala Berang, Terengganu dan dari Kuala Krai, Kelantan ke Kruak, Terengganu. Jalan-jalan ini telah pun dikaji dan akan dilaksanakan bersama oleh Kerajaan Pusat dan negeri:

- (a) sejauh manakah tindakan telah diambil untuk pelaksanaan jalan-jalan ini;
- (b) berapakah perbelanjaan bagi kedua-dua batang jalan ini;
- (c) siapakah akan membina jalan ini;
- (d) apakah kemudahan dari segi keselamatan, ekonomi apabila jalan ini siap dibina kelak; dan
- (e) bilakah jalan-jalan ini dijangka siap untuk kegunaan orang ramai.

Timbalan Menteri Kerjaraya (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan memang telah merancang untuk membina satu lagi rangkaian jalan raya Timur Barat yang menghubungkan Simpang Pulai, Perak Darul Ridzuan melalui lojing ke Gua

Musang, Kelantan Darul Naim dan seterusnya ke Kuala Berang, Terengganu Darul Iman Walau bagaimanapun mengenai jalan dari Kuala Krai, Kelantan ke Kruak, Terengganu, Kerajaan belum ada apa-apa cadangan untuk melaksanakannya pada masa sekarang.

Mengenai projek jalan dari Simpang Pulai, Perak ke Kuala Berang, Terengganu kedudukannya pada masa ini adalah seperti berikut:

- (a) setakat ini tindakan sedang diambil untuk menyediakan asas serta skop rujukan projek untuk kajian kemungkinan dan kejuruteraan terperinci.
- (b) perbelanjaan untuk jalan dari Simpang Pulai, Perak ke Kuala Berang, Terengganu belum dapat dipastikan kerana ianya masih perlu dikaji secara terperinci.
- (c) jalan ini dicadangkan untuk dibina oleh Kerajaan Persekutuan.
- (d) rangkaian jalan raya dari Simpang Pulai, Perak ke Kuala Berang, Terengganu ini akan dibina di bawah program jalan keselamatan dan projek luar bandar pada permulaannya. Tetapi apabila ianya disepadukan jalan berkenaan akan berfungsi sebagai jalan Persekutuan menghubungi beberapa bandar penting di ketigatiga buah negeri berkenaan. Adalah dijangka bahawa jalan ini akan memberi banyak faedah kepada pertumbuhan ekonomi kawasan-kawasan berkenaan, terutama dalam sektor pertanian dan pelancongan. Jalan ini juga akan memendekkan perhubungan di antara Pantai Barat dan Pantai Timur yang mana akan menggalakkan lagi perkembangan serta perhubungan ekonomi di antara

negeri Pantai Barat dan Pantai Timur Semenanjung.

- (e) projek jalan Simpang Pulai, Perak ke Kuala Berang Terengganu dicadang akan siap dalam tempoh Rancangan Malaysia Keenam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis.

(Soalan No. 2 Y.B. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis tidak hadir).

IMPORT BERAS PULUT

3. Tuan Law Lai Heng minta Menteri Pertanian menyatakan:

- (a) berapa tan beras pulut yang diimport setiap tahun dari Negeri Thai dan lain-lain negara sejak tahun 1985 hingga sekarang;
- (b) bandingan harga beras pulut pada satu tan beras pulut dari negara Thai, Myanmar dengan harga beras pulut tempatan; dan
- (c) adakah Kementerian bercadang membuka lebih banyak sawah padi (bagi tanaman beras pulut) di negara untuk memenuhi keperluan beras pulut negara.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian (Tuan Ong Tin Kim): Tuan Yang di-Pertua, bagi soalan:

- (a) LPN hanya mengimport beras pulut dari negeri Thai sahaja. Sejak tahun 1985 jumlah yang diimport adalah seperti berikut:

Tahun	Tan Metrik
1985	6,027
1986	13,695
1987	30,200
1988	31,800
1989 (Ogos)	19,825

- (b) harga beras pulut di negara Thailand tidak tetap. Walau bagaimanapun mengikut harga Board of Trade of Thailand yang dikeluarkan setiap minggu bagi beras pulut (White Glutinous Rice) berakhir pada 4 Oktober, 1989 ialah US\$295 setan metrik F.O.B. Bangkok, manakala harga beras pulut yang dijual di Malaysia adalah ditetapkan di bawah Perintah Beras (Kawalan Harga) 1974 seperti berikut:

<i>Peringkat Jualan</i>	<i>Harga Jualan Maksimum Setan Metrik</i>
Peringkat Jualan Utama	\$1,043.40
Peringkat Jualan Borong	\$1,117.40
Peringkat Jualan Runcit	\$1,200.00

- (c) Kerajaan tidak bercadang untuk membuka lebih banyak sawah padi untuk tanaman padi pulut di negara ini bagi memenuhi keperluan beras pulut negara. Ini adalah kerana di negara ini padi pulut tidak ditanam dengan cara besar-besaran, sebaliknya ia ditanam untuk memenuhi keperluan keluarga sahaja. Di antara sebab-sebab padi pulut tidak ditanam secara meluas ialah tempoh matang yang panjang dan keupayaan pengeluaran hasil yang rendah jika dibandingkan dengan padi biasa. Selain daripada itu, permintaan terhadap beras pulut pula adalah terhad dan hanya tinggi pada musim-musim perayaan sahaja. Oleh itu penekanan terhadap pengeluaran beras pulut tempatan tidaklah diberi keutamaan.

CARIGALI PETROLEUM

4. Tuan Abdol Mulok bin Awang Damit minta Perdana Menteri menyatakan sama ada sistem perkongsian kos dan keuntungan di bawah kontrak Perkongsian pengeluaran yang digunakan di negara merupakan satu-satunya sistem yang dapat memaksimumkan keuntungan daripada hasil petroleum negara ini. Apakah sistem ini berjaya untuk menarik pelabur-pelabur antarabangsa dan berapakah modal yang telah dilaburkan oleh pelabur-pelabur asing bagi kerja-kerja mencarigali dan mengeluarkan petroleum di negara ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, Malaysia telah menggunakan sistem Kontrak Perkongsian Pengeluaran, dengan izin, Production Sharing Contract, bagi kegiatan mencarigali petroleum semenjak tahun 1976. Kerajaan berpendapat sistem Kontrak Perkongsian Pengeluaran yang digunakan sekarang ini adalah yang terbaik sekali dalam memastikan pulangan faedah yang maksima dari segi hasil petroleum, pengurusan, operasi serta penggunaan barangan, perkhidmatan serta tenaga kerja tambahan dan tempatan. Dibandingkan dengan syarat-syarat fiskal dari pelbagai bentuk perjanjian-perjanjian mencarigali petroleum di negara-negara lain di rantau ini, Kontrak Perkongsian Pengeluaran Malaysia adalah dianggap sebagai yang paling ketat dan memberi peratusan pulangan yang tertinggi kepada Kerajaan. Namun begitu, syarikat-syarikat minyak asing masih tertarik untuk melabur di Malaysia memandangkan prospek penemuan petroleum yang tinggi. Ini ditambah pula dengan kestabilan politik dan ekonomi serta persekitaran suasana kerja yang baik bagi syarikat-syarikat minyak melabur di sini.

Untuk menggalakkan usaha-usaha mencarigali yang intensif dan seterusnya menambahkan keuntungan daripada hasil petroleum, pada tahun 1985 Kerajaan telah mengkaji semula syarat-syarat Kontrak Perkongsian Pengeluaran. Syarat-syarat baru Kontrak Perkongsian Pengeluaran telah dapat minat lebih ramai pelabur-pelabur asing. Semenjak tahun 1987 hingga kini sejumlah 22 kontrak baru telah ditandatangani melibatkan 32 buah syarikat antarabangsa daripada 13 buah negara berbanding dengan 7 Kontrak Perkongsian Pengeluaran yang telah ditandatangani di bawah sistem lama.

Jumlah modal yang dilabur oleh pelabur-pelabur asing bagi kerja-kerja mencarigali dan mengeluarkan petroleum setakat ini ialah sebanyak 22.2 ribu juta ringgit ataupun 22.2 billion ringgit. Di dalam tempoh lima tahun yang akan datang pada kontraktor tersebut dijangka membelanja sebanyak 1,005 juta ringgit bagi kerja mencarigali petroleum.

Tuan S. S. Subramaniam: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin dapat tahu daripada Yang Berhormat Menteri, dari segi transfer of technology, dengan izin, adakah kerjasama dengan pihak-pihak asing yang lebih baik ataupun kerjasama dengan pihak-pihak tempatan? Oleh kerana saya dapat tahu jika kita terdapat seorang usahawan tempatan, pengetahuan dan teknologi yang boleh diperolehi dengan lebih mudah oleh orang kita dan juga kita pada akhirnya boleh mengeksport teknologi ini ke negara-negara jiran kita. Oleh yang demikian, saya ingin dapat tahu sebab apakah pihak Petronas tidak boleh menggalakkan pihak-pihak local ataupun tempatan untuk memasuki di dalam bidang ini.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Tuan Yang di-Pertua, kontrak mencarigali ini dibuka dengan sesiapa juga sama ada syarikat tempatan

mahupun syarikat dari luar negeri. Tetapi apa yang berlaku sekarang bahawa syarikat-syarikat tempatan kurang mempunyai pengalaman kepakaran dan teknologi untuk mencarigali minyak, terutama sekali di lautan negara kita. Walau bagaimanapun menerusi syarikat carigali Petronas, kita telah mendapat banyak ilmu pengetahuan dan transfer of technology daripada syarikat-syarikat asing yang bekerjasama ataupun berkongsi dengan kita.

LESEN TEKSI KEPADA SYARIKAT

5. Dr Chen Man Hin minta Menteri Perusahaan Awam menyatakan mengapa individu-individu diskriminasikan dan Kerajaan memihak kepada syarikat-syarikat besar dalam pemberian lesen-lesen teksi ekoran dasar untuk meluluskan hanya permohonan-permohonan secara 100 permit teksi yang dibuat oleh syarikat-syarikat atau persatuan.

Timbalan Menteri Perusahaan Awam (Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha): Tuan Yang di-Pertua, dasar untuk memberi lesen-lesen teksi kepada syarikat-syarikat di Wilayah Persekutuan adalah bertujuan untuk mempertingkatkan pekhidmatan teksi di negara kita dengan cara mewujudkan pengusaha-pengusaha teksi yang mempunyai modal yang cukup untuk membeli dan menyelenggara kenderaan serta berupaya mengendalikan operasi teksi dengan lebih bertanggungjawab. Ia juga bertujuan untuk memudahkan pihak-pihak berkuasa untuk mengesan, mengawal dan mengambil tindakan sewajarnya seperti di dalam kes-kes penguatkuasaan dan sebagainya yang mana mudah diambil ke atas beberapa buah syarikat dan tidak ke atas beribu-ribu pemegang lesen perseorangan sepertimana yang dilaksanakan di masa lalu di mana didapati sukar.

Dengan dasar baru ini adalah diharapkan disiplin di kalangan pemandu-pemandu dan juga perkhidmatan teksi pada keseluruhannya akan dapat dikawal. Oleh yang demikian, lesen-lesen hanya diberikan kepada syarikat-syarikat yang mempunyai modal dan pengalaman yang mencukupi di dalam bidang-bidang pengangkutan dan syarikat-syarikat tersebut adalah bertanggungjawab ke atas segala aspek perkhidmatan teksi mereka.

Di bawah dasar baru ini, pemandu-pemandu teksi yang ada sekarang boleh menyertai syarikat-syarikat yang diluluskan lesen-lesen teksi sebagai pemegang saham atau pemandu atau kedua-duanya. Ingin dimaklumkan juga iaitu di dalam pengeluaran lesen-lesen teksi yang baru bagi Wilayah Persekutuan keutamaan akan juga diberikan kepada syarikat-syarikat kepunyaan persatuan-persatuan teksi di Wilayah Persekutuan. Dengan ini pemandu-pemandu yang menjadi ahli-ahli persatuan teksi akan dapat menyertai secara langsung dan menerima faedah daripada penambahan lesen teksi di Wilayah Persekutuan.

Tuan Lee Lam Thye: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa sebab utama permit teksi dikeluarkan oleh Kerajaan kepada syarikat-syarikat ataupun persatuan-persatuan ialah bahawa mereka boleh memberikan perkhidmatan yang baik dan disiplin pemandu-pemandu teksi dapat dikawal. Tetapi di sini saya bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada beliau sedar bahawa keputusan Kerajaan ataupun Kabinet untuk hanya membenarkan syarikat-syarikat dan persatuan-persatuan memohon permit teksi dan tidak membenarkan pemandu-pemandu individu berbuat demikian. Adalah amat tidak adil kerana dengan keputusan ini pemandu-pemandu teksi berpengalaman yang telah memohon

berulang-ulang kali, yang mampu memberikan perkhidmatan yang baik dan disiplin mereka boleh ditentukan dan sekiranya mereka tidak dapat peluang untuk memiliki permit itu sendiri adakah ini bermakna bahawa mereka akan dinafikan hak ataupun dinafikan peluang untuk mempunyai permit sendiri dan terpaksa menyewa teksi daripada syarikat yang berkecuaan dan tertakluk kepada berbagai-bagai syarat yang menyusahkan mereka.

Yang kedua, saya ingin mendapat tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri, tentang bilangan syarikat dan jenis persatuan yang telah diberikan kelulusan untuk memohon permit teksi dan bilangan permit yang telah dikeluarkan baru-baru ini. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa ada sebuah syarikat yang bernama Saujana Car Hire Sdn. Bhd. yang diberikan lebih kurang 200 permit mengenakan berbagai-bagai syarat-syarat yang amat tidak adil seperti pemandu teksi dikehendaki untuk membayar deposit \$3.000 yang tidak dapat dipulangkan dan mereka juga dikenakan jenis sewa harian \$50 adalah merupakan syarat-syarat yang tidak adil dan akan menyusahkan mereka.

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, Kuala Lumpur ialah bandaraya yang sedang meningkat dan setaraf dengan bandaraya di dunia ini. Harapan Kerajaan dan juga seluruh rakyat Malaysia ialah menjadikan Bandaraya Kuala Lumpur termasyhur. Dan kita memerlukan persimbangan dari segi perkhidmatan kepada rakyat, orang ramai, pengguna-pengguna, "passengers" dan juga kepada pengusaha-pengusaha. Pengalaman Lembaga ialah pengusaha-pengusaha perseorangan tidak mungkin dapat memberikan perkhidmatan yang cemerlang dan tinggi jika dibandingkan dengan kemampuan-kemampuan jika diusahakan oleh syarikat-syarikat yang berkemampuan.

Pengalaman-pengalaman negara-negara luar di mana syarikat-syarikat besar mengusahakan perusahaan teksi ini dapat memberikan perkhidmatan yang baik dan cemerlang. Pengalaman kita pula dengan individu-individu ini ialah pengalaman pahit di mana pemandu-pemandu, walaupun bukan sebahagian daripadanya telah menyelewengkan tugas mereka dengan tidak mengambil passengers di masa-masa yang penting dan perlu dengan memberikan reasons ataupun kononnya terpaksa menghadapi shift yang baru dan sebagainya ataupun tidak memberi alamat yang tepat untuk dihubungi kerana masalah-masalah melanggar undang-undang jalanraya dan tidak mematuhi undang-undang yang ditentukan, syarat-syarat permit yang ditentukan dan bermacam-macam masalah yang kita hadapi dengan pemandu-pemandu individu itu.

Dan seringkali juga kita menghadapi masalah memalukan apabila berhadapan dengan pelawat-pelawat asing kerana mereka kadangkala terpaksa bayar sewa teksi yang mahal yang sepatutnya tidak begitu. Oleh sebab masalah-masalah inilah yang kita menghadapi dan memandangkan negara kita akan mengadakan persidangan CHOGM dan juga Tahun Melawat Malaysia pada tahun hadapan, maka hasrat Kerajaan ialah untuk menjadikan perkhidmatan teksi ini sebagai satu perkhidmatan yang boleh memberikan satu nama yang baik kepada Bandaraya Kuala Lumpur. Jadi, adalah tidak benar Kerajaan ataupun Lembaga berhasrat untuk menafikan hak individu kerana sekarang inipun banyak daripada individu-individu itu telah mempunyai teksi persendirian. Bahkan pemberian permit teksi kepada syarikat-syarikat ini adalah terhad kepada Wilayah Persekutuan sahaja. Bagi tempat-tempat lain, pihak individu masih lagi dibenarkan untuk beroperasi dan memohon permit-permit ini.

Bagi menjawab soalan yang kedua, sememangnya sebuah syarikat yang bernama Saujana Car Hire Sdn. Bhd. telah diberikan lesen untuk beroperasi sejumlah 200 teksi. Kebetulan inilah sahaja sebuah syarikat yang telah diberikan lesen, yang lain belum lagi dan untuk makluman juga jumlah permohonan ialah 7,220 individu yang memohon, 40 persatuan ataupun koperasi dan 578 buah syarikat telah memohon untuk menawarkan perkhidmatan teksi semasa pembukaan semula permohonan untuk Wilayah Persekutuan.

Kenapa syarikat Saujana Car Hire Sdn Bhd. diberikan peruntukan 200 teksi, Tuan Yang di-Pertua, ialah kerana kita mahukan persiapan yang segera untuk menghadapi CHOGM dan Tahun Melawat Malaysia. Kerana kita menjangkakan apabila melalui proses interviu yang akan kita laksanakan, ia makan masa yang panjang, dan kemungkinan apabila sampai masa Tahun Melawat Malaysia bermula pada 1hb Januari kelak, perkhidmatan teksi yang kita akan jangkakan dapat memberi nama yang baik kepada negara khususnya kepada Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, tidak dapat diwujudkan. Maka dengan dasar itulah kita telah meluluskan permohonan 200 teksi ini kepada Saujana Car Hire Sdn Bhd. Saya tidak pasti mengenai apa yang disarankan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Insya Allah, saya akan menyiasat perkara ini supaya perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat itu tidak diteruskan.

Dato' Dr Affifudin bin Haji Omar:
Tuan Yang di-Pertua, saya harap dasar ini dikhususkan untuk Kuala Lumpur sahaja kerana soalan tambahan saya ialah mengapakah Lembaga Pelesenan Teksi ini terlalu susah untuk memberi permit-permit teksi kepada penduduk-penduduk luar bandar. Dan saya

mendapat tahu daripada pemohon-pemohon yang gagal sebab kegagalan mereka ialah ketiadaan bank account walaupun mereka membawa lesen tanah untuk menunjukkan keupayaan mereka membeli teksi. Jadi, soalan yang kedua, adakah Lembaga bertujuan untuk menukar dasar ini ataupun menukar cara ini kerana satu daripada cara-cara orang luar bandar keluar daripada putaran kemiskinan ialah perniagaan dan teksi adalah satu bidang perniagaan yang mana mereka tidak dapat menunjuk bukti bank account tetapi hanya geran-geran tanah sahaja

Tuan Haji Daud bin Dato' Haji Taha: Tuan Yang di-Pertua, dasar pemberian teksi bukanlah semata-mata berdasarkan kepada modal. Lain-lain kriteria ialah dari segi keperluan, juga kesungguhan pemohon-pemohon tersebut kerana di masa-masa yang lalu, kita dapati banyak pemohon-pemohon yang berjaya, apabila mendapat sahaja permit, tidak menggunakannya untuk keperluan sendiri tetapi memajakkannya kepada orang lain. Dan sesungguhnya, cara-cara ini sangat berleluasa sekiranya permohonan itu mengemukakan modalnya melalui geran tanah. Oleh itu, kita selalu syak sangka apabila mereka tidak dapat mengemukakan modal simpanan wang ataupun bank statement dan sebagainya. Kita khawatir kalau mereka diberikan lesen, jalan yang senang ialah memajakkan kepada orang lain. Oleh sebab itu sekiranya ada kesungguhan bagi pihak yang mahukan permit ini hendaklah menunjukkan kesungguhan dengan mencari modal yang tunai ataupun simpanan wang di bank dan seterusnya hendaklah bersungguh-sungguh iaitu berkali-kali membuat permohonan. Sememangnya kita memberikan percubaan kepada mereka dengan menolak beberapa kali. Kalau mereka bersungguh-sungguh hendak menjadi pemandu teksi membuat permohonan berkali-kali. Selalunya selepas tiga

atau empat kali memohon kita akan luluskan. Begitulah caranya untuk mendapat lesen.

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN AGAMA ISLAM

6. Tuan Haji Mohamed Yusoff bin Haji Abdul Latif minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) adakah pihak Jabatan Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri bercadang untuk menyelaraskan Pelaksanaan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam di semua negeri di Malaysia yang kini tidak seragam;
- (b) jika ia, apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk tujuan tersebut; dan
- (c) jika tidak, apakah halangan-halangan yang dihadapi.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha untuk menyelaras dan menseragamkan undang-undang dan pentadbiran mengenai hal ehwal agama Islam antara negeri-negeri di Malaysia, telah dibuat sejak tertubuhnya Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia pada tahun 1968. Antara langkah-langkah yang telah dan sedang diambil adalah:

- (a) menseragamkan enekmen pentadbiran agama Islam bagi semua negeri;
- (b) mengadakan undang-undang keluarga Islam yang seragam bagi semua negeri;
- (c) mengadakan susunan organisasi jabatan-jabatan agama Islam negeri yang kemas dan seragam;
- (d) mengadakan susunan organisasi mahkamah-mahkamah syariah yang kemas dan seragam bagi tiap-tiap negeri;

- (e) mengadakan seminar, bengkel dan kursus latihan dari semasa ke semasa bagi pegawai dan kakitangan jabatan-jabatan agama Islam;
- (f) mengadakan persidangan Ketua-ketua Jabatan dan Majlis Agama Islam Negeri pada tiap-tiap tiga bulan sekali;
- (g) mengadakan persidangan Kadi-kadi Besar tiga kali setahun;
- (h) menggubal kaedah-kaedah dan "prosiding" mahkamah syariah; dan
- (i) menyusun semula dan memperkemas pentadbiran zakat dan baitulmal.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya Yang Berhormat Setiausaha Parlimen, semasa melaksanakan Undang-undang Pentadbiran Islam sama ada hak orang-orang bukan Islam akan terlibat atau dijejaskan dan apakah jaminan yang akan diberikan oleh pihak Kerajaan untuk memastikan bahawa hak-hak orang bukan Islam tidak akan dijejaskan, khususnya apakah langkah yang akan diambil oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk menyelesaikan krisis Enakmen Pentadbiran Undang-undang Islam Negeri Selangor yang baru diwartakan pada 20hb September, 1989 di mana hak-hak orang bukan Islam telah dicabuli?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Yang di-Pertua, susah saya hendak bercakap dengan orang yang tidak faham dengan Islam. Undang-undang Islam ini sudah pasti kena pada Islam sahajalah, misalnya orang Islam yang tidak puasa, jadi kita tangkap orang yang tidak berpuasa. Itu salah satu daripada contoh, jadi kalau tidak faham mengenai Islam, susah hendak bercakap.

Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ini Perlembagaan kita telah menunjukkan

bahawa hak-hak asasi bagi semua kaum, kebebasan beragama telah pun jelas di dalam Perlembagaan dan di dalam urusan pentadbiran Islam ini kita menyebutkan tentang susunannya dan sudah pasti hak-hak agama lain akan juga dihormati oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.

Begitu juga dengan urusan Kerajaan Negeri Selangor, saya rasa ini telah pun dijelaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga oleh Kerajaan Negeri Selangor bahawa ini hanyalah salah faham, salah tafsiran mengenai Rang Undang-undang yang diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri Selangor.

Bagi pihak Kerajaan, saya memberi jaminan bahawa hak-hak kaum lain yang bukan Islam adalah dijamin mengikut Perlembagaan Negara kita.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dalam jawapan Setiausaha Parlimen sekejap tadi, pihak Kerajaan ada usaha-usaha untuk menyelaraskan Undang-undang Pentadbiran Agama Islam. Itu adalah satu usaha yang baik dan kita akan tunggu, tetapi satu perkara yang telah berlaku sebagai incident baru-baru ini mengenai umur yang dihadkan oleh Majlis Agama Islam di peringkat Negeri bercanggah dengan apa yang ditetapkan oleh Perlembagaan sebagaimana yang dibangkitkan oleh Wakil dari Kota Melaka, apa yang telah diluluskan oleh Negeri Selangor baru-baru ini. Sebab Negeri Selangor telah meluluskan mengikut umur baligh dan mengikut apa yang dikehendaki oleh Islam sendiri tetapi mengikut dalam Perlembagaan mestilah sampai kepada umur 18 tahun, tidak begitukah?

Jadi, bila berlaku percanggahan ini bagaimana langkah Kerajaan, adakah ia akan meminda undang-undang Persekutuan ataupun akan meminda

undang-undang Negeri ataupun akan dibiarkan dengan tidak berguna apa yang diputuskan oleh pihak Negeri, sebab perkara ini bukan perkara kecil, perkara besar. Kerajaan sendiri telah meluluskan di peringkat Negeri, tetapi apa yang diluluskan itu tidak boleh diamalkan kerana bercanggah dengan Akta Perlembagaan Negara Malaysia. Apakah rancangan Kerajaan dan langkah-langkah yang diambil, adakah Kerajaan sanggup akan meminda Akta Persekutuan ataupun akan membatalkan apa yang telah diputuskan oleh peringkat Negeri, saya minta penjelasan.

Tuan Othman bin Abdul: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, di atas ingatan Yang Berhormat Ahli dari Pengkalan Chepa itu, insya Allah. Saya telah jelaskan tadi bahawa kita akan mengambil tindakan untuk menyelaraskan dalam soal ini dan sudah pasti kita akan menyesuaikan keadaan ataupun keputusan itu berdasarkan kepada urusan mengikut pandangan Islam ataupun hukum Islam, boleh diselesaikan urusan ini supaya ianya tidak akan bercanggah ataupun pelaksanaannya tidak akan menimbulkan masalah kepada semua masyarakat dan ini telah dirundingkan oleh Majlis Hal Ehwal Kebangsaan Agama Islam negara kita, insya Allah, kita akan melihat dalam perkara ini.

PERUNTUKAN TAMBAHAN KEPADA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

7. Tuan Chian Heng Kai minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada sejak 3-8-1986 hingga 30-9-1989, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pernah membuat permohonan rasmi kepada Kerajaan Pusat supaya memberi peruntukan tambahan dan peruntukan khas atau peruntukan baru kepada negeri itu selain daripada peruntukan-peruntukan yang diberikan mengikut

Perlembagaan Persekutuan. Jika ya, sila nyatakan tarikh-tarikh permohonan dibuat, tarikh-tarikh perbincangan antara kedua-dua pihak, apakah peruntukan yang dimohon dan jumlahnya dan apakah hasil permohonan ini.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Negeri Pulau Pinang pernah membuat permohonan-permohonan berikut daripada Kerajaan Pusat pada 26-6-1989:

- (i) pemberian sebanyak \$7.5 juta dalam masa 2 tahun untuk membolehkan Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai menaikkan taraf jalan-jalan yang "sub-standard" kepada jalan-jalan yang "standard";
- (ii) memohon agar kos bagi penyelenggara "Pedestrian Mall" dapat dibiayai dari Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya; dan
- (iii) Pemberian Tahunan berjumlah \$1 juta bagi membantu Kerajaan Negeri dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Majlis Perbandaran Seberang Perai menyelenggara parit-parit yang tidak diselenggara oleh Jabatan Parit dan Saliran.

Ingin saya maklumkan iaitu permohonan yang dibuat oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang itu tidak dapat dipenuhi disebabkan Majlis Kewangan Negara yang bermesyuarat pada 13-3-1982 telah membuat keputusan bahawa jalan-jalan yang mencapai mutu minimum sahaja yang boleh diberi Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya. Ini adalah bertujuan untuk menggalakkan

negeri-negeri berusaha menaikkan taraf jalan yang "sub-standard" kepada taraf jalan "standard" mengikut kiraan JKR.

Berkaitan dengan penyelenggaraan "Pedestrian Mall" dan parit-parit di dalam kawasan Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Seberang Perai pula, Kerajaan Pusat tidak dapat memberi apa-apa bantuan memandangkan Majlis-majlis Perbandaran berkenaan mendapat hasil cukai-cukai tempatan. Hasil-hasil tersebut bolehlah digunakan untuk menyelenggara "Pedestrian Mall" dan parit-parit di dalam kawasan masing-masing.

Walau bagaimanapun, sukacita dimaklumkan Kementerian telah membuat satu kajian terhadap kadar Pemberian Penyelenggaraan Jalan Raya. Hasil daripada kajian itu telah dibawa ke mesyuarat Majlis Kewangan Negara pada 11-2-1989 dalam mana Majlis Kewangan Negara telah pun bersetuju dengan kadar baru yang dicadangkan itu. Dengan keputusan tersebut, jumlah pemberian kepada Kerajaan-kerajaan Negeri termasuk Pulau Pinang dijangka akan meningkat sebanyak 40% berbanding dengan pemberian tahun ini. Pemberian mengikut perkiraan baru ini akan bermula pada tahun 1990. Saya percaya dengan pertambahan pemberian ini, ia akan dapat membantu Kerajaan-kerajaan Negeri termasuk Pulau Pinang mengatasi kekurangan kewangan yang dihadapinya.

Tuan Chian Heng Kai: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya setakat ini pernahkah Kerajaan Negeri Pulau Pinang memohon supaya sebahagian kutipan tol Jambatan Pulau Pinang dibahagikan kepada Kerajaan Negeri Pulau Pinang? Jika ada, apakah hasilnya?

Dato' Wan Abu Bakar bin Wan Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini keluar daripada skop soalan yang asal.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Nicholas Munong Ibau.

(Soalan No. 8 Y.B. Dr Nicholas Munong Ibau tidak hadir).

RUMAH KOS RENDAH DI TAWAU

9. Tuan Samson Chin Chee Tsu minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan dengan tepat berapakah tuannya rumah daripada sejumlah seratus empat belas (114) buah rumah kos rendah yang telah siap dibina dalam bulan Ogos, 1989 di Tawau, telah diberikan kunci-kunci rumah impian masing-masing. Memandangkan kepada harga pembelian sebanyak tiga puluh ribu ringgit (MYR32,000.00) sebuah di-sebalik MYR25,000.00 seperti harga yang telah ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan, mengapakah Kontraktor Silvereed Sdn Bhd. masih menuntut bayaran tambahan sebanyak MYR2,000.00 daripada setiap tuannya rumah sebelum mereka diberikan kunci-kunci rumah mereka.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Haji Hussein bin Ahmad): Tuan Yang di-Pertua, 81 daripada 114 telah diberikan kunci. Tuntutan yang tidak lebih daripada \$2,000 tidak kepada semua pembeli tetapi kepada setengah-setengah pembeli, bukanlah merupakan tambahan harga sebaliknya ini adalah merupakan pembayaran guaman yang didahulukan oleh pihak kontraktor daripada pihak pembeli dan juga ada setengah-setengah pembeli yang tidak dapat menyempurnakan pembayaran pendahuluan 10% yang ditetapkan itu. Oleh yang demikian pihak kontraktor menuntut balik pembayaran yang harus dibayar oleh pihak pembeli.

JALAN LUAR BANDAR/BEKALAN ELEKTRIK/INDUSTRI KECIL KAMPUNG

10. Tuan Thomas Salang Siden minta Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar menyatakan berapakah peruntukan kewangan yang sebenar untuk membina jalan-jalan luar bandar/bekalan elektrik dan industri kecil kampung-kampung dibahagikan ke Bahagian Keenam Sarikei, dan adakah kawasan Parlimen Julau ada peruntukan, kalau tidak mengapa.

Timbalan Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang disediakan bagi Bahagian Keenam Sarikei di bawah Rancangan Malaysia Kelima untuk membina jalan luar bandar, bekalan elektrik luar bandar dan industri kecil kampung ialah sebanyak \$10.4 juta. Bagi kawasan Parlimen Julau peruntukannya adalah sebanyak \$1.229 juta.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana telah menjelaskan peruntukan bagi kawasan Julau. Julau ini ialah sebahagian daripada kawasan Pilihanraya Parlimen Sarawak dan saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah peratus kawasan, dari segi peratusnya yang telah mendapat bekalan air, elektrik dan juga telefon di kawasan-kawasan pendalaman di Sarawak keseluruhannya.

Keduanya, baru-baru ini Yang Berhormat Menteri Kerajaan Negeri Sarawak, Menteri Infrastruktur telah menyatakan bahawa peratus jalan raya ataupun kawasan yang telah dibangunkan dengan jalan raya di negeri Sarawak adalah begitu mundur (kurang) kalau dibandingkan dengan kawasan-kawasan lain, terutama sekali dengan Semenanjung Malaysia. Apakah alegasi ini benar? Kalau

benar, apa tindakan yang diambil oleh pihak Kerajaan menentukan supaya ketidak seimbangan ini dapat diperbaiki?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat dari Simunjan di atas soalnya yang begitu tepat. Bagaimanapun saya perlukan notis untuk menjawab soalan yang dibangkitkan.

BANTUAN MANGSA KEBAKARAN

11. Datuk Haji Sakaran bin Dandai minta Menteri Kebajikan Masyarakat menyatakan:

- (a) apakah bentuk nilai bantuan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan kepada mangsa-mangsa kebakaran di Kg. Titingan di Tawau, Sabah baru-baru ini; dan
- (b) apakah peranan yang akan dimainkan oleh Kerajaan Pusat di dalam menempatkan kembali mangsa-mangsa kebakaran tersebut.

Menteri Kebajikan Masyarakat (Dato' Mustaffa bin Mohammad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat dari Semporna bahawa pada dasarnya, tanggungjawab bagi membantu dan memulihkan mangsa-mangsa kebakaran ataupun banjir adalah merupakan tanggungjawab Kerajaan-kerajaan Negeri kecuali di Wilayah-wilayah Persekutuan di mana tanggungjawabnya ialah di bawah Kerajaan Persekutuan. Tetapi sekiranya sesuatu bencana alam yang besar berlaku atau yang berterusan sehingga menjejaskan aktiviti dan punca rezeki penduduk, Majlis Keselamatan Negara boleh, atas permintaan Kerajaan Negeri, mengisytiharkan kawasan itu sebagai "Kawasan Bencana Alam" dan apabila sesuatu pengisytiharan sedemikian

dibuat, barulah Kerajaan Persekutuan akan menyelaraskan kerja-kerja dalam urusan memulihkan mangsa-mangsa termasuk membantu dari segi kewangan.

Dalam kebakaran yang berlaku di Kampung Titingan di Tawau, Sabah baru-baru ini, bantuan untuk mangsa-mangsa kebakaran tersebut telah pun diuruskan di peringkat Kerajaan Negeri.

PENGGREDAN SEKOLAH-SEKOLAH

12. Tuan Chew Kam Hoy minta Menteri Pendidikan menyatakan:

- (a) kriteria-kriteria yang dikenakan oleh Kementerian Pendidikan untuk menggredkan sekolah-sekolah di negara ini; dan
- (b) jumlah sekolah yang dinaikkan dan yang diturunkan gred mengikut aliran dari tahun 1980 hingga 1989.

Timbalan Menteri Pendidikan (Dr Leo Michael Toyad): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Penggredan sekolah-sekolah di-negara ini dibuat berdasarkan kepada beberapa kriteria. Bagi sekolah rendah kriteria penggredan dibuat hanya berdasarkan kepada bilangan murid sesebuah sekolah tersebut. Sementara bagi sekolah menengah, penggredan dibuat berdasarkan kepada empat kriteria:
 - (i) bilangan murid;
 - (ii) bilangan kelas tingkatan 3;
 - (iii) sama ada wujud atau tidak kelas tingkatan 5; dan
 - (iv) sama ada wujud atau tidak kelas tingkatan 6.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat urusan penggredan

ini diadakan pada setiap tahun semasa pemeriksaan anggaran belanjawan tahunan diadakan; tetapi sesebuah sekolah hanya digredkan semua di dalam tempoh dua tahun.

Untuk menjawab (b), bilangan sekolah rendah semua aliran yang dinaikkan gred bagi tahun-tahun 1980 hingga 1989 adalah sebanyak 816 buah sementara bilangan sekolah rendah yang telah diturunkan gred dalam tahun-tahun yang sama ialah 303 buah. Bagi sekolah menengah pula bilangan sekolah yang dinaikkan gred ialah sebanyak 590 buah dan bilangan sekolah yang diturunkan gred ialah 13 buah.

Tuan Maidom bin Pansai: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kerajaan sedar bahawa di dalam penggredan semula sekolah-sekolah, terutama sekali sekolah-sekolah yang dinaikkan grednya terdapat kes-kes di mana guru-guru besarnya digugurkan atau tergugur. Adakah itu disebabkan satu kesilapan ataupun ada sebab-musabab yang lain? Disebabkan dia memangnya sudah menjadi guru besar di sekolah itu sebegitu lama dan apabila ianya digugurkan, maka tentu sekali ianya merasa kecewa. Apakah tindakan Kerajaan untuk membantu guru-guru besar yang mengalami masalah sedemikian itu?

Dr Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, soalan ini terkeluar sedikit daripada soalan asal, tetapi untuk makluman Ahli Yang Berhormat, penggredan sekolah bukannya menjadi satu sebab guru-guru besar mungkin ditukar ataupun digugur, tetapi jawatan-jawatan guru besar itu atau pengurusan atas sekolah-sekolah adalah dipertimbangkan kepada banyak fakta dan juga termasuk laporan-laporan yang lain dari sekolah dan juga dari Jabatan Pendidikan Negeri.

Tuan Chew Kam Hoy: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bahawa kriteria yang digunakan untuk menggredkan antara sekolah rendah kebangsaan dan sekolah rendah jenis kebangsaan (China) atau (Tamil) adalah berlainan. Misalnya untuk sekolah rendah kebangsaan bilangan murid yang diperlukan untuk diklasifikasikan sebagai sekolah gred A adalah 320 orang tetapi untuk sekolah rendah jenis kebangsaan (China) atau (Tamil) bilangan yang diperlukan adalah 840. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan memberitahu macam mana perbezaan ini boleh berlaku dan apa sebabnya.

Dr Leo Michael Toyad: Sejauh mana yang saya faham bahawa tidak ada perbezaan seperti itu, kerana saya telah nyatakan tadi bahawa penggredan yang dibuat berdasarkan kepada bilangan murid-murid di sesebuah sekolah, tetapi kemungkinan ada sebab-sebab tertentu maka kita tidak dapat menyelaraskannya, kerana sekolah-sekolah di negara ini berbeza latar belakangnya, keperluannya dan keadaan setempatnya. Apa yang penting sekali tujuan kita menggredkan sekolah ini adalah untuk memberi pengurusan dan supaya kita dapat memberi perkhidmatan pendidikan yang sebaik-baiknya kepada anak-anak pelajar kita.

PEMBORONG BUMIPUTERA— BANTUAN PEMULIHAN

13. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan berapa ramaikah pemborong bumiputera yang mengalami kesulitan akibat kemerosotan ekonomi negara dan dunia baru-baru ini. Berapa ramaikah yang membuat permohonan untuk dipulihkan dan apakah syarat-syarat yang dikenakan bagi mendapat pemulihan itu dan apakah halangan-halangan yang menyekat kelancaran

skim atau program yang tersebut daripada dilaksanakan dengan berkesan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman): Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan tidak mengetahui berapa bilangan pemborong bumiputera yang mengalami kesulitan akibat kemerosotan ekonomi baru-baru ini kerana kita tidak membuat banci khas mengenai perkara ini.

Berhubung dengan pemborong bumiputera yang memohon bantuan pemulihan pula, sehingga akhir September, 1989, bilangan permohonan yang diterima oleh pihak Urusetia Tabung Pemulihan Usahawan-usahawan adalah sebanyak 200 permohonan. Ini tidak termasuk 227 permohonan yang melibatkan pembiayaan kurang daripada \$100,00 di mana pemohon-pemohon ini kebanyakannya memohon penghapusan bayaran faedah bank sahaja. Jumlah kesemua permohonan daripada pelbagai sektor adalah sebanyak 1,013 permohonan. Syarat-syarat utama yang dikenakan bagi mendapat bantuan pemulihan itu adalah seperti berikut:

- (i) Pemohon mestilah masih bergiat dalam bidangnya;
- (ii) Pemohon hendaklah berdaftar dengan Pusakabumi;
- (iii) Projek hendaklah masih berdaya maju;
- (iv) Syarikat hendaklah 100% milik bumiputera; dan
- (v) Hendaklah benar-benar menghadapi masalah kewangan.

Halangan-halangan utama yang menyekat kelancaran skim ini adalah seperti berikut:

- (i) Maklumat yang diberi oleh pemohon tidak mencukupi;

- (ii) Akaun syarikat tidak disimpan dengan betul;
- (iii) Ada data-data yang diberikan oleh pemohon tidak begitu tepat;
- (iv) Pemohon tidak memberitahu semua hutang-hutang mereka dengan bank-bank atau pembekal-pembekal; dan
- (v) Projek tidak berdaya maju.

Pihak Urusetia Tabung Pemulihan Usahawan sedang mengambil berbagai langkah untuk mempercepatkan pertimbangan ke atas permohonan-permohonan. Ini termasuklah dengan meminta pihak-pihak berkenaan mengadakan mesyuarat yang lebih kerap bagi membincangkan permohonan-permohonan yang diterima oleh pihak Urusetia.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan beberapa perkataan iaitu Kerajaan tidak membuat bancian mengenai pemborong. Saya ingin tahu apakah Kerajaan tidak mampu ataupun kurang berminat untuk mendapat maklumat mengenai pemborong yang bermasalah di negara kita sedangkan maklumat ini penting di dalam segala bentuk bantuan yang akan diberikan oleh pihak Kerajaan. Saya minta penjelasan.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, bilangan kalangan bumiputera yang terlibat di dalam bidang pemborongan amat banyak sekali. Jadi tidak mungkin Kerajaan dapat mengetahui siapakah yang menghadapi masalah dan siapakah yang tidak mempunyai masalah kalau tidak mereka ini tampil ke depan untuk memaklumkan kepada pihak Kerajaan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kerajaan telah memperkenalkan program TPU ini, saya ingat sudah dua tahun tetapi Yang Berhormat telah

maklumkan tadi bahawa 213 orang baru diluluskan. Saya mendapat makluman bahawa interest daripada wang ini telah pun mencapai \$50 juta. Saya menganggap kegagalan ini oleh kerana pihak secretariat, saya kurang pasti siapa yang menjadi secretariat, dia menggunakan kriteria sama seperti permohonan kita memulakan perniagaan. Kalau macam itu, itu bukan pemuliharaan. Itu adalah permohonan biasa. Yang Berhormat tidak mengetahui, saya amat terlibat dengan perkara-perkara macam ini didapati pihak secretariat mengenakan syarat sama seperti permohonan biasa.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah kita bercadang untuk memindahkan Tabung ini kepada secretariat yang mudah memikirkan cara-cara hendak pulih seperti MARA dan lain-lain lagi. Sekarang ini saya berpendapat kalau diberi kepada Bank Negara dan juga MIDF syaratnya adalah sama seperti syarat yang dikenakan kepada permohonan-permohonan biasa dan saya percaya walau pun janji diberikan akhir tahun ini akan dipulihkan semuanya, saya tidak percaya perkara ini dapat diselesaikan.

Jadi, saya ingin tahu dari pihak Kerajaan bilakah tarikh terakhir bahawa syarikat-syarikat yang menghadapi masalah ini dapat dipulihkan dan mengikut Menteri Kewangan baru-baru ini, di akhir tahun ini semuanya akan dibelanjakan.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, pertama saya ingin mengingatkan semula kepada Yang Berhormat daripada Arau bahawa jumlah 200 itu adalah daripada kalangan kaum usahawan bumiputera yang terlibat dalam bidang borongan dan tidak termasuk 227 permohonan yang lain yang melibatkan pembiayaan yang kurang daripada \$100,000 yang diproses permohonan-permohonan

ini. Dan secara umumnya daripada jumlah permohonan yang diterima daripada pelbagai sektor adalah sebanyak 1,013 permohonan yang melibatkan pembiayaan sebanyak \$1,024 juta.

Jadi, tentang Yang Berhormat mengatakan bahawa mungkin permohonan ini terpaksa dikenakan proses-proses biasa, itu memanglah terpaksa dilakukan kerana memandangkan kepada keperluan untuk meneliti permohonan-permohonan ini supaya maklumatnya sah dan mengikut syarat-syarat yang dikenakan daripada 200 permohonan dalam sektor pembinaan sebagai contoh yang diluluskan adalah sebanyak 7, ditangguh 3, di tolak 115 dan diselesaikan oleh institusi kewangan melalui usaha dan tindakan daripada Urusetia ini adalah sebanyak 35. Biasanya yang ditangguh adalah kerana kekurangan maklumat dan ditolak adalah kerana perkara-perkara seperti syarikat tidak lagi beroperasi ataupun diisytihar bankrap ataupun tidak memenuhi syarat 100% milik bumiputera ataupun projek tidak berdaya maju.

Mengenai apakah perlu secretariat ini dipindahkan kepada pihak-pihak lain untuk memudahkan memproses permohonan ini, ini adalah tidak perlu memandangkan bahawa jumlah permohonan yang diterima oleh Urusetia ini sehingga 30-9-89 adalah sebanyak 1,013 permohonan dan setakat ini hanya 182 kes sahaja yang belum lagi dibincangkan termasuk 47 kes yang baru diterima dalam bulan Ogos dan September. Jadi, Kerajaan merasa yakin bahawa secretariat akan dapat menepati daripada terget untuk menyelesaikan masalah daripada pemerosesan permohonan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Dr Tan Seng Giaw.

(Soalan No. 14 Y.B. Dr Tan Seng Giaw tidak hadir).

PENDATANG TANPA IZIN

15. Tuan P. Patto minta Menteri dalam Negeri menyatakan:

- (a) bagaimana pihak Kerajaan akan membanteras masalah pendatang-pendatang haram dari Indonesia, Filipina, Cambodia, dan lain-lain negara ini yang telah membebankan rakyat dan negara dengan melakukan berbagai jenayah, termasuk menipu Kerajaan menuntut pampasan PERKESO (SOCSO), dan
- (b) keadaan sebenar bilangan pendatang haram di Malaysia.

Timbalan Menteri Dalam Negeri (Dato' Megat Junid bin Megat Ayob): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Bagi membanteras kemasukan pendatang tanpa izin ke negara ini, Kerajaan telah mengambil beberapa tindakan, antaranya:
 - (i) Mengetatkan kawalan dan rondaan di kawasan-kawasan sempadan dan perairan negara yang disyaki sering digunakan oleh kategori ini untuk masuk ke negara ini.
 - (ii) Membuat pemeriksaan, serbuan dan tangkapan di kawasan-kawasan atau tempat-tempat yang disyaki.
 - (iii) Meminda Akta Imigresen 1959/1963, dengan mengenakan hukuman yang lebih berat kepada mereka yang bersalah.
 - (iv) Mengambil tindakan undang-undang terhadap mana-mana pihak yang bersyubahat melindungi kategori ini.

- (b) Mengenai bilangan pendatang tanpa izin, Kerajaan tidak

mempunyai perangkaan tepat kerana kemasukan mereka ke sini adalah secara tidak teratur. Walau bagaimanapun, jika berdasarkan kepada bilangan yang ditangkap dan diusir terdapat seramai 84,629 orang pendatang tanpa izin dari pelbagai kewarganegaraan ditangkap di seluruh negara pada tahun 1988 dan bagi tahun 1989 (sehingga bulan Julai), bilangannya ialah seramai 20,777.

Tuan Lim Kit Siang: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan sungguhpun setiap kali Kerajaan dan beliau dalam Dewan ini ada kata Kerajaan ambil tindakan untuk menghadapi atau mencegah kemasukan pendatang-pendatang haram, kenapa makin lama makin lebih banyak orang-orang sudah masuk, khususnya bukan sahaja di Semenanjung tetapi juga di Sarawak dan Sabah yang lebih teruk di mana lebih kurang lebih dari ½ juta orang pendatang haram sudah masuk dalam ke Sabah, termasuk mereka yang mendapat kad-kad biru yang palsu.

Kedua, bolehlah Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan kenapa Kerajaan boleh begitu efektif, cekap dan berkesan apabila mencegah atau mengawal kedatangan pelarian-pelarian Vietnam pada masa itu tetapi dalam perkara pendatang-pendatang haram Indonesia dan Filipina ini, Kerajaan Malaysia nampaknya tidak ada kuasa, tidak ada kecekapan. Adakah Kerajaan Malaysia sekarang ada “double standard” dalam pendekatannya terhadap masalah-masalah ini?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, saya pun banyak juga mendengar tentang bilangan-bilangan ini. Hari ini kita mendengar Yang Berhormat dari Tanjong kata ada 1 juta pendatang haram—1 juta?

Tuan Lim Kit Siang: ½ juta di Sabah!

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: ½ juta di Sabah sahaja, belum masuk seluruh Malaysia dan ada yang berkata 300,000 dan sebagainya, tetapi bagi menentukan bilangan pendatang tanpa izin ini adalah sukar sekali. Kadangkang kita bilang di Labuan ada 16,000. Kita ambil tindakan, dan mungkin 8,000 lari ke Tawau, jadi bilang di Tawau. Orang yang di Labuan pergi ke Tawau kerana mereka tidak akan balik ke negeri mereka yang asal. Jadi, masalah untuk menentukan bilangan yang tepat ini adalah sukar sekali kerana tidak ada butir-butir yang tertentu yang boleh kita pegang. Bagaimanapun, kita akan cuba seberapa daya untuk menentukan terutama dengan pihak Indonesia kerana kita sedang mengadakan rundingan-rundingan untuk menentukan bahawa pendatang tanpa izin ini dapat ditentukan bilangan mereka dan tidak wujud lagi pendatang tanpa izin, tetapi mereka datang dengan secara yang sah.

Tentang ada “double standard” ini tidak wujud kerana kita telah menentukan bahawa pendatang tanpa izin adalah berbeza dengan pelarian. Itu sebabnya yang datang daripada Vietnam itu kita panggil “pelarian”. Pelarian lebih memberatkan tentang masalah peperangan negara mereka. Itu sebabnya monitoring atau cara kita mengawasi mereka itu berlainan dan ini pula masuk campur dengan Badan-badan Bangsa Bersatu. Jadi, jangan kita samakan antara bagaimana kita mengendalikan pelarian perang dengan pendatang tanpa izin kerana pendatang tanpa izin itu datang kerana semata-mata masalah ekonomi. Jadi, tidak wujud apa yang dikatakan “double standard” sepertimana yang dikatakan oleh Yang Berhormat dari Tanjong itu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Tuan Yang di-Pertua, biasanya kalau disebut pendatang haram ini kita

banyak rujuk kepada Indonesia, tetapi sejak akhir-akhir ini dikatakan pendatang haram kebanyakannya datang daripada India, China, Hong Kong dan Taiwan. Saya ingin tahu kedudukan dan keadaan yang sebenar mengenai dengan perubahan aliran kehadiran pendatang-pendatang haram ini.

Yang kedua, dikatakan juga ada satu sindiket di Malaysia buat pasport ataupun kad pengenalan secara palsu. Tadi dinyatakan bahawa pihak Kementerian telah mengambil empat langkah bagi mengawasi masalah banjir pendatang-pendatang haram ini. Mengenai dengan pasport ataupun sindiket ini macam mana Kementerian buat?

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Tuan Yang di-Pertua, setakat ini kita telah pun dapat menangkap sindiket ini termasuk daripada orang awam dan juga pegawai-pegawai di Imigresen dan juga Pendaftaran. Bagi pegawai-pegawai ini dan juga orang-orang awam ini telah pun kita ambil tindakan dengan menghantar mereka ke Pulau Jerejak dan juga Kemunting dari segi pegawai-pegawai kerana kita merasakan bahawa tindakan yang mereka lakukan benar-benar merosakkan imej negara.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, masa sudah cukup untuk Pertanyaan-pertanyaan.

(Masa untuk pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 2, 8, 14 dan 16 hingga 28 adalah diberi di bawah ini).

BEKALAN AIR PAIP, ELEKTRIK DAN TELEFON DI LUAR BANDAR

2. Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis minta Perdana Menteri menyatakan:

(a) setakat ini berapakah peratus kawasan-kawasan luar bandar mengikut negeri yang sudah

mendapatkan/dibekalkan dengan air paip, elektrik, telefon dan lain-lain;

(b) adakah benar dakwaan Menteri Pembangunan Infrastruktur Sarawak baru-baru ini bahawa peratus jalan yang baik bagi Sarawak adalah jauh lebih rendah dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Kalau ya, apakah langkah-langkah yang telah, sedang dan akan diambil untuk menghapuskan ketidakseimbangan itu;

(c) berapa peratuskah kawasan Pilihanraya Parlimen SIMUNJAN sudah dibekalkan dengan air paip, tenaga elektrik dan telefon; dan berapa kilometerkah jalan-jalan di kawasan Parlimen Simunjan sudah dibina dan berapa kilometerkah yang sudah diturap. Bilakah Kerajaan akan menurap yang belum diturap itu.

Dato' Dr Siti Zaharah binti Haji Sulaiman: Peratusan kawasan-kawasan luar bandar mengikut negeri yang sudah mendapat bekalan air paip, elektrik dan telefon adalah seperti berikut:

LIPUTAN BALB, BELB DAN TELEFON MENGIKUT NEGERI 1989

Negeri	BALB (%)	BELB (%)	TELEFON (%)
Perlis	90	98	0.83
Kedah	70	95	0.66
Pulau Pinang	95	98	4.02
Perak	75	80	1.67
Selangor	80	95	1.56
Negeri Sembilan	90	95	2.25
Melaka	92	98	1.73
Johor	70	78	2.38
Pahang	65	90	2.13
Terengganu ..	70	90	2.44
Kelantan	50	80	1.66
Sabah	42	48	0.78
Sarawak	40	52	0.32

BALB: Bekalan Air Luar Bandar

BELB: Bekalan Elektrik Luar Bandar

Adalah benar peratus jalan yang baik di Sarawak agak rendah jika dibandingkan dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia. Keadaan ini wujud kerana memang dari masa penjajahan British, kemudahan jalan raya di Sarawak sangat tidak memuaskan berbanding dengan negeri-negeri di Semenanjung. Sejak kemerdekaan banyak usaha telah dibuat untuk meningkatkan kemudahan jalan raya di Sarawak. Walau bagaimanapun untuk kemudahan jalan raya di Sarawak mencapai tahap yang terdapat di Semenanjung, ia perlu mengambil masa, memandangkan kos pembinaan yang tinggi dan jarak liputan yang agak luas.

Langkah-langkah yang telah dan akan terus diambil ialah menaikkan taraf dan menurap jalan-jalan utama yang sedia ada antara bandar-bandar/pekan-pekan dengan pusat-pusat penempatan luar bandar. Rangkaian jalan-jalan ini disambung pula ke Lebuhraya Pan-Borneo (Pan-Borneo Highway).

Kerajaan tidak mempunyai maklumat terperinci mengenai peratusan kemudahan bekalan air, elektrik, telefon dan lain-lain mengikut kawasan-kawasan Pilihanraya. Walau bagaimanapun, peratusan kemudahan-kemudahan ini bagi kawasan Pilihanraya Parlimen Simunjan tidaklah banyak perbezaannya dengan peratusan mengikut negeri bagi Negeri Sarawak.

Panjang jalan yang telah dibina ialah 123.2 km panjang; dan yang telah diturap ialah 43 km. Bagi jalan-jalan yang belum diturap, Kerajaan akan berbuat demikian dari masa ke masa mengikut keutamaan.

HUKUMAN MATI KEPADA PENGEDAR DADAH

8. Dr Nicholas Munong Ibau minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) setakat ini selain dari Malaysia berapakah jumlah negara-negara yang lain yang telah mengumumkan hukuman mati kepada pengedar-pengedar dadah;
- (b) namakan negara-negara itu; dan
- (c) dari nama-nama negara yang telah mengumumkan hukuman gantung/mati kepada pengedar dadah adakah ianya merupakan/membuktikan hukuman gantung/mati yang negara kita telah jalankan disambut baik atau diikuti baik oleh negara lain.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) ada 18 buah negara lain yang mengenakan hukuman mati kepada pengedar-pengedar dadah:
- (b)

Brunei	Sri Lanka
Darussalam	Thailand
Republik	Taiwan
Rakyat China	Maldives
Indonesia	Emirate Arab
Burma	Bersatu
Korea Selatan	Turkey
Pakistan	Mauritius
Arab Saudi	Bahrain
Singapura	Iran
Mesir	
- (c) adalah sukar untuk menentukan dengan tepat bagi semua negara tersebut bahawa mereka ini telah mencontohi negara kita. Tetapi suatu perkara yang pasti ialah mereka sudah menyedari hukuman ini merupakan cara yang berkesan untuk membentersa pengedaran dadah ini.

PROTON—PERLINDUNGAN TARIF/BUKAN TARIF

14. Dr Tan Seng Giaw minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) perlindungan efektif dalam bentuk tarif dan bukan tarif yang diberi oleh Kerajaan kepada projek Proton setiap tahun sejak unit pertama kereta tersebut mula dipasarkan di dalam negara;
- (b) bagaimana pula dengan perlindungan efektif dalam bentuk tarif dan bukan tarif yang disumbangkan oleh Kerajaan kepada projek Proton setiap tahun sejak mula-mula dipasarkan di setiap negara asing berkenaan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kehakiman (Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud): Sejak mula ditubuh, perlindungan tarif dan bukan tarif yang diberikan oleh Kerajaan kepada PROTON adalah seperti berikut:

- (a) kebebasan penuh dari duti import bagi komponen "completely knock-down" (CKD);
- (b) pembayaran duti eksais sebanyak 50% sahaja daripada kadar biasa.

Bagi kereta Proton yang dieksport, PROTON tidak mendapat apa-apa perlindungan tarif daripada Kerajaan.

PERGERAKAN NEGARA BERKECUALI (NAM) DI BELGRADE

16. Tuan Haji Zihin bin Haji Mohd. Hassan minta Menteri Luar Negeri menyatakan kesan-kesan positif hasil daripada mesyuarat "NAM" (Non-Aligned Movement) di Belgrade, Yugoslavia baru-baru ini dan setakat

manakah kejujuran anggota NAM yang menghadiri persidangan tersebut.

Timbalan Menteri Luar Negeri (Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan): Pergerakan Negara-Negara Berkecuali bertujuan untuk mempertahankan dan mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatan negara-negara anggotanya dalam dunia yang terbahagi kepada blok-blok kuasa besar yang berlainan ideologi. Dalam suasana peperangan dingin di antara kuasa-kuasa besar dasar berkecuali telah menyelamatkan Malaysia daripada terjerumus ke kancah konfrantasi. Sementara itu, dengan menganggotai Pergerakan ini Malaysia telah berpeluang memperkenalkan identiti dan dasar kebangsaan kita kepada dunia luar. Penyertaan kita dalam pergerakan ini telah memberikan kita kekuatan bersama (collective strength) bagi menghadapi berbagai cabaran dalam menyelenggarakan perhubungan luar kita dengan negara-negara lain.

Pergerakan Negara Berkecuali berpegang kepada prinsip tidak mencero bohi hal ehwal dalam negeri negara-negara lain, dan tidak menggunakan kekerasan dalam dasar luar masing-masing, sebagai cara untuk menyelesaikan masalah antarabangsa.

Hasil dari ketegasan dan dasar-dasar di atas, Malaysia, sebagai sebuah negara anggota Pergerakan Berkecuali telah memenangi penghormatan daripada negara-negara lain termasuk kuasa-kuasa besar. Dan hasil-hasil ini juga telah membawa kesan-kesan baik secara langsung dan tidak langsung, kepada perkembangan ekonomi dan sosial di negara kita.

Menyentuh soal kejujuran anggota "NAM" yang menghadiri persidangan di Belgrade itu, sebenarnya tidak ada cara yang boleh memastikannya.

Walau bagaimanapun, dari perkembangan positif yang ditunjukkan, contohnya sambutan mereka terhadap Suruhanjaya Selatan-Selatan dan rumusan-rumusan untuk meningkatkan lagi kerjasama di antara negara-negara membangun bolehlah diterima sebagai tanda-tanda bahawa negara-negara anggota NAM sedang memberi perhatian yang serius dengan penuh tanggungjawab untuk menjayakan ketetapan-ketetapan yang telah tercapai di berbagai bidang.

INDUSTRI KECIL DAN SEDERHANA

17. Tuan Peter Paul Dason minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan apakah langkah-langkah Kementerian beliau akan mengambil atau bercadang untuk mengambil bagi menggalakkan penubuhan dan perkembangan industri-industri skil kecil dan sederhana di dalam negara ini.

Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Kok Wee Kiat): Kerajaan telah merancang bagi menggalakkan penubuhan dan perkembangan industri kecil dan sederhana di dalam negara ini. Bagi tujuan ini Kerajaan telah menyediakan satu Pelan Tindakan bagi Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana. Pelan Tindakan ini dirangka berasaskan kepada sektor-sektor industri yang diutamakan dalam Pelan Induk Perindustrian. Antara yang terkandung di dalam Pelan Tindakan tersebut ialah pendekatan melalui program kuantitatif dan kualitatif. Program Kuantitatif bertujuan menggalakkan pembangunan industri kecil dan sederhana di dalam bidang baru di mana bilangan pengusaha masih kecil atau langsung tidak ada pengusaha dalam bidang tersebut seperti kimia/petroleum, "mould and die", elektrik dan elektronik. Melalui program

kualitatif pula penekanan diberi kepada modenisasi perusahaan kecil yang sedia wujud dengan cara meningkatkan produktiviti masing-masing melalui bantuan kewangan, peningkatan kemahiran, penggunaan teknologi perkilangan dan pengurusan yang moden, mengujudkan sistem kawalan kualiti dan penyelidikan serta pembangunan produk, malahan sekiranya perlu memindahkan lokasi kilang.

Di samping menyediakan Pelan Tindakan bagi pembangunan industri kecil dan sederhana, kerajaan juga turut melaksanakan beberapa program dan memperuntukkan galakan-galakan tertentu bagi menggalakkan penubuhan industri kecil di negara ini.

Di antara program-program dan skim-skim galakan yang sedang dilaksanakan sekarang ialah:

- (i) Program Pemasaran seperti "Subcontract Exchange";
- (ii) Program Khas Pembangunan Perusahaan Kecil Pembiayaan Kerajaan Malaysia dengan Kerjasama Bank Dunia;
- (iii) Pusat Rujukan Teknologi;
- (iv) Kajian Barang-barang Perkilangan untuk Industri Kecil;

Manakala galakan-galakan yang disediakan untuk industri kecil ialah:

- (i) Taraf Perintis;
- (ii) Elaun Pelaburan Semula sebanyak 50%;
- (iii) Pengecualian Sepenuh Dari-pada Duti/Cukai Ke Atas Mesin/Bahan Mentah/Komponen/Kelengkapan;
- (iv) Galakan Cukai untuk Latihan;
- (v) Keutamaan Pembelian Kerajaan Ke atas Barang-Barang dari Syarikat Industri Kecil;

**ORDINAN PERHUTANAN
SARAWAK—ORANG YANG
DITANGKAP**

18. Tuan Sim Kwang Yang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan berapa ramai orang telah ditangkap di negeri Sarawak di bawah pindaan baru kepada Akta Perhutanan Sarawak sejak awal bulan September tahun ini kerana mereka cuba mewujudkan "blockades" tentang syarikat-syarikat kayu yang membalak kayu di kawasan mereka, serta langkah-langkah yang telah diambil oleh pihak polis untuk kaum orang ulu di Sarawak diperundingkan terhadap masalah mereka dalam hal ini.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Seramai 117 orang telah ditangkap sejak awal bulan September 1989 di Sarawak di bawah pindaan baru Ordinan Perhutanan Sarawak 6/87 kerana mendirikan "blockades" (dengan izin) di kawasan membalak.

Masalah-masalah kaum Orang Ulu di Sarawak sentiasa diberi perhatian berat oleh Kerajaan Negeri di mana kerajaan telah menyediakan projek-projek jangka pendek, Pusat-pusat Perkhidmatan secara langsung di kawasan-kawasan tertentu, memberi latihan asas dalam bidang pertanian, kesihatan dan pembangunan masyarakat kepada anak-anak kaum Penan dan menubuhkan Tabung Pemulihan Pembangunan Sarawak bagi membantu mereka yang terlibat.

SALURAN TV4

19. Tuan S. S. Subramaniam minta Menteri Penerangan menyatakan dengan tujuan untuk mewujudkan suatu saluran bernama saluran TV4. Bolehkah kerajaan mengadakan suatu saluran TV Khas untuk program-program berbahasa Cina, India dan lain-lain bahasa yang mencerminkan

kaum-kaum selain daripada kaum Melayu yang berada di negara kita. Bukankah ini suatu cara yang baik untuk menghormati semua bahasa yang berada di negara kita yang majmuk. Jika tidak, apakah sebabnya.

Menteri Penerangan (Dato' Mohamad bin Rahmat): Dalam menjawab soalan Yang Berhormat dari Ulu Selangor, saya mohon izin menjawab juga pertanyaan-pertanyaan dari Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan soalan yang sama maksudnya iaitu:

- (i) Y.B. dari Bukit Bintang bertarikh 1-11-89
- (ii) Y.B. dari Rasah bertarikh 10-11-89
- (iii) Y.B. dari Tapah bertarikh 8-11-89
- (iv) Y.B. dari Rantau Panjang bertarikh 12-12-89
- (v) Y.B. dari Marang bertarikh 14-12-89

Saya mohon memaklumkan bahawa kerajaan buat masa ini tidak ada cadangan untuk mengwujudkan satu lagi rangkaian televisyen, baik yang dikendalikan oleh kerajaan sendiri maupun oleh pihak swasta. Ini ialah kerana kemudahan-kemudahan televisyen yang sedia ada dirasakan mencukupi untuk memenuhi selera penonton dan keperluan negara. Sambil itu masanya belum tiba bagi kerajaan membuat apa-apa pertimbangan mengenainya.

Saya juga ingin memaklumkan bahawa kerajaan tidak akan mengwujudkan rangkaian-rangkaian televisyen yang khas menurut kaum seperti yang dicadangkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Hulu Selangor kerana ia bertentangan dengan usaha-usaha intergrasi kaum dan perpaduan nasional.

KEGIATAN PERJUDIAN

20. Tuan Lau Dak Kee minta Menteri Kewangan menyatakan langkah-langkah yang positif untuk menghapuskan semua jenis perjudian yang terdapat di masyarakat kita.

Dato' Loke Yuen Yow:

- (1) Sepertimana Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Malaysia adalah sebuah Negara yang penduduknya terdiri dari berbilang kaum. Terdapat sebilangan penduduk di Negara ini yang suka berjudi. Oleh yang demikian adalah sukar bagi Kerajaan untuk menghapuskan samasekali kegiatan perjudian. Sekiranya kegiatan perjudian dihapuskan, kegiatan judi haram akan berleluasa yang mana akan menimbulkan berbagai masalah dari segi sosial dan juga keselamatan. Dengan itu Kerajaan telah melesenkan beberapa kegiatan perjudian.
- (2) Walau bagaimanapun Kerajaan telah mengambil beberapa langkah bagi mengawal kegiatan perjudian di Negara ini. Dalam hubungan ini Kerajaan telah menetapkan syarat-syarat yang lebih ketat bagi mengawal kegiatan perjudian dengan lebih berkesan lagi seperti memasang papantanda di luar pusat-pusat perjudian yang berbunyi "Judi adalah haram di sisi Agama Islam", melarang sama sekali kanak-kanak sekolah serta mereka yang berumur kurang dari 18 tahun memasuki pusat-pusat perjudian dan mengadakan kawalan yang lebih ketat di pintu masuk ke bilik-bilik mesin slot. Selain dari itu lesen baru bagi segala kegiatan perjudian tidak akan dikeluarkan lagi dan jika perlu lesen-lesen perjudian yang telah dikeluarkan akan ditarik balik oleh Kerajaan. Disamping itu kajian mengenai

segala aspek perjudian dibuat dari masa ke semasa mengikut keadaan.

ORANG UTAN SEBAGAI MASKOT NEGARA

21. Tuan Haji Ibrahim Ali minta Menteri Kebudayaan dan Pelancongan menyatakan maksud peruntukan sebanyak 22 juta bagi menempatkan "Orang Utan" yang dijadikan sebagai Maskot Negara untuk Tahun Melawat Malaysia 1990, sebagaimana yang diumumkan oleh Pegawai Perhubungan Zoo Negara baru-baru ini. Sehubungan itu menjelaskan mengenai peruntukan \$10,000 setahun untuk perbelanjaan Maskot yang bernama Zila anak kepada Rokiah yang diberi oleh Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia. Apakah peruntukan seperti ini boleh disifatkan sebagai membazir.

Menteri Kebudayaan dan Pelancongan (Dato' Haji Sabbaruddin Chik): Bagi menjawab soalan yang dikemukakan oleh Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas terlebih dahulu ingin saya menjelaskan tentang peruntukan yang dianggarkan sebagaimana yang dimaklumkan oleh Pegawai Perhubungan Awam, Zoo Negara.

Laporan yang menyebut sebanyak \$22 juta itu sebenarnya tidaklah tepat. Jumlah sebenar yang dimaksudkan oleh pegawai berkenaan adalah di antara \$1.5 hingga \$2 juta sahaja dan peruntukan yang berkenaan adalah diperlukan bagi membina kawasan kediaman dan ruang legar (pameran) untuk Orang Utan yang bilangannya sebanyak 8 ekor sekarang ini.

Kementerian ini melalui Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia telah pun memberikan sumbangan sebanyak \$10,000 sebagai sumbangan sara hidup "Zila" anak Orang Utan yang baru dilahirkan dan ibunya.

Mengenai peruntukan \$10,000 itu sukacita saya memaklumkan bahawa

Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan berpendapat bahawa sumbangan itu adalah berpatutan dan tidak membazir kerana jumlah yang diperlukan itu untuk menyediakan kemudahan bagi dua ekor haiwan itu untuk satu tahun. Kementerian berharap sumbangan itu akan menjadi pendorong kepada lain-lain pihak khususnya pihak-pihak swasta untuk turut memberi sumbangan dan bantuan bagi membiayai perbelanjaan yang diperlukan oleh Zoo Negara. Di samping itu sumbangan ini adalah juga menandakan komitmen Kerajaan di dalam usaha menyelamatkan hidupan liar yang hampir pupus khususnya Orang Utan yang telah diisytiharkan sebagai Maskot Negara.

MESYUARAT CHOGM DI KUALA LUMPUR

22. Tuan Haji Nik Abdullah bin Haji Arshad minta Perdana Menteri menyatakan:

- (a) peruntukan yang disediakan untuk persidangan CHOGM;
- (b) wajarkah sidang itu diadakan di negara ini pada waktu kewangan dan ekonomi negara tidak begitu kukuh sedang negara memerlukan wang untuk membiayai lain-lain projek;
- (c) apa yang mendorong Perdana Menteri bersetuju menjadikan Malaysia sebagai tuan rumah sidang CHOGM sedang beliau tidak memikirkan banyak faedah menyertai sidang serupa itu ketika baru menjadi Perdana Menteri tahun 1981 dulu; dan
- (d) adakah Perdana Menteri bersetuju bahawa sidang CHOGM itu adalah projek kempen pilihanraya umum bagi kepimpinan beliau.

Dato' Dr Abdullah Fadzil bin Che Wan:

- (a) seperti yang telah saya nyatakan pada sidang Dewan Rakyat yang

lalu, perbelanjaan untuk mengadakan mesyuarat CHOGM ini adalah sederhana sahaja dan tidak keterlaluan, iaitu dalam lengkongan \$36 juta;

- (b) keputusan Kerajaan untuk menjadi tuan rumah kepada mesyuarat CHOGM ini telah mengambilkira tentang keadaan ekonomi dan politik di negara kita ini. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, tujuan utama mengadakan mesyuarat ini di Malaysia adalah untuk menonjolkan imej negara kita di kalangan antarabangsa. Di samping itu, Kerajaan yakin bahawa melalui mesyuarat CHOGM ini Malaysia akan mendapat faedah dari segi politik dan ekonomi, khususnya dalam bidang pelaburan, perdagangan dan pelancongan. Ini adalah faktor utama mengapa kita menganjurkan CHOGM;
- (c) selain dari itu, Malaysia juga mempunyai keyakinan terhadap pertubuhan Komanwel itu sendiri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan telah membuat satu kajian yang teliti mengenai pertubuhan Komanwel ini dan hasil dari kajian tersebut kita mendapati pertubuhan Komanwel mempunyai potensi dan boleh memainkan peranannya dalam membantu negara membangun dan negara-negara kecil anggota Komanwel; dan
- (d) saranan bahawa CHOGM ada kaitannya dengan kempen pilihanraya adalah karut dan tidak munasabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini, keputusan supaya Malaysia menganjurkan CHOGM dibuat dalam tahun 1987, iaitu setahun selepas Pilihanraya Umum terakhir diadakan.

BANDUAN DI PENJARA PUSAT KAJANG

23. Tuan Lee Lam Thye minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada benar bahawa banduan-banduan Penjara Pusat Kajang yang ada kaitan dengan politik dan kekayaan menikmati keistimewaan tertentu seperti yang terjadi kepada bekas Pengarah Urusan Malaysia Overseas Investment Corporation, Abdullah Ang yang dibebaskan baru-baru ini; jika benar berapa ramai banduan yang dikenalpasti dan siapakah mereka ini;
- (b) apakah tindakan yang telah diambil setakat ini untuk memastikan satu kajian menyeluruh dan bebas ke dalam dakwaan memberi layanan istimewa untuk banduan-banduan tertentu yang merupakan satu momokan kepada sistem hukuman kita dan sama ada apa-apa tindakan telah diambil setakat ini terhadap mereka atau pegawai-pegawai yang terlibat; dan
- (c) sama ada Kerajaan akan menubuhkan sebuah Suruhanjaya Diraja untuk menyiasat ke dalam masalah-masalah semua penjara seluruh negara misalnya kemudahan mendapatkan bekalan dadah, kekerapan berlakunya peristiwa banduan melepaskan diri dan lain-lain dan membuat perubahan bagi semua penjara kita.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Laporan yang disediakan oleh Jawatankuasa Penyiasat Kementerian Dalam Negeri mengenai layanan istimewa kepada banduan-banduan tertentu di Penjara Pusat Kajang sedang dalam kajian Kerajaan.

Pada masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja bagi menyiasat perkara yang serupa.

SIASATAN PERISTIWA ABDULLAH ANG

24. Tuan Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada laporan Menteri Dalam Negeri berkenaan dengan siasatan peristiwa Abdullah Ang akan diumumkan kepada orang ramai. Sekiranya tidak, berikan sebab-sebabnya.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan tidak bercadang untuk mengumumkan laporan Jawatankuasa Penyiasat Kementerian Dalam Negeri kepada orang ramai kerana siasatan tersebut merupakan urusan dalaman biasa yang dijalankan apabila berlakunya sesuatu dakwaan salah laku di kalangan pegawai-pegawai jabatan. Jika salah laku itu disahkan maka tindakan tatatertib yang sesuai akan diambil terhadap pegawai yang terbabit.

TRAGEDI PANGKALAN FERİ RUNTUH DI BUTTERWORTH

25. Tuan Teoh Teik Huat minta Menteri Pengangkutan menyatakan bahawa memandangkan Laporan Suruhanjaya Penyiasat ke atas Tragedi Pangkalan Feri Runtuh di Butterworth, sama ada beliau akan mengarahkan pihak Suruhanjaya Pelabuhan Pulau Pinang menanggung liabiliti sah (legal liability) dan serta merta menyelesaikan semua tuntutan atas asas liabiliti 100% supaya dapat menyelamatkan mangsa-mangsa dan keluarga-keluarga mangsa dari penderitaan, masa dan wang semasa membuktikan tuntutan-tuntutan mereka di mahkamah.

Timbalan Menteri Pengangkutan (Datin Paduka Hajjah Zaleha binti Ismail): Kementerian Pengangkutan tidak dapat mengarah pihak

Suruhanjaya Pelabuan Pulau Pinang (SPPP) menanggung liabiliti sah bagi tujuan mengelak mangsa-mangsa tragedi membuktikan tuntutan-tuntutan mereka di mahkamah. Suka juga saya jelaskan bahawa laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja ke atas runtutan pelantar Pangkalan Sultan Abdul Halim adalah berasingan daripada satu tuntutan tanggungan sivil (civil liability) yang berkaitan dengan tragedi tersebut. Dengan yang demikian soal liabiliti di bawah undang-undang masih di bawah bidang kuasa tuntutan sivil di mahkamah.

Suka juga saya mengingatkan semula terma-terma rujukan Suruhanjaya Siasatan DiRaja adalah bertujuan menyasat, mengkaji dan menentukan punca-punca sebab runtutan tersebut dengan tujuan menentukan sama ada terdapatnya apa-apa kecuaiian atau kecacatan dari segi pembinaan, penyelenggaraan atau kawalan berkaitan dengan pembinaan pelantar berkenaan. Suruhanjaya juga diminta mengesyorkan kepada Kerajaan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mengelak kejadian yang serupa di masa-masa hadapan. Penubuhan Suruhanjaya Siasatan DiRaja bukanlah bertujuan untuk menentukan tahap liabiliti sivil pihak-pihak yang berkaitan dengan kejadian tersebut.

Sungguhpun laporan Suruhanjaya Siasatan DiRaja tidak mengena tanggungan liabiliti sivil ke atas SPPP, pihak SPPP telah mengambil usaha sejak bulan September 1989 untuk menyelesaikan tuntutan sivil bagi gantirugi yang melibatkan kecederaan-kecederaan ringan. Kini SPPP dan syarikat-syarikat insuran bersetuju mengadakan rundingan dengan semua pihak yang terlibat sama ada yang mengalami kecederaan ringan atau kecederaan yang serius serta waris-warisan mangsa yang terkorban untuk menyelesaikan tuntutan di luar mahkamah dengan secepat mungkin.

Perlu saya tegaskan bahawa penyelesaian tuntutan tersebut adalah dibuat tanpa prasangka iaitu "without prejudice" kepada liabiliti SPPP. Sehingga 30 September 1989 sebanyak 572 kes yang melibatkan bayaran tuntutan berjumlah \$425,443.72 telah diselesaikan di luar mahkamah.

CHOGM—KESELAMATAN WAKIL-WAKIL

26. Tuan Karpal Singh minta Menteri Dalam Negeri menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk memastikan keselamatan untuk wakil-wakil CHOGM.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob: Kerajaan telah mengambil langkah-langkah tertentu sesuai dengan konsep keselamatan menyeluruh, (dengan izin) "total security" untuk memastikan keselamatan wakil-wakil ke Persidangan Ketua-ketua Negara Komanwel di Kuala Lumpur.

AKTA UNDANG-UNDANG SIVIL 1956—MEMINDA

27. Tuan Gooi Hock Seng minta Perdana Menteri menyatakan bahawa adakah Kerajaan bercadang meminda Akta Undang-undang Sivil, 1956 (Akta 67) Seksyen 7 dari umur 55 tahun ke 65 tahun kerana kebanyakan orang ramai masih bekerja selepas umur 55 tahun dan mempunyai tanggungan selepas umur 55 tahun dan kebanyakan pekerja-pekerja dapat bekerja sehingga umur 65 tahun seperti hakim-hakim.

Dato' Dr Sulaiman bin Haji Daud: Setakat ini, Kerajaan belum lagi bercadang untuk meminda Seksyen 7, Akta Undang-undang Sivil 1956 (Pindaan 1984) sebagaimana dibangkitkan itu.

ISA—ORANG YANG DITAHAN

28. Tuan Lim Kit Siang minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) bilangan orang-orang yang kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri dengan menyatakan bilangan yang ditahan di:
- (i) Pusat Tahanan Kamunting;
 - (ii) Pusat Reman Polis (PRC) di Batu, Kuala Lumpur; dan
- (b) bilangan orang-orang yang ditahan di bawah Akta ISA sejak bulan April 1989 untuk:
- (i) disoalsiasat;
 - (ii) penahanan secara formal.

Dato' Megat Junid bin Megat Ayob:

- (a) Bilangan orang yang kini ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 ialah seramai 64 orang iaitu:
- (i) 52 orang ditahan di Tempat Tahanan Perlindungan Kamunting Taiping.
 - (ii) 12 orang ditahan di Pusat Reman Polis Kuala Lumpur.
 - (iii) tidak ada ditahan di lain-lain pusat.
- (b) Seramai 39 orang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri sejak bulan April 1989:
- (i) kesemua 39 orang disoalsiasat;
 - (ii) dari jumlah tersebut seramai 20 orang dikenakan perintah tahanan di bawah Seksyen 8 (1), 2 orang dikenakan perintah sekatan di bawah Seksyen 8 (5), 5 dibebaskan tanpa syarat

manakala 12 orang lagi masih di dalam siasatan.

Tuan Shahidan bin Kassim:
(Bangun)

Tuan Zubir bin Embong: (Bangun)

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order.

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya bangkit berikutan ruling daripada Yang di-Pertua Dewan pada petang kelmarin. Saya merujuk kepada *Hansard* muka surat 83.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat bangun atas apa?

Tuan Zubir bin Embong: Saya bangun atas ruling yang telah dibuat oleh Yang di-Pertua Dewan pada petang semalam.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat boleh bangun hanya di atas point of order!

Tuan Zubir bin Embong: Point of order 25.

Tuan Yang di-Pertua: 25?

Tuan Zubir bin Embong: Ya, ini ada kaitan dengan ruling Yang di-Pertua Dewan pada petang semalam berkaitan dengan ucapan Yang Berhormat dari Kota Melaka pada muka surat 75, kalau mengikut *Hansard* ini. Dia menimbulkan satu persoalan mengenai orang Islam, apabila diminta supaya menarik balik ucapan itu dia menafikan bahawa dia tidak berucap sebagaimana yang telah dibantah. Jadi, Yang di-Pertua Dewan telah membuat ruling mengatakan, saya baca apa yang disebut “. . . tadi kita sudah lupa apa yang kita cakapkan. . . .

Tuan Lim Kit Siang: (Bangun)

Tuan Zubir bin Embong: . . .kemudian Yang Berhormat

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, nanti sekejap.

Tuan P. Patto: Point of order 25 Tuan Speaker.

Tuan Zubir bin Embong: Saya baca, Tuan Yang di-Pertua: "... kita tengok apa yang direkodkan besok

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap. Cuba baca Peraturan Mesyuarat 25.

Tuan Zubir bin Embong: Saya ingat berkaitanlah Peraturan 25 itu agaknya. (*Ketawa*)

Tuan Yang di-Pertua: Peraturan 25 kata kena beri notis dua jam.

Tuan Zubir bin Embong: Tetapi ini macam tergepar, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, notisnya lebih daripada dua jam, daripada semalam sampai hari ini. (*Ketawa*) Sebab Yang di-Pertua semalam buat ruling bahawa kalau sekiranya dia bercakap apa yang sebenarnya dia bercakap, dia terpaksa minta maaf, yang menyebut bahawa orang-orang Islam tidak mengamalkan apa yang telah diajarkan dalam agama Islam

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, jangan masuk kepada perkara itu lagi. Kita menentukan sekarang ini berkenaan prosedur dahulu.

Tuan Shahidan bin Kassim: Notis dua jam ini, Tuan Yang di-Pertua, saya ingat dari semalam sampai hari ini sudah lebih dua jam.

Tuan Yang di-Pertua: Tidak, notis tidak kira macam itu. Yang Berhormat. (*Ketawa*)

Tuan Zubir bin Embong: Tuan Yang di-Pertua, saya kira apa yang saya bangkitkan ini merupakan

prosedur, kerana ia berkaitan dengan ruling Yang di-Pertua sendiri.

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, beri saya baca dahulu.

Tuan Zubir bin Embong: Betullah kalau tidak disebut pun dalam Standing Order 25

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, Yang Berhormat. Sebelum saya membuat apa-apa keputusan, saya baca dahulu. Benarkan saya baca dahulu.

Tuan Zubir bin Embong: Mesyuarat 83 dan mukasurat 75. Mukasurat 83 itu boleh saya sebut di sini, Tuan Yang di-Pertua

Tuan Yang di-Pertua: Nanti sekejap, kata mukasurat 83, saya baca dahulu.

Tuan Zubir bin Embong: Mukasurat 83 yang terbawah sekali—Timbalan Yang di-Pertua—ayat dia.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Ahli-ahli Yang Berhormat, saya sudah baca, dan mengikot Peraturan yang sebenarnya yang telah pun saya putuskan dahulu berkenaan dengan apa-apa satu bantahan, jikalau sekiranya perkara itu sudah berlaku dan hendak disebutkan semula, mengikot Peraturan Mesyuarat hendaklah melalui satu motion ataupun satu usul. Yang Berhormat boleh bawa usul dan di sini nampaknya perkataan daripada Timbalan Yang di-Pertua boleh ditimbulkan semula dan boleh ditimbulkan semula itu hendaklah sebagaimana Peraturan kita mengadakannya melalui usul. Bukanlah boleh dibangunkan pada mana-mana sahaja, tidak boleh, dengan kerana itu mengganggu perjalanan mesyuarat. Di dalam Peraturan Mesyuarat kita apa-apa tindakan yang hendak dibuat di dalam Dewan ini hendaklah sama ada melalui usul ataupun Bil. Itulah ruling berkenaan perkara ini. Yang Berhormat tidak

akan menjadi ketegahan kalau sekiranya Yang Berhormat mengemukakan satu usul.

Tuan Zubir bin Embong: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT

RANG UNDANG-UNDANG PENGALAKAN PELABURAN (PINDAAN)

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Pengalakan Pelaburan 1986; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian; dibaca kali yang pertama; akan dibacakan kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG KEWANGAN

Rang Undang-undang bernama Suatu Akta untuk meminda Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Keuntungan Harta 1976 dan Akta Kewangan 1988 dan untuk mengadakan peruntukan bagi perkara-perkara yang berkaitan dengannya; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Timbalan Menteri Kewangan; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG RUMAH PERJUDIAN TERBUKA (PINDAAN)

Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbincangan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang". (16hb Oktober, 1989)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Lembah Pantai.

3.43 ptg.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah (Lembah Pantai): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyambung semula perbincangan berhubung dengan Seksyen 4 Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953 yang semalam saya dapat berucap sebentar kerana kesuntukan masa dan sekarang saya menyambung sedikit lagi berhubung dengan soal yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang saya sebutkan semalam jikalau sekiranya perkara yang kecil senang kita hendak membanteras tetapi apabila perkara ini telah besar, perjudian ini telah besar akan sukar untuk dikurangkan ataupun menjadi masalah kepada negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, semalam Yang Berhormat Timbalan Menteri telah pun memberi angka-angka yang mana tangkapan oleh pihak polis telah meningkat daripada 4,958 kes dalam 1986 hingga ke 8,350 dalam tahun 1982, bermakna masalah perjudian ini dari tahun ke tahun telah meningkat. Oleh itu dalam keadaan inilah saya rasa pihak Kerajaan, Dewan Rakyat juga Ahli-ahli telah pun memandangkan perkara ini suatu perkara yang boleh merebak dan boleh menjadi satu penyakit yang besar di kalangan rakyat dalam negara kita ini jika perjudian terbuka ini berleluasa berlaku. Soal-soal yang lain yang tersebut bagi mengelakkan ini kita tidak boleh pandang perjudian yang besar sahaja. Perjudian-perjudian yang kecil harus dibanteras lebih awal, terutamanya tikam yang diadakan, penjual tikam-tikam di sekolah yang hadiahnya 20 sen, 30 sen yang ada kadang-kadang gula-gula dan seterusnya. Ini juga satu perjudian permulaan kepada anak-anak persekolahan kita. Di samping itu, juga perjudian lain-lain yang berlaku. Yang

dihalalkan oleh pihak Kerajaan iaitu Loteri Kebajikan Masyarakat.

Sekarang pula ada kalau beli lima dapat satu percuma iaitu boleh diguriskan dalam \$8.00, \$4.00 dan itu juga judi rasa saya, judi yang mengajar. Sungguhpun mereka tidak dapat untuk mendapatkan hadiah yang besar, pertama, kedua dan seterusnya kemungkinan mereka itu gila untuk beli \$2.00 dengan dapatkan benda itu diguriskan, kadangkala dapat lebih \$2.00, beli lagi \$2.00, guris lagi, beli lagi sehingga ini menjadi satu usaha rasa saya pihak Kementerian Kebajikan Masyarakat ini juga patut ambil tindakan, saya rasa supaya diberhentikan. Sudahlah loteri itu ada wujud, telah pun diluluskan oleh pihak Kerajaan, kita teruskan tetapi cara yang saya sebutkan tadi cara guris-guris itu.

Soal yang lain, Tuan Yang di-Pertua, soal perjudian ini berlaku di pekan-pekan besar. Sekarang ini sudah menjangkit ke luar-luar bandar juga. Kalau Kerajaan kita hendak haram, haramkan terus. Sungguhpun di Genting Highlands, kasino dan seterusnya telah pun dihalalkan bukan kepada orang Islam. Pada orang Islam tidak kira apa pangkat kedudukan akan dikenakan tindakan undang-undang. Ini rasa saya tidak ada orang Islam pergi. Yang bukan Islam itu terpulang, tepuk dada tanya selera. Soal ini berlaku. Dahulu kita tengok bukan main lagi tiap-tiap negeri snooker diadakan. Kadangkala belak-kang rumah kita pun ada snooker yang mana kadangkala diberi oleh pihak Kerajaan dengan sesuka hati oleh Majlis-majlis Tempatan. Ini juga judi terbuka, lagi terbuka. Ini juga dibiarkan sehingga di mana sahaja tempat ada perjudian snooker ini yang tidak dapat dikawal lagi. Sehingga yang tidak dapat lesen mereka mengadakan perjudian haram. Ini berlaku di kawasan setinggi pun ada membuat meja-meja snooker ini dan di belakang

rumah-rumah mereka ini dijadikan perjudian-perjudian haram. Ini yang berlaku sungguhpun pihak Kerajaan memberi lesen tetapi di luar-luar kawasan terbuka di hadapan rumah-tangga kita sendiri. Ini kalau di-biarkan, anak kita sentiasa terbuka kepada perjudian. Memandangkan keadaan ini, perjudian haram ini sungguhpun kecil, ini akan menjadi suatu masalah yang besar di masa akan datang. Oleh itu dalam soal

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis:
(Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat dari Simunjan bangun.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Minta penjelasan. Satu dua perkara. Pertama mengenai snooker kalau tidak silap memang salah seorang Menteri Kerajaan menggalakkan anak kita supaya menggunakan masa bermain seperti snooker. Keduanya, snooker adalah satu permainan sama ada diharam atau halal tetap snooker. Jadi, kalau kita menghalang mereka daripada memainkan secara haram dan tidak mengharamkan yang dihalalkan, jadi snooker itu masih snooker dan terus dijalankan sebagai satu permainan. Jadi, macam mana penjelasan Yang Berhormat mengenai perkara ini?

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua, jawapannya snooker ini halal. Anak Menteri pun dikatakan tadi boleh bermain tetapi disalahgunakan oleh orang lain yang mengambil kesempatan untuk cari keuntungan. Ini yang kita harap pihak yang berkenaan supaya perkara ini tidak berlaku. Ini penjelasan saya. Soal lain, soal slot-machine

Tuan Hashim bin Safin: (Bangun)

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan. Tuan Yang di-Pertua, kadangkala soal ini memang disalah-kadangkala soal ini memang disalahguna, soal snooker barangkali tetapi disalahgunakan. Kalau kita hanya mengharap Kerajaan, Kerajaan tidak tahu masa mana pertaruhan, masa-masa permainan berapa biji bola masuk dan keluar dan sebagainya. Sebab saya bimbang kalau perkara ini berlaku di kawasan-kawasan di perkampungan, tidakkah Jawatankuasa Kemajuan Kampung, Jawatankuasa Penempatan boleh memainkan peranan sama ada diberi didikan ataupun pastikan anak-anak kita jangan bermain pertaruhan. Kalau kita hanya mengharapkan Kerajaan sahaja barangkali tidak mampu. Apakah Yang Berhormat boleh beri penjelasan perkara ini dan memainkan peranan bersama di tempat-tempat yang dikatakan ada berlaku dikalangan kanak-kanak ini. Terima kasih.

Tuan Haji Abdul Razak bin Abu Samah: Persoalan ini yang hendak dijaga oleh ahli jawatankuasa dan seterusnya pihak yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat rakan saya tadi, saya duduk di Wilayah Persekutuan, kawasan yang tidak ada jawatankuasa itu, hanya kita mengharapkan kepada pihak Polis. Kadang-kadang pihak Polis ini pun, tak tahulah saya bagaimana mereka jalankan tugas, sungguhpun sudah ditangkap kadangkala, besoknya sesudah empat lima hari ditangkap, perkara ini berlaku lagi.

Oleh itu saya mengharapkan melalui Dewan yang mulia ini supaya pihak yang berkenaan supaya mencari jalan bagaimana hendak menyelesaikan masalah yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat tadi. Dan lagi, perkara ini juga rasa saya ada perlakuan sedikit, saya minta maaf, mungkin perkara rasuah juga ada berlaku tentang masalah-masalah ini yang berlaku berhubungan

dengan perjudian haram ini, perjudian-perjudian rumah terbuka ini. Kadangkala kita melihat keadaan ini memang telah ditangkap, selepas itu kegiatan judi di tempat itu masih ada lagi. Ini kita pun syak wasangka apa sebab-sebabnya perkara ini berlaku.

Sungguhpun lesen tak ada, tetapi selepas itu dibuka balik semula. Soal yang lain, sebagaimana yang disebutkan pihak Kerajaan kita tahu duit sampai \$5 billion setiap tahun terbuang begitu sahaja dengan perjudian haram ini. Saya dengan ini yang mana telah pun pihak Kementerian telah menyediakan Akta-akta dan juga fasal-fasal yang telah menentukan pihak-pihak yang berkenaan yang bersalah dengan menghukum dan seterusnya denda-denda yang telah ditentukan dan tidak perlu saya sebutkan kerana ini telah diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Oleh itu saya mengharapkan kepada pihak Kerajaan, supaya perjudian-perjudian seumpama ini dapat dielakkan seberapa segera dengan keadaan ini juga saya menyeluruh, sebagaimana Ahli Yang Berhormat mengatakan tadi supaya kita bekerjasama di antara satu dengan lain membanteras hal mengenai perjudian haram ini.

Tuan Yang di-Pertua, sekian sahaja, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Simunjan.

3.53 ptg.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis (Simunjan): Tuan Yang di-Pertua, saya hanya sepiantas lalu melihat Rang Undang-undang ini yang begitu menarik. Sebenarnya soal perjudian ini adalah satu persoalan yang begitu kerap diperbahaskan di Dewan yang mulia ini dan telah begitu kerap dituturkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia ini dan pada hari ini memang

tepat pada masa dan ketikanya Rang Undang-undang ini dikemukakan dan diperbincangkan dengan mendalam kerana ia melibatkan aktiviti-aktiviti yang akan meruntuhkan akhlak, masa depan anak-anak muda kita di masa kini dan di masa-masa yang akan datang sekiranya dibiarkan aktiviti perjudian terutama sekali aktiviti perjudian haram.

Masalah yang menjadi perbincangan kita yang saya rasa haruslah ditumpukan kepada judi dan haram, tiap-tiap judi itu haram kalau ditafsirkan, didefinisikan dari konsep agama Islam. Judi memang haram, tetap yang diperkatakan di sini perjudian haram. Ini rasa saya sungguh mengelirukan, judi haram, tak ada yang halal. Jadi firman Allah di dalam Al-Quran: Hai, orang-orang yang beriman, jauhilah kamu daripada arak dan judi dan bertenung nasib yang memang tak boleh. Jadi, soal yang timbul ini ialah perjudian haram. Ini saya begitu keliru. Dikatakan di sini, rumah perjudian terbuka, dikatakan juga perjudian haram. Jadi, saya fikir istilah seperti ini tidak seharusnya dipergunakan kerana kalau timbul persoalan mengenai istilah ini, saya rasa pihak Kerajaan mendapati sukar untuk menjelaskan terutama sekali kepada umat Islam di negara kita ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju dengan pandangan Ahli Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau setuju tak payah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Istilah judi itu haram, tetapi apa yang saya hendak minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat dari segi penggunaan istilah-istilah perjudian yang

berdaftar dengan yang tidak berdaftar, kerana judi itu memang haram. Jadi, apakah Yang Berhormat itu mempunyai istilah baru dan kalau ada saya minta cadangan yang baik ke arah penggunaan istilah yang tepat kerana judi itu memang haram, kita tak boleh menghalalkan yang haram. Jadi, saya minta penjelasan daripada Ahli Yang Berhormat untuk penggunaan istilah yang tepat dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Perkataan “terbuka” itu, apakah perkataan lain yang lebih sesuai.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, saya bersetuju seperti kata Ahli Yang Berhormat tadi, sebab beliau kawan, memang saya setuju, di samping sebab-sebab lain. Memang saya cadangkan supaya Kerajaan menentukan pendirian yang tegas dalam soal aktiviti perjudian ini. Kalau Kerajaan mengatakan bahawa yang berdaftar itu halal, halallah tetapi orang Islam dan agama Islam tetap mengatakan haram walaupun didaftarkan dengan Kerajaan. Itu terpulanglah kepada dasar dan pendirian pihak Kerajaan sama ada boleh mengatakan dan menggalak rakyat mengakui bahawa aktiviti perjudian yang didaftar itu adalah halal dan yang tidak didaftar itu haram. Itu bukan tafsiran agama tetapi tafsiran Kerajaan yang harus dibuat satu penelitian. Saya rasa itu cukuplah penjelasan saya kepada Ahli Yang Berhormat dari Tanah Merah.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pengkalan Chepa bangun.

Tuan Haji Nik Abdullah bin Nik Arshad: Saya hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Simunjan.

Apakah yang difahamkan oleh Ahli Yang Berhormat mengenai Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka ini. Adakah Akta

yang dibentangkan ini matlamatnya untuk mengharamkan judi ataupun judi itu tetap halal bagi Kerajaan cumanya Akta ini dibentangkan untuk mengadakan cara supaya rakyat boleh berjudi, Kerajaan pun boleh dapat duit.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Tuan Yang di-Pertua, memang saya rasa saya setuju dengan Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Dia tanya bukan dia kata apa-apa. Dia bertanya.

Tuan Haji Bujang bin Haji Ulis: Ya, saya pun setuju bahawa seolah-olah pindaan yang dibuat ini adalah untuk menghalalkan rakyat supaya menghalalkan secara mendaftarkan aktiviti perjudian supaya terus dihalalkan. Jadi, saya rasa soal mengenai pemindaan ini tidak timbul kalau dilihat dari segi spesifik kerana saya rasa banyak lagi Akta yang harus dipinda kalau kita hendak mengharamkan seluruh aktiviti perjudian. Jadi, sebab itu saya katakan tadi terpulang kepada pendirian Kerajaan dan dasarnya, kalau dasar Kerajaan tidak mahu satu aktiviti judi pun diteruskan, dijalankan atau diadakan. Jadi, saya rasa seluruh Rang Undang-undang perjudian ini dibatalkan seluruhnya. Ini saya rasa tindakan yang perlu diambil keseluruhannya, bukan hanya terikat kepada undang-undang ini. Jadi secara langsung dan tidak langsung, saya pun sedikit sebanyak sama-sama mencadangkan supaya Kerajaan perlu mengkaji semula pemindaan ini dan juga mengkaji semula keseluruhannya.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Pada masa ini sebagaimana kita sedia maklum ramai daripada anak-anak muda kita ini yang kata orang Sarawak "si ada kerja"—ertinya tidak

ada kerja, susah mendapat pekerjaan dan bukan hanya anak-anak muda tetapi yang sudah beristeri, beranak dan keluarga pun susah mendapat pekerjaan. Jadi mereka itu terdorong untuk mendapat duit dengan cara yang paling senang iaitulah salah satu daripada cara-cara itu ialah untuk melibatkan diri dalam aktiviti perjudian termasuk juga saya rasa aktiviti perjudian terbuka yang tidak didaftarkan. Jadi, saya rasa ini dorongan kepada rakyat ataupun anak-anak kita dan orang tua, dewasa untuk melibatkan diri.

Saya rasa oleh kerana itu pihak Kerajaan harus meneliti tindakan-tindakan untuk menentukan supaya aktiviti seumpama ini dikawal dengan betul terutama sekali kalaulah sekiranya niat kerajaan ialah untuk menghalalkan yakni didaftarkan dan mengharamkan yang tidak didaftarkan, mengawal supaya tidak wujud dengan berkesan sekali aktiviti-aktiviti perjudian terbuka "yang tidak halal ini", dengan izin. Ini saya kata inverted comma (" ") kerana di dalam Islam memang haram semuanya. Tetapi dalam pandangan pihak Kerajaan memang inverted comma yang didaftarkan sebagai halal.

Tuan Yang di-Pertua, memang selalu diperkatakan oleh pihak kepimpinan, pemimpin-pemimpin negeri dan negara bahawa Kerajaan memang setuju untuk mengharamkan aktiviti perjudian ini. Tetapi nampaknya saya masih tertanya-tanya setakat mana dan sejauh mana Kerajaan setakat ini telah benar-benar berjaya mengurangkan aktiviti perjudian dan mengurangkan penglibatan rakyat dalam aktiviti perjudian dan juga menentukan di suatu ketika nanti aktiviti judi atau kerja-kerja judi atau apa-apa yang ada terlibat dengan perjudian ini 100% dapat dihapuskan. Kerana kita tengok kadang-kadang macam-macam kerja dibuat, diperjudikan, misal kata Stock

Exchange, Bursa Saham di seluruh dunia ini seperti di Wall Street, New York misalnya. Akibat daripada begitu mendalam aktiviti perjudian hinggakan mereka ini menggunakan komputer untuk menghuru-harakan pasaran saham di New York dan juga pasaran saham di seluruh dunia ini yang mengkelam-kabutkan mereka yang benar-benar ikhlas membeli saham di mana juga pasaran saham.

Begitu jugalah di Pasaran Saham Kuala Lumpur, di Singapura dan sebagainya yang ikhlas, yang benar-benar ingin melabur juga terjejas dengan aktiviti mereka yang menyalahgunakan peluang ini dan perjudikannya atau menghalalkannya kepada tujuan perjudian.

Jadi, sebab itulah saya rasa aktiviti perjudian ini kalau dapat kita kaji dengan teliti dan langkah-langkah tertentu diambil untuk menentukan supaya ianya dikurangkan dan di suatu ketika nanti akan dapat dihapuskan supaya rakyat saya rasa dapat hidup tenteram, aman dan makmur.

Saya tidak ada lagilah yang hendak diperkatakan dan saya juga telah mendengar Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak suatu ketika dahulu bersetuju supaya mengharamkan berbagai jenis judi di Sarawak tetapi setakat ini saya tengok di Sarawak walaupun Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sarawak sudah setuju menghapuskan seluruhnya tetapi saya tengok 4 Nombor Ekor masih ada, kuda pun masih ada. Jadi saya tidak tahulah kesan daripada saranan Yang Amat Berhormat itu sama ada Yang amat Berhormat ini sudah melaksanakan apa yang diperkatakan oleh beliau atau tidak kerana saya lihat laporan menyatakan beliau sudah setuju supaya semua jenis judi diharamkan di Sarawak.

Saya hendak pejelasan daripada Kerajaan Negeri Sarawak sama ada

Yang Amat Berhormat Ketua Menteri ataupun wakilnya seperti daripada Betong dan sebagainya. Sama ada beliau pernah menyatakan yang negeri Sarawak akan mengharamkan semua jenis perjudian. Kalau tidak baiklah, kalau benar-benar sudah pelaksanaan, nampaknya tidak, ada. 4 Nombor Ekor pun masih ada, 10 Ekor pun masih ada. Tidak ada ekor pun masih ada. Jadi, saya rasa jangan mengeluarkan sesuatu perkataan yang mungkin rakyat mengharapkan sesuatu tetapi tidak dilaksanakan.

Saya rasa itu sahaja daripada saya dan saya harap supaya pihak Kerajaan menentukan cara-cara yang berkesan untuk menentukan aktiviti perjudian ini terkawal dengan betul. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

4.06 ptg.

Tuan Lau Dak Kee (Pasir Pinji): Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil bahagian dalam perbahasan suatu Akta yang dinamakan Akta Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 1989.

Tuan Yang di-Pertua, saya pun tidak begitu puas hati ataupun terang terhadap suatu Akta Rumah Perjudian Terbuka. Adakah Akta Perjudian tertutup atau tidak? Mungkin ada. Sebab dikatakan oleh Timbalan Menteri apabila dibentangkan Akta ini dalam Dewan ini dikatakan Kerajaan telah hilang cukai tidak kurang daripada \$5 billion dalam perjudian haram. Oleh kerana itu Kerajaan terpaksa membentangkan suatu Akta Rumah Perjudian Terbuka untuk orang-orang yang berniat berjudi supaya dapat bermain judi di rumah terbuka di mana Kerajaan dapat mengutip cukai-cukai yang telah dielakkan daripada cukai.

Tuan Yang di-Pertua, berdasarkan kepada apa yang dikatakan oleh Kerajaan untuk menguatkuasakan atau untuk mempertingkatkan hukuman kepada orang-orang yang berjudi tanpa lesen itu, kena hukum daripada satu ganda hingga lima ganda atau penjara mandatori, saya rasa ini bukanlah satu langkah yang positif untuk menghapuskan perjudian di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita semua faham bahawa semua agama termasuk agama Islam, agama Buddha, agama Kristian malah semua agama pun tidak mengizinkan perjudian itu dihalalkan. Tetapi di negara kita Malaysia ini sentiasa dikatakan bahawa negara Malaysia ini akan menghapuskan perjudian di kalangan masyarakat kita. Tetapi nampaknya akta-akta yang dibentangkan di sini tidak mungkin diharamkan, sebaliknya mungkin digalakkan oleh Kerajaan daripada perjudian haram ke perjudian halal.

Tuan Yang di-Pertua, kalau Kerajaan jujur dan ikhlas, patutlah hapuskan dan haramkan segala-gala bentuknya, caranya sekiranya terdapat itu adalah suatu benda menjadikan judi, hapuskan sama sekali. Tidak akan dihapuskan di sebelah sini tetapi di sebelah sana di halalkan. Ini bukan satu Kerajaan yang jujur dan ikhlas yang dikatakan bersih, cekap dan amanah. Amanah di mana? Amanah untuk satu golongan yang tertentu sahaja ataupun untuk orang-orang yang penting terhadap keuntungan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, tiap-tiap hari kita dapat membaca di semua jenis bahasa suratkhobar, iklannya begitu besar, contohnya saya berikan—Sosial Welfare Lottery, dahulunya hadiah pertama ialah \$400,000 sahaja, kemudian meningkat sehingga \$1 juta, dan kemudian meningkat lagi sampai \$2 juta dan iklan dalam suratkhobar itu mengatakan, "Siapa hendak jadi

jutawan, jangan lupa—belilah Loteri Kebajikan Masyarakat. Kalau anda membeli sekeping Loteri Kebajikan Masyarakat, mungkin anda akan menjadi seorang jutawan esok". Ini terus terang menunjukkan bahawa Kerajaan tidak berniat untuk menghapuskan perjudian di kalangan masyarakat kita.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu kita tidak ada loteri-loteri lain, hanya loteri Sosial Welfare sahaja, tetapi sekarang ini kita sudah ada loteri Big Sweep Sabah dan lain-lain. Dahulu Sports Toto pun tidak ada empat angka dan tiga angka, cuma ada dua angka sahaja—kena atau tidak, itu nasiblah. Tetapi sekarang ini sudah ada tiga angka, kalau kena, kena bayar, empat angka pun ada.

Tuan Yang di-Pertua, dahulu, dalam masyarakat kita, khasnya dalam masyarakat Cina, tiap-tiap hari mereka menghadapi perjudian di merata-rata tempat dan semalam telah dibayangkan oleh rakan kita di dalam Dewan ini, bukan sahaja di bandar-bandar besar bahkan di bandar-bandar kecil juga perjudian itu merebak di merata-rata tempat. Di kampung-kampung dan di warong-warong kecil pula terdapat loteri-loteri digantung di depan pintu dan boleh didapati dengan mudah. Mengapa keadaan ini merebak begitu luas? Saya rasa itulah dasar Kerajaan untuk mendapat lebih cukai. Kalau hendak dapatkan lebih cukai, bolehlah cari cara yang lain, bukan untuk mendapat cukai dengan mengorbankan moral dan akhlak rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa ada perjudian yang berlesen dan mengapa ada perjudian yang tidak berlesen, yang haram. Maknanya perjudian di masyarakat kita ini adalah haram dan halal. Yang halal itu boleh dijudikan, boleh berleluasa, 24 jam pun boleh berjudi. Yang haram itu tidak boleh. Kalau dia kena tangkap, kena

hukum. Saya rasa ini tidak membawa apa-apa manfaat kepada rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, siapakah yang menjalankan aktiviti-aktiviti perjudian yang berlesen? Rakyat jelata, Tuan Yang di-Pertua? Bukan. Rakyat berpendapatan rendah? Tidak. Orang yang main judi itu orang yang berpendapatan rendah, tetapi orang yang menjadi taukeh, yang jadi bossnya, yang jadi pengurusnya, yang jadi directornya ialah orang yang besar, orang VIP, orang yang mempunyai pengaruh yang kuat termasuk tokoh-tokoh pemimpin-pemimpin dari Barisan Nasional, khasnya daripada rakan saya sebelah sana dari Parti MCA. Kalau tidak salah saya, dalam sesi yang lalu, Timbalan Menteri pun ada mengakui apa salahnya kalau tokoh-tokoh MCA memegang saham-saham syarikat perjudian? Apa salahnya? Kalau tidak salah mestilah ada lesen, kalau tidak ada lesen, itu salah. Tetapi ada juga pemimpin-pemimpin MCA yang menjalankan aktiviti-aktiviti dengan tidak ada lesen, tetapi saya tidak tahulah, tetapi mungkin polis tahu. Saya harap Timbalan Menteri itu akan meminta laporan daripada polis sama ada aktiviti perjudian ada dijalankan oleh tokoh-tokoh MCA atau tidak.

Di sini mengenai Akta yang dinamakan Rumah Perjudian Terbuka tafsirannya macam mana? Adakah sesiapa yang menjalankan atau melakukan sesuatu permainan itu menang-kalah, atau mengikut bakatnya, atau mengikut nasibnya boleh dianggap sebagai judi. Saya hendak minta tafsiran yang sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua, biasanya kita tahu di kedai kopi itu ada orang main mahjong. Kalau empat orang main mahjong adakah ianya salah atau tidak? Kalau empat orang main mahjong atas satu meja itu salah atau tidak? Dua meja itu, adakah ini salah

atau tidak? Saya minta Timbalan Menteri itu menjawab terus terang. Kalau dianggap empat orang main mahjong itu salah, bagaimana dengan tiga orang main mahjong, macam mana dengan dua orang yang main mahjong—salah atau tidak? Kalau main mahjong di rumah, itu bukan rumah terbuka. Kalau di rumah sendiri bagaimana pula? Adakah ini salah atau tidak?

Tuan Yang di-Pertua, di sini juga

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, nanti dahulu. Yang Berhormat dari Tanah Merah bangun.

Tuan Hashim bin Safin: Minta penjelasan sedikit.

Tuan Lau Dak Kee: Silakan.

Tuan Hashim bin Safin: Tuan Yang di-Pertua, lebih kurang sama dengan semalam saya juga hendak mendapatkan penjelasan. Memang saya tahu dan saudara Yang Berhormat dari Ipoh pun tahu, misalnya permainan mahjong, permainan playing cards, terup dan sebagainya ini, ada yang bermain barangkali sekadar untuk suka-suka tetapi ada yang bermain dalam bentuk pertaruhan. Di stesen-stesen kereta sewa, sementara menunggu, ada yang bermain, tetapi saya difahamkan ada pertaruhan secara "understanding", berapa "round" kalah, kemudian ambil duit, sekurang-kurangnya belanja mee. Yang pasti di situ melibatkan pertaruhan wang. Perjudian walaupun satu sen, kalau

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, jangan berucap, minta penjelasan sahaja.

Tuan Hashim bin Safin: Tidak, saya hendak mendapat kepastian Yang

Berhormat itu tadi. Apakah Yang Berhormat seolah-olah ingin membenarkan permainan-permainan di rumah-rumah seperti mahjungkah, terupkah yang disalahgunakan untuk melibatkan wang dibolehkan, tidak membenarkan pihak Kerajaan membuat penguasaan, sedangkan di tempat lain boleh? Saya hendak mendapat penjelasan Yang Berhormat untuk membolehkan main begini. Kalau boleh, saya hendak bertanya lagi sekali, minta penjelasan sama ada Yang Berhormat bersetuju untuk dibenarkan permainan-permainan di rumah-rumah. Itu dia, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya faham apa dia sebut. Bukan hari ini, semalam pun saya faham juga. Apa yang dia minta itu, sama ada kita sokong atau tidak Akta ini atau perjudiannya. Adakah saya sebut kalau perjudian itu dengan sukarelanya atau membuang masanya atau sesuatu peristiwa dilakukan di rumah itu boleh dibenarkan. Saya tidak sebut begitu. Saya tidak bersetuju. Kalau Yang Berhormat dari Tanah Merah dengar dengan teliti yang mula-mula saya sebut mengapa Kerajaan tidak menghapuskan segala-gala perjudian dalam masyarakat kita? Itu sahaja yang saya hendak tahu. Mengapa tidak dihapuskan? Itu bukan kata yang ini halal, yang itu halal. Saya minta penjelasan daripada Timbalan Menteri. Itu maksud saya.

Tuan Hashim bin Safin: (*Bangun*).

Tuan Lau Dak Kee: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat hendak memberi penjelasan?

Tuan Hashim bin Safin: Sedikit sahaja. Jadi, Yang Berhormat tidak bersetuju sebarang bentuk permainan yang mungkin digunakan untuk

perjudian di rumah. Yang Berhormat bersetuju atau tidak bersetuju? Saya hendak minta penjelasan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya merasa susah hati kawan saya di sana hanya hendak mencari soal sahaja. Kalau hendak mencari soal, boleh berdebat di pentas politik, di Dewan ini pun boleh berdebat juga. Tetapi jelas saya kata mengapa Kerajaan tidak menghapuskan segala bentuk perjudian. Itu adalah jelas dan mengapa hendak dibangkitkan lagi?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak penjelasan?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan. Saya bukan hendak cari soal tetapi hendak meminta penjelasan yang spesifik. Nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji menentang sekeras-kerasnya perjudian dan meminta dihapuskan segala perjudian dan saya dapat dengar bahawa Yang Berhormat yang berkenaan adalah "tahi mahjung". Jadi, saya hendak meminta adakah Yang Berhormat berkenaan meminta dihapuskan segala perjudian termasuk mahjung yang dianggap sebagai adat orang China? Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

Tuan Lau Dak Kee: Dia kata tahi mahjung. (*Ketawa*) Saya minta dia tarik balik dahulu sebelum saya jawab. Kalau dia kata. . . .

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, tahi mahjung, perkataan ini bukan perkataan yang buruk tetapi perkataan untuk mensifatkan seseorang yang suka main mahjung sampai bermati-matian.

Tuan Lau Dak Kee: Itu sangkaan jahat, 36 (6).

Dato' Loke Yuen Yow: Siang sampai malam, malam sampai siang.

Tuan P. Patto: On a point of order, Tuan Yang di-Pertua, 36 (6). Nam-paknya Yang Berhormat Timbalan Menteri mengeluarkan satu sang-kaan jahat ke atas rakan saya daripada Pasir Pinji mengatakan bahawa beliau mendengar bahawa Ahli dari Pasir Pinji adalah tahi mahjung. Saya ingat itu sangkaan jahat dan beliau seorang Timbalan Menteri, mestilah lebih bertang-gungjawab apabila membuka mulut dalam Dewan ini. Ini bukan main-main punya perkara, Tuan Yang di-Pertua!

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bersetuju bahawa ini adalah kata jahat. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya berpendapat bahawa Yang Berhormat perlu menarik balik perkataan "tahi mahjung". (*Tepuk*)

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, jikalau Yang Berhormat dari Pasir Pinji katakan beliau bukan tahi mahjung, saya tarik balik.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat duduk dahulu. Saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri tarik balik.

Dato' Loke Yuen Yow: Jikalau Yang Berhormat yang saya katakan itu bukan tahi mahjung, saya tarik balik.

Tuan P. Patto: Tidak payah penjelasan. Tarik balik sahaja!

Dato' Loke Yuen Yow: Tetapi maksud saya sudah tercapai. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia sudah tarik balik.

Tuan P. Patto: Apa maksud tercapai itu? Saya teragak-agak hendak menggunakan perkataan kurang ajar ke atas beliau. Saya tidak mahu, tetapi kelakuannya seolah-olah. . . .

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya minta dia tarik balik perkataan kurang ajar. Bukan saya kurang ajar, dia yang kurang ajar. Minta tarik balik!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat, saya minta Yang Berhormat dari Pasir Pinji teruskan.

Tuan Lau Dak Kee: Saya hendak tanya "ruling" itu diterima oleh Tuan Speaker?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa itu?

Tuan Lau Dak Kee: Yang diminta maaf itu, yang tarik balik itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia sudah tarik balik.

Tuan Lau Dak Kee: Okay, sudah tarik balik. Kalau cara begitu, saya boleh sebut. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat boleh teruskan.

Tuan Lau Dak Kee: Timbalan Menteri yang berkenaan itu, dia tahi perempuan dan tahi arak. Saya tarik balik kalau dia bukan tahi arak. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji, sila duduk. Ahli-ahli Yang Berhormat, saya harap kita jangan menggunakan Dewan ini untuk membawa perkara-perkara yang boleh menjejaskan kedudukan kita sebagai Ahli-ahli Yang Berhormat. Teruskan Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

Tuan Lau Dak Kee: Kalau Tuan Yang di-Pertua terima penjelasan itu, dia kata kalau saya bukan seorang tahi mahjung dia tarik balik. Saya pun boleh kata kalau dia bukan seorang tahi perempuan atau tahi arak, saya pun boleh tarik balik. Kalau cara begitu matlamat sudah tercapai, saya tahu, saya pun boleh menggunakan cara begini.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengatakan bahawa ini bukan style saya tetapi saya belajar daripada style DAP sahaja kerana beberapa kali mereka menggunakan style ini mengeluarkan perkataan jahat dan kemudian menarik balik.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, ini satu sangkaan jahat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat dari Pasir Pinji, saya harap perkara ini tidak berulang lagi. Teruskan dengan ucapan Yang Berhormat mengenai perjudian. Saya tidak benarkan perkara ini diulang-alik. Teruskan ucapan Yang Berhormat mengenai perjudian.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, saya harap Timbalan Menteri itu boleh dapat membuktikan apa yang disebutkan apabila sampai masa beliau menjawab.

Dato' Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Pinji, dia hendak penjelasan, boleh beri atau tidak?

Tuan Lau Dak Kee: Okay, kalau dia boleh beri, kita pun boleh beri.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia hendak meminta penjelasan, boleh beri? Silakan.

Dato' Loke Yuen Yow: Ahli Yang Berhormat itu belum menjawab adakah beliau menentang semati-matinya mahjung, sama ada dimain di dalam rumah atau di luar rumah. Jadi, kalau ini adalah benar mungkin Kerajaan menimbangkan untuk mengharamkan mahjung di seluruh negara dan ini adalah pandangan Ahli Yang Berhormat daripada DAP. Terima kasih.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, sama ada saya bersetuju mengharamkan, atau tidak mengharamkan, itu terpulang kepada saya, Tuan Yang di-Pertua. Saya hanya minta apa tafsirannya mengikut di sisi undang-undang ini.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat hendak beri dia penjelasan kah?

Dato' Loke Yuen Yow: Berilah, sedikit sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: Saya belum habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan dahulu. Yang Berhormat, biar dia habis bercakap dahulu.

Dato' Loke Yuen Yow: Tidak berikah?

Tuan Lau Dak Kee: Bukan, boleh beri. Silakan, tidak apa. (*Ketawa*)

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya meminta penjelasan itu, saya tahu itu terpulang kepada pandangan Yang Berhormat sendiri. Tetapi saya ingin tahu pandangan Yang Berhormat berkenaan dengan jelas dan terang, adakah Ahli Yang Berhormat berkenaan mengesyorkan bahawa mengharamkan semua perjudian termasuk mahjung. kalau benar, Kerajaan akan menimbangkannya dan ini saya akan beritahu ini adalah pandangan

dan syor daripada pihak DAP, itu sahaja. Tentulah ini terpulang kepada pandangan Ahli Yang Berhormat dan Ahli-ahli Dewan Yang Mulia ini termasuk saya ingin tahu dengan jelas dan terang, adakah ini pandangan DAP, pandangan Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji? Itu sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, sama ada saya bercajandang untuk mengharam atau menghalalkan permainan mahjung saya tidak berkuasa. Saya tidak berkuasa, hanya Kerajaan yang berkuasa, hanya Timbalan Menteri Yang Berkuasa untuk mencadangkan di dalam Kabinet sama ada ini halal atau haram itu sahaja. Saya rasa mungkin dia pun tidak berkuasa untuk mencadangkan, kerana belum sampai ke pintu Kabinet lagi.

Dato' Loke Yuen Yow: Penjelasan!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Penjelasan, Yang Berhormat. Boleh beri!

Dato' Loke Yuen Yow: Sebagai salah seorang Timbalan Menteri Kerajaan yang humble, dengan izin saya ingin tanya pandangan Ahli Yang Berhormat yang berkenaan adakah permainan mahjung ini haram atau tidak, ya atau tidak. Saya minta itu sahaja beritahu saya, jadi saya boleh ambil tindakan. Terima kasih.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, sama ada permainan mahjung itu haram atau halal bukan saya beri tafsiran, bukan saya berkuasa untuk menentukan sama ada benar atau tidak benar, haram atau halal hanya Kerajaan, hanya pihak pemerintah yang berkuasa untuk menentukan. Jadi dia minta saya sama ada saya ini bersetuju atau tidak. Kalau saya Menteri, kalau saya duduk di sebelah

sana saya boleh jawab dengan jelas, tetapi saya bukan Menteri dan kawan saya pun hanya Timbalan Menteri sahaja belum sampai tahap Menteri lagi, tetapi suaranya, sikapnya dan kelihatannya seperti Menteriilah. *(Ketawa)* Harap-harap dia akan meningkat samapai tahap itulah.

Tuan Speaker, boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Boleh Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan speaker, saya hendak minta ketetapan dan tafsiran daripada Kerajaan sama ada permainan mahjung seperti di rumah atau di tempat awam atau di kedai kopi itu dibenarkan atau tidak. Apa tafsirannya saya hendak minta dia jawab, bukan saya jawab, ini bukan tanggungan saya, ini tanggungan kawan saya di sebelah sana.

Tuan speaker, di sini juga kalau mengikut benar-benarnya di sisi undang-undang, saya tidak begitu faham, mengikut Menteri yang membentangkan Akta ini lebih faham dan lebih mendalam terhadap Akta yang dibentangkan itu.

Tuan Speaker, dahulu Sports Toto itu hanya dikatakan Toto sahaja, tetapi Sports Toto sekarang ini ada empat angka, tiga angka dan boleh dianggap Sports Toto lagi. Ia boleh dianggap seperti satu cara perjudian. Jadi saya minta Timbalan Menteri Kewangan itu jawab soalan ini. Dan juga di mana-mana tempat juga kalau ada satu hari perayaan memang ada taman hiburan, di dalamnya pun ada berbagai-bagai permainan seperti hiburan atau lain-lain cara, tetapi hiburan itu boleh dianggap sebagai perjudian atau tidak? Di sini juga terus terang di televisyen kita ada satu program dikatakan 1-2 Menang. Kalau 1-2 Menang ini judi atau tidak? Ini

dianggap seperti hiburan (entertainment) atau perjudian, tetapi dibenarkan oleh Kerajaan. TV tidak ada lesen perjudian, tetapi dia boleh main 1-2 Menang, 1-2 kalah, 1-3 Draw. Apa ini, Tuan Speaker? Kalau ini dibenarkan saya hendak minta penjelasan daripada Timbalan Menteri Kewangan apa pandangannya, apa tafsirannya terhadap perkara ini. Dia tidak dengan ini, saya pun. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia akan jawab kemudian.

Tuan Lau Dak Kee: Saya harap dia akan jawab. Janganlah menjadi seorang Timbalan Menteri yang pekak.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, tadi saya minta penjelasan tetapi dia jawab tetapi dia ingin saya jawab ini tidak adil. Yang saya anggap tidak perlu jawab, saya tidak jawablah sebab tadi saya minta penjelasan dia tidak jawab. Terima kasih.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, itulah sikap daripada sebelah sana, dia anggap perkara itu hendak jawab—jawablah, kalau tidak mahu jawab—tidak jawablah. Kalau itu sikap Kerajaan, itukah sikap “Bersih, Cekap dan Amanah”? Kalau sikap yang dilakukan di Dewan ini boleh mencerminkan satu dasar Kerajaan, di mana mengamalkan sikap “Bersih, Cekap dan Amanah”. Saya rasa kalau perasaan saya boleh diterima oleh Tuan Speaker, saya rasa saya goyang kepalalah, kalau Kerajaan kita terdapat Timbalan Menteri sebagai ini, saya rasa harapan kita bukan cerah—gelap sangat. Mungkin rakan-rakan daripada sana daripada partinya pun gelap sangat, kalau sikap begitu, sikap tidak bertanggungjawab, sikap tidak tepat. . . .

Tuan Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Mas hendak apa?

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Hendak penjelasan!

Tuan Lau Dak Kee: Silakan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Pasir Pinji. Saya sedang mengamati ucapannya mengenai dengan judi terutamanya apabila beliau menyebut tadi bahawa ada pemimpin-pemimpin MCA terlibat, dapat lesen atau apa yang dimaksudkan saya tidak pasti, kemudian sampai kepada masalah 1-2 Menang dan permainan mahjong. Apa yang saya hendak tahu daripada Yang Berhormat dari Pasir Pinji siapakah pemimpin-pemimpin MCA yang terlibat ini, dan adakah lain-lain pemimpin lagi kalau Yang Berhormat dari Pasir Pinji dapat maklum kepada Dewan ini sebab saya pun teringin hendak tahu kerana orang berjudi ini banyak untung. Terima kasih.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, perkara ini memang teranglah, kalau saya mengikuti ucapan daripada Yang Berhormat dari Pasir Mas itu, di sini terang, bukan hanya daripada MCA, UMNO, MIC juga. Di sini Yang Berhormat telah sebut seperti Syarikat Raleigh dipegang oleh siapa? Adakah dia terlibat dalam syarikat-syarikat perjudian? Terang, kalau kita pergi semak daripada Pendaftar Syarikat-syarikat itu tahulah siapa namanya tercatat dalam rekodnya, tidak boleh lari daripada facts itu.

Tuan Speaker, di sini juga bukan hanya TV3 ada 1-2-3 Menang dan TV2 pun ada “Win, Loss or Draw” pun ada program itu menggalakkan judi sama ada dianggap menggalakkan perjudian atau tidak? Ada banyak lagi.

Di Dewan ini semalam kita dapat tahu ada Yang Berhormat-Yang

Berhormat yang tertentu mengatakan kita akan mengharamkan segala-gala bentuk perjudian, tetapi apabila saya minta sama ada mereka menyokong atau tidak menyokong Akta pindaan ini, tidak disebut. Apabila dicabar oleh kawan saya daripada Pasir Mas, dan Pengkalan Chepa pun tidak diterangkan dengan tepat sama ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah berucap itu akan mengundi menyokong atau tidak sokong. Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Ong Tee Keat (Ampang Jaya): *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ampang Jaya.

Tuan Ong Tee Keat: Minta penjelasan.

Tuan Lau Dak Kee: Sila.

Tuan Ong Tee Keat: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, nampaknya Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji ini cuba menyimpang daripada apa yang telah disoalkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Mas, sebab setakat ini saya masih belum dapat jawapan yang saya nanti-nantikan. Cuba sebutkan nama pemimpin MCA yang didakwa oleh Yang Berhormat yang telah melibatkan diri secara langsung atau tidak dalam aktiviti perjudian. Kalau tidak boleh ataupun cuba hendak lindungi dengan kata-kata yang lain, maka itu adalah satu budaya yang tidak sihat, itu dusta dan fitnah namanya.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya juga sangka sama ada parti DAP setakat ini menyangkal sebulat-bulatnya bahawa tidak seorang pun daripada pemimpinnya baik di peringkat kebangsaan mahupun di peringkat pelapis bahawa mereka tidak melibatkan diri langsung dalam aktiviti-aktiviti perjudian sebab setahu saya mereka ini walaupun mengheboh-hebohkan pendiriannya anti-perjudian

tetapi sebaliknya merekalah orangnya yang sentiasa mengambil bahagian ataupun melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti perjudian. Ini cakup tak serupa bikin dan saya rasa adalah satu budaya politik yang tidak sihat yang perlu dikikiskan daripada kehidupan kita sebagai orang Malaysia.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih di atas hujahnya, dia kata.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia minta penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Ya, penjelasan. Dia kata gunakan cara dusta, fitnah, orang yang kata tidak mengikut apa dia buat, orang yang menentang sebenarnya orang yang betul-betul terlibat dalam perjudian. Ini telah mencerminkan daripada parti MCA. Tuan Speaker, kalau saya tak salah, boleh semak balik *Hansard* bagi sesi yang lalu, benarkah Timbalan Menteri menyatakan apa salahnya pemimpin-pemimpin MCA atau keluarganya atau ahli-ahli dari keluarganya memegang saham-saham daripada syarikat perjudian. Adakah tidak? Kalau dia nafi, boleh kita semak balik *Hansard* yang lalu.

Tuan Speaker, dan di sini juga dikatakan, saya tidak boleh namakan sesiapa.

Dato' Loke Yuen Yow: *(Bangun)*

Tuan Lau Dak Kee: Nanti dahulu, saya akan beri peluang.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Dak Kee: Nanti dahulu, saya beri peluang, nanti dahulu, belum habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia belum habis lagi.

Tuan Lau Dak Kee: Benarkah atau tidak sebagai Timbalan Menteri mesti bertanggungjawab atas segala-gala percakapannya, tindakannya, kelakuannya. Benar atau tidak Timbalan Menteri Kewangan telah menyatakan di sesi yang lalu, ada seorang tokoh DAP pernah minta beliau untuk mendapatkan permit perjudian. Saya cabar dia keluarkan nama, nyatakan nama di Dewan ini, bukan sekali, dua kali. Adakah benar, kalau rakan daripada. . . .

Dato' Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Tuan Lau Dak Kee: Belum habis lagi. Kalau rakan daripada Timbalan Menteri Kewangan itu dikatakan, ini memang dusta, ini memang. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia belum habis lagi, Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: . . . betul, itu memang benar. Tuan Speaker, itulah saya katakan, "Tepuk air di dulang, kena muka sendiri". Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila Timbalan Menteri menjawab.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kalau Ahli Yang Berhormat tadi itu minta adakah saya dulu katakan ada pemimpin-pemimpin DAP pernah datang berjumpa saya dan minta saya bolehkah saya tolong mendapatkan satu lesen perjudian, bentuk perjudian—dalam bentuk apa itu tidak pentinglah—lesen perjudian, dan minta saya dan cabar saya di sini memberitahu nama pemimpin-pemimpin DAP yang berkenaan. Saya di sini ingin mengatakan bahawa pada satu hari nanti saya akan keluarkan nama pemimpin-pemimpin DAP yang berkenaan, tetapi oleh kerana beberapa faktor yang penting, saya tidak ingin sebutkan di sini sekarang untuk memberitahu nama-nama yang berkenaan. Tetapi ini adalah benar, ini bukan tipu.

Seorang Ahli: Bohong!

Dato' Loke Yuen Yow: You yang bohong!

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, kalau Timbalan Menteri. . . .

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, apabila seseorang. . . .

Tuan Lau Dak Kee: Silakan.

Dato' Loke Yuen Yow: . . . seorang pemimpin DAP datang berjumpa saya ingin mendapatkan lesen, orang itu juga kawan saya. Apabila dia minta, dia kata: "Saya minta tolonglah sebagai kawan, bukan sebagai pemimpin DAP", kerana orang itu tahu jika saya menolong dia sebagai pemimpin DAP, saya secara tak langsung tolong sebagai kawan. Oleh kerana kawan pun saya tidak tolong dan oleh kerana orang itu masih kawan saya, saya tidak ingin keluarkan nama dia, tetapi pada satu hari nanti, ingat! pada satu hari nanti I will tell who is the person. Thank you.

Tuan Lau Dak Kee: If you are a gentleman. . . .

Tuan Lim Kit Siang (Tanjung): (*Bangun*)

Tuan Lau Dak Kee: Silakan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Tanjung minta penjelasan?

Tuan Lim Kit Siang: Ya, tadi saya dengar bahawa mengenai budaya berjudi, bukankah benar bahawa budaya berjudi sebenarnya budaya rasmi MCA di mana bukan sahaja mereka menjadikannya hak asasi rakyat tetapi pun wang-wang rakyat dan mengakibatkan skandal-skandal koop, sehingga tokoh-tokoh MCA pergi penjara Singapura, penjara Pudu, sehingga satu masa CEC MCA dalam penjara? (*Tepuk*)

Tuan Lau Dak Kee: Itu memang benar, itu memang benar. Ini telah mencerminkan keadaan parti MCA dan budaya MCA dan mungkin ini satu kesinambungan MCA. Tuan Speaker. . . .

Tuan Ong Tee Keat: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat. . . .

Tuan Ong Tee Keat: Minta penjelasan. Sebenarnya ini bukan hendak. . . .

Tuan Lau Dak Kee: Kalau hendak minta penjelasan, pendeklah sedikit, janganlah buat ucapan, ada peluang lagi.

Tuan Ong Tee Keat: Ini sebenarnya ala-DAP, saya cuma belajar cara DAP yang berhujuh.

Tuan Lau Dak Kee: Kalau hendak belajar daripada DAP, masuk DAPlah! (*Ketawa*)

Tuan Ong Tee Keat: Tak apa, tidak semestinya.

Tuan Lau Dak Kee: Silalah masuk DAP!

Tuan Ong Tee Keat: Biasanya kita boleh belajar taktik DAP untuk menyerang DAP.

Tuan Lau Dak Kee: Masuk DAP dulu, kemudian keluar tak apa, masuk dahulu!

Tuan Ong Tee Keat: Saya minta penjelasan dahulu.

Tuan Lau Dak Kee: Silakan.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya Yang Berhormat dari Pasir Pinji ini sama ada beliau sedar atau tidak bahawa Setiausaha Agung Parti DAP iaitu Yang Berhormat dari Tanjong yang bersuara itu tadi ialah orangnya yang juga terlibat dalam apa yang saya

maksudkan tadi—budaya dusta, iaitu bukan tanpa contoh tetapi ada satu contoh di sini.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, dia melakukan budaya dusta! Adakah ini sangkaan jahat? Dia melakukan budaya dusta!

Tuan Ong Tee Keat: Mukadimmah sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: Adakah ini sangkaan buruk?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Pinji, dia belum habis lagi.

Tuan Ong Tee Keat: Mukadimmah sahaja, steadyhlah, sabar!

Tuan Lau Dak Kee: Saya hendak tanya dahulu, “budaya dusta”, adakah sangkaan jahat atau tidak, saya hendak minta dahulu sebelum Yang Berhormat dari Ampang Jaya meneruskan.

Dato' Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Saya hendak minta satu ruling. Yang Berhormat dari Ampang Jaya menyatakan bahawa Ahli Yang Berhormat dari Tanjong melakukan budaya dusta, melakukan budaya dusta—sama ada ini satu sangkaan jahat atau tidak. Saya minta satu ruling dahulu sebelum dia melanjutkan.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya ayat saya belum habis lagi. Itu mukadimmah sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia baharu sekerat sahaja. Saya pun tidak faham apa yang dia maksudkan.

Tuan Ong Tee Keat: Terus, ya?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Tuan Ong Tee Keat: Okay, saya pendekkan percakapan saya. Sebenarnya bukan sifat saya membuat tuduhan tanpa contoh atau bukti. Yang saya hendak bangkitkan di sini, sebenarnya ada dua contoh. Yang pertamanya. . . .

Tuan Lau Dak Kee: Dia buat ucapan, bukan minta penjelasan.

Tuan Ong Tee Keat: Saya minta penjelasan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, saya hendak tahu dia hendak minta penjelasan daripada saya atau hendak minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Tanjung.

Tuan Ong Tee Keat: Minta penjelasan dari Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji. Sabarlah sedikit.

Tuan Lau Dak Kee: Terhadap saya?

Tuan Ong Tee Keat: Ya, memang.

Tuan Lau Dak Kee: Silakan.

Tuan Ong Tee Keat: Saya tanya sama ada Yang Berhormat dari Pasir Pinji sedar atau tidak bahawa dalam dua, tiga tahun kebelakangan ini ada juga kejadian-kejadian dusta yang saya maksudkan tadi yang berlaku di kalangan pemimpin-pemimpin DAP dan khususnya melibatkan Setiausaha Agungnya sendiri; yang pertamanya. . . .

Tuan Lau Dak Kee: Dia minta penjelasan daripada saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohame Amin bin Haji Daud): Yalah.

Tuan Lau Dak Kee: Saya tidak sebutkan apa-apa tentang Setiausaha Agung DAP. Tidak patutlah, ini tidak bersangkutan.

Tuan Ong Tee Keat: Tidak, sebab. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat-Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Kalau dia hendak minta penjelasan daripada saya hendaklah mengikut law.

Tuan Ong Tee Keat: Takut pula.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk!

Tuan Lau Dak Kee: Dia minta daripada saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Pinji dan Yang Berhormat dari Ampang Jaya, duduk! Yang Berhormat boleh buat penjelasan kepada perkara-perkara yang dibangkitkan oleh yang berucap, bukan perkara lain. Jadi, penjelasan itu saya tidak benarkan. Teruskan Yang Berhormat dari Pasir Pinji.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih, saya pun berasa sedih. . . .

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, minta tarik balik perkataan "bodoh". Sangkaan jahat.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, apa ini sikap Kerajaan. Saya masih berucap. . . .

Tuan Ong Tee Keat: (*Bangun*)

Dato' Loke Yuen Yow: Kalau dia tidak tarik balik perkataan bodoh—dia bodoh.

Tuan Lau Dak Kee: Ini merampas peluang saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Pinji, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Duduk. Yang Berhormat Timbalan Menteri hendak apa tadi?

Dato' Loke Yuen Yow: Tarik balik perkataan bodoh itu.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Siapa yang kata itu?

Dato' Loke Yuen Yow: Ahli Yang Berhormat dari Ipoh dan dari Pasir Pinji. Kedua-duanya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Ipoh.

Dato' Loke Yuen Yow: Tarik balik.

Tuan P. Patto: Saya sungguh terperanjat, mendengar.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap. Yang Berhormat dari Ipoh ada menyebutkan "bodoh"?

Tuan P. Patto: Ini saya kata dia seorang yang mungkin fikirannya sudah tiada siuman lagi, (*Ketawa*) mungkin tiada siuman.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, saya minta perkara ini tidak di.

Tuan P. Patto: Saya memang terperanjat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduklah!

Tuan P. Patto: Orang yang berfikiran waras tidak akan membuat tuduhan macam itu. Seseorang yang tidak mengatakan begitu tetapi dituduh mengatakan dia kata.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, duduk. Saya mintalah kita jalankan perbahasan dengan cara

teratur dan tidak ada insinuation mengenai bodoh, senile dan sebagainya. Saya minta teruskan dengan baik. Yang Berhormat dari Pasir Pinji teruskan.

Tuan Lau Dak Kee: Saya berasa sangat-sangat sedih bahawa kelakuan dan sikap daripada Timbalan Menteri Kewangan.

Dato' Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Tuan Lau Dak Kee: Ini apa ini, saya belum sebut lagi.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lau Dak Kee: Nampaknya, Tuan Yang di-Pertua, dia tidak sabar.

Dato' Loke Yuen Yow: Saya minta kalau Ahli Yang Berhormat itu.

Tuan Lau Dak Kee: Dia boleh tuduh saya, tetapi saya tidak boleh bercakap. Di mana keadilan!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, biar selepas dia bercakap.

Tuan Lau Dak Kee: Saya belum bercakap apa-apa lagi.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Saya berasa sedih terhadapnya sahaja, apa itu, saya belum sebut lagi.

Dato' Loke Yuen Yow: Tidak berani, takut.

Tuan Lau Dak Kee: Hendak rampas sahaja, rampas peluang saya. Pandailah dia. Pada bila-bila masa, sama ada diizinkan ataupun tidak diizinkan, benar ataupun tidak

benarkan dia rampas sahaja. Itulah caranya, Saya berasa sedih, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh saya minta Ahli Yang Berhormat itu pendekkan ucapan. Sudah tiada masa lagi, janganlah pusing-pusing sahaja. Kalau hendak cakap, cakap fact, itu sahaja. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Pinji, teruskan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti sekejap Yang Berhormat. Saya hendak bertanya panjang lagikah ucapan Yang Berhormat?

Tuan Lau Dak Kee: Tidak panjang. Ringkas sahaja. Gangguan banyak, Tuan Yang di-Pertua, bukan saya suka hendak ganggu orang, lain tetapi orang lain yang ganggu saya.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Teruskan.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, saya minta di sini, saya merayulah kepada pihak pemerintah, pihak Kerajaan, jikalau pihak pemerintah itu bersikap jujur, bersikap ikhlas, bukan mengikut mulutnya, tindakannya, perbuatannya dan kelakuannya mesti dapat mencerminkan amalannya iaitu bersih, cekap dan amanah. Kalau sendiri tidak bersih macam mana mengajar orang menjadi bersih. Kalau sendiri tidak cekap, macam mana mengajar orang lain menjadi cekap. Kalau sendiri tidak memegang tepat dengan amanah yang diberikan kepadanya, macam mana mendapat balas daripada rakyat di mana rakyat boleh menjalankan satu amalan berdasarkan amanah. Saya

rasa Kerajaan hari ini ada dua "standard" iaitu kalau Kerajaan bersetuju maka perkara ini dibenarkan walaupun mengikut kepercayaan masing-masing agama ini tetap diharamkan. Tetapi kalau Kerajaan fikir ini boleh mendapatkan lebih cukai dan memungut lebih wang untuk sesuatu keperluan yang tertentu dibenarkan.

Tuan Speaker, kita kaji balik kepada zaman lima puluhan dan zaman enam puluhan beberapa jenis lesen dapat kita lihat dalam masyarakat kita? Kurang. Tetapi hari ini Kerajaan sentiasa tegah bahawa Kerajaan akan menghapuskan segala perjudian, tetapi keadaan sebenarnya jelas didapati bahawa sekarang ini berjenis-jenis, berbagai-bagai bentuk dan cara untuk bermain judi sehingga tiap-tiap hari boleh bertaruh sama ada menang atau kalah di dalam bentuk perjudian yang dibenarkan oleh Kerajaan. Tuan Speaker, saya minta.

Tuan Hu Sepang: On a point of order. Menteri Pertahanan baca newspaper. Sila pandang sana, baru habis baca (*Ketawa*).

Tengku Dato' Ahmad Rithaudeen Al-Haj: Baca dengan lihat itu berlainan. Saya dengar semuanya. Saya duduk di sini saya mendengar apa yang berlaku.

Tuan Lau Dak Kee: Kalau Menteri itu.

Tuan Hu Sepang: Saya tidak boleh percaya, bagaimana seorang boleh baca dan boleh dengar ucapan (*Ketawa*). Ini Superman.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, kalau dia kata dia baca sambil mendengar, apa yang saya sebut tadi? Perkataan yang akhir, sila.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Pinji, teruskan.

Tuan Lau Dak Kee: Perkataan apa yang saya sebut di akhir sekali—last paragraph?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Pinji, sudah.

Tuan Lau Dak Kee: Kalau dia baca itu mengakulah baca.

Tengku Dato' Ahmad Rithauddeen Al-Haj: Saya tidak boleh dengar, oleh sebab dua-dua orang sekali bercakap, saya tengok yang mana bercakap, yang mana yang tidak bercakap.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker,
. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat sudah panjang sangat, Yang Berhormat dari Pasir Pinji minta pendekkan.

Tuan Lau Dak Kee: Mengakulah kalau salah itu, mengaku salahlah. Kita pun manusia juga. Manusia mempunyai kelemahan, mengakulah. Tidak mengapa itu.

Tuan Chian Heng Kai: Penjelasan.

Tuan Lau Dak Kee: Penjelasan, silakan.

Tuan Chian Heng Kai: Saya ingin bertanya kepada Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji, apakah benar bahawa seorang bekas Presiden MCA datang dari sebuah kasino dan oleh kerana itu sekarang parti MCA telah jadi satu parti perjudian?

Tuan Lau Dak Kee: Saya rasa itu anggapan umumnya, semua orang tahu sama ada itu benar atau tidak. Di dalam peribahasa orang makan cili itu dia berasal pedasnya. Tuan Speaker, tahu sama tahulah.

Saya rasa akhirnya di sini saya suka memberitahu Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berbagai-bagai perjudian dan kalau mengikut tafsiran sebenarnya semua perjudian itu pun

tidak boleh dibenarkan kecualinya perjudian itu berlesen. Tetapi saya nampak daripada pihak pemerintahan khasnya pihak MCA itu selalu berjudi bukan dalam rumah perjudian, mungkin. . . .

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Tuan Lee Kim Sai):
(*Bangun*)

Tuan Lau Dak Kee: Belum habis lagi.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Minta jalan.

Tuan Lau Dak Kee: Duduk dahulu, silakan.

Tuan Lee Kim Sai: Kerana berkali-kali disebutkan nama MCA. Adakah Yang Berhormat boleh menjamin bahawa kalau sekiranya ada ahli-ahli DAP membeli Empat Nombor Ekor atau ahli-ahli DAP masuk kasino atau Ahli-ahli DAP yang dinampak main mahjong di kedai-kedai kopi akan diambil tindakan disiplin. (*Tepuk*)

Tuan Lau Dak Kee: Saya terkejut. Kalau MCA boleh menjadi perisik DAP, kalau boleh jadi "DAP eye", menjaga ahli-ahli DAP sama ada mereka main judi atau tidak, saya berterima kasih tetapi. . . .

Tuan Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, sila menjawab yang diminta penjelasan. Sila memberi jaminan. Jawab soalan yang ditunjukkan, jangan berpusing-pusing.

Tuan Lau Dak Kee: Bukan hendak pusing-pusing. Dia minta sama ada DAP akan mengambil tindakan terhadap orang bermain judi.

Dato' Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Biar dia jawab dahulu.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, saya mintalah Tuan Yang di-Pertua. . . .

Tuan Lau Dak Kee: Apa ini, penjelasan atas penjelasan.

Dato' Loke Yuen Yow: . . . arahkan Ahli Yang Berhormat, jawablah soalan kerana kita minta penjelasan. Berkali-kali tidak jawab. Terima kasih.

Tuan Lau Dak Kee: Apa ini?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat, teruskan.

Tuan Lau Dak Kee: Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada DAP akan mengambil tindakan terhadap setiap ahli-ahli DAP jikalau didapati main judi di tempat-tempat, sama ada DAP akan mengambil tindakan atau tidak. Betul? Soalan itu betul? Dia minta saya betul?

Tuan Lee Kim Sai: Dia bertanya soalan itu betul, adakah Ahli Yang Berhormat kurang faham Bahasa Malaysia? (*Ketawa*)

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, sama ada saya kurang faham atau tidak kurang faham serah kepada Tuan Speaker, serah kepada para pendengar tetapi saya tidak serah kepada Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan sama ada dia tidak boleh menentukan sama ada saya faham Bahasa Malaysia atau tidak faham Bahasa Malaysia. Saya rasa dia faham apa maknanya pengecut. Dia faham apa maknanya coward, saya rasa dia fahamlah. Tetapi sama ada saya faham Bahasa Malaysia atau tidak, ini tidak begitu penting.

Dato' Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Tuan Ong Tee Keat: Point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Pinji, nanti

sekejap, ada point of order dari Yang Berhormat dari Ampang Jaya.

Tuan Ong Tee Keat: Tuan Speaker, point of order.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Berapa?

Tuan Ong Tee Keat: 36 (6) sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Apa yang sangkaan jahat itu?

Tuan Ong Tee Keat: Ahli Yang Berhormat dari Pasir Pinji menyebut perkataan pengecut dan lebih-lebih lagi beliau tidak dapat jawab dengan terus terang.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, saya gunakan perkataan pengecut itu ada sangkaan jahatkah—sama ada atau tidak?

Dato Loke Yuen Yow: Sebagai Timbalan Menteri yang membentangkan Rang Undang-undang ini, saya minta Ahli Yang Berhormat kalau boleh tolonglah pendekkan ucapan, jawablah penjelasan yang diminta, janganlah buang masa, pusing-pusing sahaja, hendak pusing pergilah Amerika balik, ambil cuti.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, saya ini tidak boleh lari daripada sini. Kalau saya boleh lari daripada sini boleh. Saya tidak akan berholiday di Australia.

Dato Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, kalau ada pandangan yang konstruktif dan positif, saya boleh terima, pusing sana, pusing sini, ucapan kosong.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Speaker, saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat dari Pasir Pinji kalau boleh.

Tuan Lau Dak Kee: Silakan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Ini berkenaan dengan perkataan pengecut ini. Saya lihat dalam keadaan sekarang ini yang pengecut ialah DAP kerana tidak berani jawab penjelasan yang diminta oleh Yang Berhormat dari MCA daripada Hulu Langat. Jawab itu, kalau tidak boleh jawab maka yang pengecut ialah DAP (*Tepuk*). Boleh ambil tindakan atau tidak terhadap ahli-ahli DAP kalau berjudi, itu yang patut diberi jawapan, jangan pusing-pusing.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, setujukah, okay. Kalau saya jawab Menteri pengecut. Kalau saya tidak jawab DAP pengecut. Betul? Itu maknanya.

Dato Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Tuan Lee Kim Sai: (*Bangun*)

Tuan Lau Dak Kee: Saya belum jawab lagi.

Tuan Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan, kalau Yang Berhormat dari Pasir Pinji ada keberatan untuk memberi jawapan kepada penjelasan yang diminta tadi, saya tarik balik. Bermakna DAP tidak berani menjamin (*Tepuk*).

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, sama ada dia hendak tarik balik atau tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Dia sudah tarik balik.

Tuan Lau Dak Kee: Ini tidak bergantung kepada saya. Saya belum jawab lagi, sebab gangguan banyak, sebelum saya jawab, dia tarik balik, itu dimaknakan pengecutlah.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Tuan Speaker, saya minta

sekali lagi daripada sahabat saya daripada Pasir Pinji untuk memberi penjelasan.

Tuan Lau Dak Kee: Tenang, tidak payah lanjut lagi, jangan buang masa, jangan kacau. Jawapan saya kalau DAP akan ambil tindakan terhadap sesiapa yang melakukan perjudian, itu bermaknanya orang yang bertanya itu menjadi pengecut, kalau DAP tidak jawab, DAP jadi pengecut, ya. Sekarang ini saya jawab. Bagi pihak DAP segala kesalahan di sisi undang-undang yang berlaku oleh ahli DAP, DAP akan mengambil tindakan terhadapnya. Itu di bawah sisi undang-undang. Kalau di sisi undang-undang itu dibenarkan DAP tidak menggalakkan perjudian. DAP tidak akan melibat peribadi seperti ada orang, pada masa yang tergepar lari daripada negara ini, itu perkara peribadi, ada orang pun pada masa yang sangat-sangat penting itu ambil holiday di lain tempat.

Tuan Lee Kim Sai: Minta penjelasan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Yang di-Pertua, minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Berhormat dari Pasir Pinji sila duduk sekejap.

Tuan Lee Kim Sai: (*Bangun*)

Dato Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Tuan Lau Dak Kee: Silakan.

Tuan Haji Ibrahim bin Ali: Saya hendak minta penjelasan. Siapa yang lagi tadi itu? Saya pun hendak tahu juga, tolong terangkan siapa yang lari tadi, yang pengecut, yang lari itu. Terima kasih.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, hendak jawapan atau tidak?

Beberapa Ahli: (Menyampuk)

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Senyap Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Itulah Yang Berhormat dari Hulu Langat.

Tuan Ong Tee Keat: Point of order, Tuan Speaker. Ada dua di sini, 36 (1) dan 36 (6)—kedua-dua sekali. . . .

Tuan Lee Kim Sai: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Nanti, point of order dahulu.

Tuan Lee Kim Sai: Sorry.

Tuan Ong Tee Keat: 36 (1). Nam-paknya apa yang cuba hendak di-hujahkan oleh Yang Berhormat dari Pasir Pinji ini sudah menyeleweng daripada topik yang sebenarnya, iaitu perjudian—nombor satu. Yang. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Yang Behormat dari Ampang, duduk. Saya rasa Yang Berhormat dari Pasir Pinji telah terlalu panjang berhujah dan berkisar atas perkara-perkara yang bukan bersangkutan. Saya beri 3 minit sahaja untuk meneruskan ucapan kalau ada lagi.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Speaker, boleh saya teruskan?

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): 3 minit sahaja.

Tuan Lau Dak Kee: Terima kasih. Tuan Speaker, apa saya hendak kata di sini, apa kita sebut peganglah tepat dan teguh. Kalau Kerajaan mengambil satu sikap “double standard” saya rasa ini tidak menepati amalannya, bermaknanya bersih, cekap, amanah, sebab itu adalah contoh-contoh daripada tokoh-tokoh MCA selalu berlaku perkara seperti yang saya sebut tadi.

Tuan Speaker, saya hendak minta Kerajaan kalau Kerajaan betul-betul ikhlas dan jujur, hapuskan segala bentuknya, segala caranya, segala jenis-jenisnya perjudian yang berlaku di masyarakat kita ini. . . .

Dato Loke Yuen Yow: Penjelasan, pada peringkat ini pendek sahaja, adakah ini termasuk mahjung?

Tuan Lau Dak Kee: Saya beri jalan kalau masa saya dipanjangkan. Oleh kerana 3 minit sahaja lagi, tak ada masa, duduk!

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Sila teruskan. Seminit sahaja lagi tinggal.

Tuan Lau Dak Kee: Kalau Kerajaan jujur, hapuskanlah segala-gala bentuk perjudian dan tokoh-tokoh MCA tidak akan menjadikan hasrat kita, tidak akan menjadikan harapan kita, tidak akan menjadikan harapan dan cerah masa depan anak-anak dan cucu-cucu kita.

Itulah, Tuan Speaker, saya harap jangan gunakan satu cara seperti ketam mengajak anak berjalan terus. Kalau Kerajaan ada “double standard” macam mana rakyat, masyarakat kita boleh mengamalkan satu standard? Kalau Kerajaan tidak jujur, tidak ikhlas, macam mana diharapkan rakyat kita boleh jujur dan ikhlas? Itulah, Tuan Speaker. . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Masa sudah cukup, Yang Berhormat.

Tuan Lau Dak Kee: Itulah ucapan saya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Dato Haji Mohamed Amin bin Haji Daud): Muar.

5.14 ptg.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan (Muar): Tuan Speaker, saya

bangun untuk turut serta membahaskan satu Rang Undang-undang bertujuan meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953.

Tuan Speaker, saya ingin hendak puji Kerajaan, hendak beri tahniah kepada Kerajaan, kepada Kementerian Kewangan kerana dapat memikirkan dan seterusnya membawa ke Dewan ini satu usul untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953 mengikut fasal-fasal 2 dan Ceraiannya, Fasal 4, Fasal 5, Fasal 7 dan Fasal 8.

Saya berkeyakinan bahawa tindakan Kerajaan untuk membawa usul ini setelah dikaji dengan teliti satu Akta yang telah diluluskan sebelum negara kita mencapai kemerdekaan, iaitu satu Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953 dan sewajarnya bahawa Kerajaan mengambil tindakan untuk menyesuaikan dengan keadaan semasa agar Akta yang telah diluluskan pada tahun 1953 itu dikaji kembali dan peruntukan-peruntukan meminda dimajukan untuk dibahas dan mendapat persetujuan Dewan pada hari semalam dan pada hari ini.

(Timbalan Yang di-Pertua *mem-pengerusikan Mesyuarat*)

Saya berkeyakinan di atas kebijaksanaan Dewan dan Ahli-ahli Yang Berhormat untuk memikirkan dengan teliti perlu ataupun tak perlunya pindaan Akta ini dibawa dan kalau ada lagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang mengesangsikan kebijaksanaan Kerajaan membawa pindaan ini, bermakna mereka bersetuju bahawa perjudian yang ada dalam negara kita ini dibuka seluas-luasnya tanpa adanya sekatan, tanpa adanya pengawalan.

Soal Akta Perjudian telah diluluskan sebelum kita mencapai kemerdekaan iaitu diluluskan pada tahun 1953 dan sejak diluluskan banyak lesen-lesen yang telah diluluskan dan juga banyak jenis perjudian yang beroperasi dalam

negara, tetapi makin banyak lesen yang diluluskan makin banyak pula perjudian-perjudian haram yang berlaku dengan berleluasanya sehingga mengakibatkan bermacam-macam bentuk perjudian beroperasi dan rakyat terutama yang miskin terdedah kepada perjudian haram ini dieksploitasi oleh pihak-pihak tertentu, pihak-pihak yang sengaja memutarbelitkan keadaan untuk mencari keuntungan. Sama jugalah kalau difikirkan dengan sehalus-halusnya fakta-fakta yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat daripada DAP mencari publisiti murah dengan mengutarakan supaya Kerajaan mengharamkan perjudian pada hal usul yang kita kemukakan pada hari ini dan dibincangkan ialah untuk meminda Akta itu yang telah pun diluluskan pada tahun 1953.

Kalau kita lihat daripada Fasal-fasal 2 (a) dan Fasal 4, Fasal 5, Fasal 7 dan Fasal 8, Kerajaan mengadakan peruntukan-peruntukan berhubung dengan kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab yang cuba hendak mengeksploitasikan perjudian haram memungut keuntungan-keuntungan daripada rakyat yang terperangkap kepada kegiatan perjudian ini. Kalau kita tengok pada Fasal 4 yang memaksimumkan penalti atas kesalahan-kesalahan mendahulukan wang untuk menubuhkan sebuah rumah perjudian terbuka, itu satu kesalahan yang akan diambil tindakan oleh Kerajaan dan kalau tindakan ini pun yang hendak kita luluskan pada hari ini tidak dipersetujui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya tak faham mengapa usaha Kerajaan yang begitu baik masih lagi dipersoalkan.

Begitu juga Fasal 5 dan 6, iaitu untuk meningkatkan penalti maksima bagi kesalahan-kesalahan perjudian di rumah perjudian terbuka dan perjudian di khalayak ramai. Dan juga

Fasal 7 bertujuan meminda seksyen 8 memaksimumkan penalti bagi kesalahan-kesalahan menghasut dan menggalakkan perjudian di khalayak ramai, iaitu soal menghasut dan Fasal 8 bertujuan meminda seksyen 9, iaitu untuk memaksimumkan penalti bagi kesalahan-kesalahan membeli tiket-tiket loteri haram.

Soal di hadapan kita ialah untuk kita bincangkan sama ada kita hendak meluluskan ataupun tidak perkara-perkara yang telah dibangkitkan oleh Kerajaan untuk mengawal, untuk mengadakan peruntukan-peruntukan supaya rakyat tidak tertipu oleh pihak-pihak tertentu yang cuba mengeksploitasikan keadaan dengan mengadakan perjudian-perjudian haram dengan mengadakan rumah-rumah perjudian terbuka dan sebagainya. Sudah tentu apa yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah semata-mata memandangkan bahawa rakyat pada keseluruhannya perlulah kawalan walaupun perjudian itu tidak elok dipandang dalam bentuk apa pun terutama dari segi keagamaan, lebih-lebih lagi, tetapi soalnya ialah bahawa Akta ini telah pun diluluskan sejak tahun 1953 lagi.

Ketika ini walaupun adanya bermacam-macam jenis perjudian tetapi ternyata kegiatan-kegiatan perjudian haram ini masih berleluasa lagi sehingga melibatkan jumlah kewangan yang besar. Saya difahamkan lebih daripada \$5 billion. Itu yang dapat disahkan oleh pihak Kerajaan dan kalau yang tidak disahkan adalah lebih daripada \$10 billion. Itu menunjukkan bahawa walaupun Kerajaan masih lagi mengadakan lesen-lesen perjudian masih ramai lagi rakyat jelata yang berminat untuk berjudi. Dan sewajarnya pihak Kerajaan memikirkan tentang kepentingan rakyat supaya tidak dieksploitasikan oleh pihak-pihak tertentu. Bukan sahaja meluluskan lesen-lesen perjudian

tetapi membuat kawalan tertentu dengan cara usul-usul yang dibentangkan pada hari ini yang berkehendakkan kelulusan daripada kita semua supaya rakyat jelata tidak dieksploitasikan dan rakyat miskin terutamanya, tidak diperalatkan oleh pihak-pihak tertentu.

Saya minta maaf untuk mengatakan bahawa masyarakat negara kita ini yang berbilang kaum memang ternyata ada minat pada setengah-setengah kaum lebih nyata minatnya untuk berjudi dan setengahnya memikirkan bahawa berjudi dalam bentuk-bentuk tertentu itu bukan merupakan satu perjudian. Setengahnya seperti yang kita faham yang telahpun dinyatakan dan diakui oleh Ahli-ahli Yang Berhormat yang berucap lebih awal daripada saya sehingga pada peringkat menyabung ayam bagi setengah keturunan pun merupakan satu perjudian. Perlumbaan kerbau pada setengah tempat merupakan satu kebudayaan tetapi juga diperjudikan. Orang keturunan Cina suka main machok sehingga main machok ini terdapat dalam majlis kematian seperti yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat daripada DAP sendiri.

Terdapat di sekolah-sekolah, setengah kaum dan keturunan berjudi dengan hanya membuka muka-muka buku. Jadi, perjudian di negara kita yang rakyatnya terdiri daripada berbilang kaum menjadi perkara biasa. Walaupun adanya usaha-usaha untuk mengawal dan mengetatkan kawalan perjudian tetapi ternampak bahawa usaha tidak mencapai kejayaan, seolah-olah Kerajaan itu seolah-olah makin banyak jenis perjudian dibuka dan lesen diluluskan makin ramai yang berminat untuk berjudi dan bukan sahaja untuk berjudi dengan cara yang sah tetapi ternyata bahawa perjudian yang haram yang tidak pun berleluasa

juga. Jadi, sudah tentulah pada pihak Kerajaan—sebab itulah saya puji Kerajaan—memikirkan perkara ini sedalam-dalamnya walaupun kehendak kita memanglah hendak mengharamkan tetapi rakyat sendiri perlulah membantu supaya tindakan Kerajaan itu jangan sampai bertepuk sebelah tangan. Tindakan-tindakan bantuan dan sokongan sewajarnya perlulah diambil terutama sekali dari pemimpin-pemimpin masyarakat, lebih-lebih lagi pemimpin-pemimpin politik dan ibubapa sekalian.

Pada pendapat saya, usul yang dibentangkan di depan kita ini adalah wajar dan kena pada masanya, tidak terlewat. Usaha-usaha untuk mengawal lebih ketat perlu diadakan. Walaupun saya yakin bahawa dalam apa bentuk kawalan pun saya tidak fikir bahawa perjudian dalam negara kita ini boleh kita basmikan dengan cara yang paling singkat. Adalah perlu bagi kita selain daripada mengadakan peruntukan-peruntukan kawalan kepada Akta asal, Akta Ibu, kita juga perlu membuat kajian jangka panjang supaya jenerasi muda ini tidak terdedah kepada aliran dan minat untuk berjudi. Saya mengharap agar Kerajaan mengambil tindakan sewajarnya terutama sekali dari segi pendidikan kerana melalui sistem pendidikanlah saya percaya jenerasi masa depan dapat dibentuk dari awal-awal lagi supaya minat mereka tidak lagi terikut-iklut dengan kebudayaan keturunan kaum masing-masing terutama sekali dari golongan-golongan tertentu yang tidak payahlah kita sebut dan bangkitkan di sini. Memang perjudian itu menjadi kebudayaan, menjadi adat bagi setengah keturunan, dan menjadi amalan biasa kehidupan daripada kecil mahupun sampai besar, daripada majlis kelahiran sampailah pada peringkat majlis kematian.

Saya diberitahu bahawa semasa MIC memilih Presidennya baru-baru

ini, ramai yang berjudi sehingga ramai pula yang menangis. Mereka bukan menangis kerana Dato' Subramaniam kalah ataupun menangis kerana Dato' Seri Samy Vellu menang tetapi menangis kerana mereka telah kalah dalam perjudian. Begitu juga semasa tiap-tiap kali kita mengadakan pilihanraya, setengah tempat diperjudikan.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Itulah Yang Berhormat, you sentuh MIC.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Saya minta penjelasan.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Saya tidak mahu beri kerana nanti Timbalan Menteri tidak cukup peluang menjawab.

Tuan Ngoi Thiam Woh: Sekejap sahaja satu penjelasan.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Tak usah. Nanti Timbalan Menteri tidak dapat menjawab sebab sekarang sudah pukul 5.30 petang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Begitu juga semasa kita mengadakan pilihanraya atau tiap-tiap kali kita mengadakan pilihanraya, setengah kaum sengaja membuang undinya kepada pihak-pihak tertentu kepada calon-calon tertentu bukan kerana dia suka kepada calon-calon itu terutama sekali kepada calon-calon DAP. Di negeri Johor—saya datang daripada negeri Johor—memang tidak boleh, agak sukar, kalau parti PAS untuk menang dan begitu juga kalau parti DAP untuk menang. Tetapi pada tiap-tiap kali mengadakan pilihanraya kita agak sedih kerana calon-calon ini mendapat jumlah yang agak besar sedikit daripada jangkaan.

Tuan P. Patto: (Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Ahli Yang Berhormat dari Ipoh minta penjelasan.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Bukankah saya katakan tadi saya hendak beri peluang kepada Timbalan Menteri menjawab?

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya rasa beliau bersetuju bahawa seorang pengundi mempunyai hak untuk mengundi sesiapa yang dia suka itu. Cuma saya hendak tanya penjelasan sahaja.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Saya tidak hendak beri penjelasan.

Tuan Haji Mohamed Sam bin Haji Sailan: Saya tidak hendak beri penjelasan. Masalah perjudian berlaku pada bila-bila masa dan pada mana-mana tempat, terutama sekali di negara kita ini dan sewajarnya pihak Kerajaan memikirkannya untuk memberi kesempatan kepada kaum-kaum ini mendapatkan, melakukan kegiatan-kegiatan yang mereka suka, dengan harapan bahawa melalui masa, melalui pendidikan, kegiatan ini dapat dibasmikan. Saya berkeyakinan penuh bahawa Kerajaan mempunyai kebijaksanaan; dari segi Kementerian Kewangan, mengadakan pindaan-pindaan pada akta-akta dan mana-mana perkara yang tak boleh diselesaikan melalui kawalan, melalui kelulusan daripada akta, saya percaya kementerian-kementerian lain boleh membantu dengan tindakan-tindakan yang sewajarnya.

Harapan saya bahawa Akta ini diluluskan nanti, dan saya pasti akan diluluskan kerana kumpulan daripada Barisan Nasional adalah lebih besar. Saya tak fikir yang Rang Undang-undang ini tidak akan diluluskan dan saya tak fikir pula ada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tak suka kepada usul ini untuk diluluskan kerana usul ini

bukanlah usul untuk membasmi atas meluluskan Akta itu, tetapi hanya meminda untuk mengadakan kawalan-kawalan, mengadakan sekatan-sekatan supaya perjudian haram tidak berlaku sebeb-bebasnya.

Kalau masih ada lagi Ahli yang tak menyokong, bermaknalah Ahli-ahli Yang Berhormat bersetuju supaya perjudian itu dilakukan sewenang-wenangnya, sebeb-bebasnya tanpa kawalan daripada Kerajaan. Apabila dilaksanakan nanti, saya mengharapkan agar pihak Kerajaan, pihak penguatkuasa hendaklah bertindak sekeras-kerasnya, dan mana-mana pihak yang bersalah dan mana-mana yang melakukan kesalahan hendaklah diberikan hukuman sejajar dengan Akta yang diluluskan ini. Itulah harapan saya dan saya sudah dengan terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Kuala Nerus.

5.32 ptg.

Tuan Haji Ibrahim Azmi bin Hassan (Kuala Nerus): Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya mengikuti berbahas Rang Undang-undang Rumah Perjudian Terbuka sebagaimana yang dibentangkan di dalam Dewan yang mulia ini.

Kalau mengikut dalam Akta ini iaitu Akta Rumah Perjudian Terbuka, jadi memberi erti bahawa perjudian satu daripadanya yang diizinkan atau diberi persetujuan oleh Kerajaan dan satu lagi perjudian secara tidak berlesen. Jadi, maksud ini ertinya pindaan-pindaan ini ialah bertujuan menyekat bagi mereka yang hendak berjudi secara tidak berlesen supaya senang Kerajaan menangkap, mengambil tindakan denda. Jadi, tujuan besarnya hendak mencari duit atau cari wang pula daripada penangkapan-penangkapan orang-orang yang berjudi yang tidak berlesen. Ini maksudnya.

Banyak telah kita dengar perbahasan dalam Dewan ini yang begitu hangat dalam perkara Rumah Perjudian Terbuka dan mengenai perkara-perkara perjudian khususnya. Di antara yang kita lihat hari ini kesan-kesan perjudian itu sama ada Rumah Perjudian Terbuka atau Tertutup dan sebagainya, dalam pandangan umum, kebanyakan rakyat Malaysia hari ini sama ada orang Islam ataupun orang bukan Islam bahawa mereka banyak berhasrat supaya Kerajaan mengharamkan judi itu daripada segala bentuk. Dari segi faedah-faedahnya itu walaupun bagi pihak Kerajaan merasai mendapat faedah daripada hasil cukai perjudian itu tetapi hasilnya itu tidak kemana. Walaupun berbunyi besar, kerana keberkatan itu tidak ada.

Apa yang kita berasa hairan di sini di dalam Dewan ini ialah apabila perbahasan mengenai perkara judi ini terdapat di antara orang-orang yang bukan Islam sendiri, kita tolak soal parti, kerana judi ini ada kaitan dengan agama, ada kaitan dengan Islam, ada kaitan dengan Allah dan Rasul, di dapati kita di dalam Dewan ini perbahasan-perbahasan yang menunjukkan bahawa orang-orang yang bukan Islam sendiri, ianya menolak judi ini, ianya sendiri merasa tak mahu kepada perjudian ini. Dukacitanya kita orang Islam sendiri yang mengaku beriman ke hadrat Allah, yang membayangkan bahawa kita sendiri mahu menegakkan ataupun kita bersetuju di atas apa yang dikehendaki oleh Kerajaan dalam mengekalkan judi dalam negara ini. Ini saya sebagai seorang Islam merasa sedih dan dukacita dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun perjudian yang ada di dalam negara kita ini yang kita tengok rancak dan berleluasa, luar biasa daripada negara-negara lain, yang ianya tak lain tak bukan rasa saya ialah kerana Kerajaan bertujuan untuk mendapatkan

wang daripada hasil cukai judi ini. Walaupun kita dapat ratusan juta atau billion ringgit dalam setahun, maka dengan sendirinya wang hasil cukai daripada hasil perjudian ini ianya jelas tidak berkat, menunjukkan tidak berkatnya itu bahawa wang-wang yang halal yang ada dalam negara ini banyak terhilang, terpupus dan terhancur, sedangkan dengan jagaan-jagaan yang begitu cukup, dengan jagaan-jagaan yang begitu rapi, tetapi wang yang halal itu juga menjadi pupus disebabkan salah teknik dan salah amanah dan sebagainya. Ini adalah salah satu daripada angkara-angkara adanya wang-wang yang tidak berkat ataupun tidak halal yang dicampur sama dengan wang yang halal maka dan wang yang halal itu menjadi pupus dan lari daripada tempat yang sepatutnya ditetapkan di situ.

Tuan Yang di-Pertua, dalam perkara perjudian ini membawa tidak berkat dan tidak ada restu daripada Tuhan Yang Maha Kuasa bahawa kita tengok di dalam negara kita semakin sehari bukanlah semakin muncul dalam segi ekonomi dan sebagainya. Sebagai sebuah negara yang kaya yang cukup lengkap diberi rezeki oleh Allah subhanahu wataala, selain daripada di bumi dan di darat ada pula rezeki di laut iaitu petrol, tetapi masih lagi rakyat di negara ini yang banyak menganggur dan banyak menimpa kesusahan dan sebagainya dan masih banyak lagi di dalam ekonomi yang tidak tentu arah, yang tidak sesuai sebagai sebuah negara yang kaya.

Ini tidak lain tidak bukan satu-satunya, adanya wang yang tidak berkat, adanya wang yang haram daripada hasil perjudian ini berada sama dengan wang-wang yang halal dalam negara ini.

Perjudian yang kita tengok hari ini sudah bermaharajalela, kalau

sekiranya selama ini jarang kita nampak rumah-rumah ekor, Sports Toto dan sebagainya ataupun tempat meja-meja billiard atau meja-meja bola judi maka hari ini sudah kita nampak tersebar merata-rata bukan sahaja di bandar Kuala Lumpur bahkan di bandar-bandar kecil. Oleh itu bukan sahaja kita orang Islam yang berada dalam negara ini merasa malu tetapi merasa segan dan malu juga kepada orang-orang daripada negara lain, daripada negara-negara asing yang datang melancong ke negara ini melihat di sana-sini kedai-kedai kecil malah bandar-bandar kecil pun ada tempat-tempat perjudian. Ianya menunjukkan bahawa negara Malaysia ini tidak ada suatu pegangan yang kuat kepada agama sama ada agama Islam atau agama Kristian. Kerana kalau sekiranya negara ini sebuah negara yang berpegang teguh kepada Kristian, ia pun berasa malu melihat merata kawasan ada tempat-tempat perjudian yang tidak terkecuali tempat dan masa.

Bagi orang-orang Kristian yang datang daripada luar negeri tengok negara ini sebuah negara yang tidak amalkan agama Kristian, tidak ada pegangan kepada Kristian. Bagi orang-orang Islam pula apabila melihat keadaan ini menunjukkan sebuah negara yang tidak ada berpegang teguh, tidak ada menghormati langsung kepada agama sama ada agama Islam atau agama Kristian kerana semua agama melarang perjudian, bukan sahaja agama Islam yang melarang.

Kalau sekiranya Kerajaan Malaysia tidak menghormati agama Islam sebagai agama rasmi negara ini maka hormatilah agama Kristian. Kalau sekiranya tidak mahu menghormati kepada agama Kristian, hormatilah agama Buddha, pun tidak izinkan perjudian. Semua agama tidak izinkan perjudian. Maka Kerajaan yang

ada sekarang, kepada pegangan perlindungan agama manakah kita memerintah negara ini. Kristiankah, Buddhakah atau Islamkah? Kalau kita amalkan judi dengan berleluasa begini, memberi erti bahawa Malaysia ini sebuah Kerajaan yang tidak menghormati kepada semua agama.

Tuan Yang di-Pertua, bahaya-bahaya judi bukan hanya setakat menjatuh maruah keagamaan, bahkan memberi kepada lanjutan iaitu lanjutan bahaya kepapaan sesebuah negara itu. Contoh-contoh singkat yang saya ingin sebutkan di dalam Dewan yang mulia ini satu-satunya daripada perjudian ini dengan tersendirinya menggalakkan ataupun meluaskan kepada rakyat supaya malas dalam pekerjaan. Sebagai melatih rakyat supaya hidup dengan malas, kerana orang-orang berjudi ini sebilangan besar daripadanya orang malas, seperti orang-orang yang selalu tikan ekor. Apabila dia sudah kena 5 bulan yang lalu sekali, maka dia beli dan simpan pula tiket di dalam poket serta berangan-angan supaya dia kena semula menyebabkan dia malas pergi kerja.

Selain daripada itu taukeh-taukeh judi pula hidup dalam keadaan bahaya dalam sesebuah negara. Apabila mereka menang judi yang terbanyak bukan kata dia dengan sewenang-wenangnya senang hati berjalan ke sana ke mari tetapi dia sentiasa dalam ketakutan. Takut dirompak dan sebagainya.

Selain daripada itu punca-punca perbalahan, punca-punca perseteruan, punca-punca perkelahian datang daripada perjudian. Orang-orang yang kalah, berdukacita. Bukan sahaja dukacita setakat dia seorang bahkan menjadi porak-peranda pula dalam rumah tangga mereka, boleh berkelahi dengan isterinya, boleh berkelahi dengan anak-anaknya, boleh

berkelahi dengan saudara-maranya, boleh berkelahi dengan adik-beradiknya membawa kepada penjudi-penjudi itu sanggup menjual tanah yang dimiliki bersama oleh adik-beradik, sanggup mencuri kerana hendak berjudi, sanggup menipu kawan untuk mendapat sedikit wang untuk membeli nombor ekor ataupun bermain machok dan sebagainya. Maka oleh itu kita nampak dengan jelas bahawa judi ini satu-satunya daripada punca, bentuk yang tidak berkat dalam sesebuah negara itu sekiranya sesebuah negara itu benar-benar hendak mencari keamanan dan kemakmuran.

Ramai di antara taukeh-taukeh yang sedang berniaga rancak dengan sebab mereka pergi berjudi, kalah judi, membawa bankrupt, tutup kedai dan tutup perniagaan mereka. Bukan sahaja apabila dia tutup hanya mudarat itu setakat dirinya sendiri bahkan memudaratkan pekerja-pekerja yang bekerja di dalam kedai atau di dalam faktorinya atau dalam perusahaannya. Bukan sahaja mudarat kepada mereka yang menumpang bekerja di situ bahkan mudarat pula kepada kawan-kawan dan sebagainya dan membawa pula orang-orang yang kalah judi ini menjadikan niatnya tidak betul dan tidak ikhlas, tidak seperti manusia biasa ataupun seperti manusia yang berfikiran alim atau berfikiran waras seperti biasa pada ketika-ketika mereka kalah judi dan sebagainya.

Selain daripada itu faedah-faedah taukeh-taukeh judi walau bagaimana sekalipun dalam masa-masa yang singkat mereka berasa bangga dan gembira dengan kemenangan itu. Tetapi di satu masa pula dia akan menerima penderitaan dan kedu-kacitaan kekalahan pula. Maka dengan sebab itu wang judi ini bergilir gantilah daripada poket orang itu ke poket orang ini. Daripada orang itu ke orang ini. Lepas orang ini

menang, orang itu pula menang, dan wang bertukar ke poket orang itu ke poket orang ini, pergilah pula wang itu kepada Kerajaan, masuk ke Perbendaharaan yang halal yang ada dalam Kerajaan ini. Maka wang judi itu sahlah bahawa ianya memakamkan wang yang halal dalam negeri ini. Maka sebab itulah kita tengok dengan sendiri dalam negara kita, dalam perkara kerugian wang-wang halal dalam negeri ini jelas sekali yang ianya luar biasa daripada negara-negara lain. Sekejap-sekejap beribu juta hilang. Sekejap-sekejap rugi beribu-ribu juta. Sekejap-sekejap rugi beratus-ratus juta. Hinggakan hari ini kalau sekiranya hendak dinamakan atau hendak disebutkan kerugian syarikat-syarikat Kerajaan yang berada dalam negara ini tidak daya hendak ditulis banyaknya, walaupun mereka dengan pintar, dengan bijak mentadbirkan syarikat itu, tetapi rugi juga beratus-ratus juga ringgit pergi kepada beribu-ribu juta ringgit, wang yang hilang dicuri daripada bank dan sebagainya. Beribu-ribu juta hanyut. Ini tidak lain tidak bukan ialah daripada sebab-sebab satu-satunya kerana adanya wang yang dikutip oleh Kerajaan daripada hasil perjudian ini menjadikan sebagai racun kepada Perbendaharaan yang halal dalam negara ini.

Oleh itu kalau sekiranya benar-benarlah Kerajaan mahu kepada negara ini sebagai sebuah negara yang aman, damai, makmur, maka hapuskanlah segala bentuk perjudian. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Ipoh.

5.52 ptg.

Tuan P. Pato (Ipoh): Tuan Speaker, saya bangun untuk mengambil bahagian atas Rang Undang-undang di hadapan kita. Rang Undang-undang ini bercadang untuk meminda

Common Giving Houses Act. Ia bertujuan untuk meningkatkan hukuman denda ataupun penjara dan dalam pada itu ia membawa pindaan baru yang mana beberapa kesalahan di bawah Common Giving Houses Act ini, pesalahnya akan dikenakan mandatory fine juga penjara.

Tuan Speaker, nampaknya Rang Undang-undang ini adalah bertujuan untuk memperbanyakkan lagi cara-cara untuk mendapatkan hasil bagi Perbendaharaan Negara. Saya tidak faham bagaimana boleh timbul dalam otak kepala Menteri Kewangan bahawa inilah satu caranya untuk menambahkan hasil dan Rang Undang-undang ini adalah satu Rang Undang-undang khusus untuk, dengan izin, illegal bookies. Kalau kita katakan ada illegal bookies, satu Rang Undang-undang di mana pindaan khusus untuk illegal bookies, maka ada undang-undang yang akan memberi legal bookies dan ilegal bookies adalah mereka yang diberi lesen oleh Kerajaan untuk mencari duit. Legal bookies inilah syarikat-syarikat yang mengendalikan perjudian yang takut keuntungannya tidak begitu banyak, maka meminta Kerajaan supaya membawa pindaan kepada Common Giving Houses Act supaya menambah hukuman denda dan penjara termasuk juga hukuman mandatory kepada orang-orang yang bersabit kesalahan. Ingin saya mendapat tahu dari pihak Kementerian khususnya yang bertanggungjawab menjawab kemudian.

Dalam ucapan pihak Kementerian yang diwakili oleh Timbalan Menteri Kewangan semalam beliau ada mengatakan oleh kerana ada bertambahnya kes-kes kesalahan di bawah Common Giving Houses Act, maka terpaksa dipinda.

Tuan Speaker, pada hemat saya, tidak ada sebab-sebab yang lain melainkan bahawa Kerajaan mahu

membela legal bookies, maka ia membawa pindaan ini. Kalau tujuan Kerajaan bukanlah untuk menggalakkan perjudian, maka Kerajaan pada mula-mulanya tidak akan mengeluarkan lesen-lesen perjudian. Oleh kerana ia sudah mengeluarkan lesen-lesen perjudian sebagai galakan kepada orang-orang tertentu, syarikat-syarikat tertentu yang mungkin mempunyai hubungan rapat dengan mereka yang memerintah, sama ada sebagai syarikat atau individu dalam syarikat ataupun yang memegang saham dalam syarikat-syarikat tertentu, maka Rang Undang-undang ini adalah untuk membela mereka ini.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita hari ini boleh kita katakan, dengan Kerajaan memberi galakan yang begitu hebat bagi perjudian, sebagai a gambling nation, dengan izin, satu negara di mana kalau ada tujuh hari dalam seminggu, saya kira enam hari sudah ada macam-macam perjudian halal yang dikendalikan oleh legal bookies yang diberi perlindungan oleh pihak Kerajaan. Cuma ada satu hari sahaja yang saya kira belum ada lagi, iaitu hari Rabu.

Baru-baru ini saya dapat memahami bahawa ada permintaan satu lagi legal bookie yang diberi perlindungan oleh Timbalan Menteri Kewangan, kalau dia hendak nafi, boleh nafikan sekarang, iaitu MAGNUM yang mungkin sudah ataupun akan memohon kepada Kementerian Kewangan supaya ianya dibenarkan mengadakan drawnya bukan pada hari Isnin, Khamis dan Sabtu sudah ada orang lain—legal bookies yang lain menjalankan perjudian, maka mereka mahu control, maka mereka mahukan Isnin, Rabu dan Jumaat. Sekarang ini mereka diberikan pada hari Isnin, Khamis dan Sabtu. Tetapi daripada tindakan Kerajaan dalam bentuk membentangkan Rang Undang-undang ini, maka sudah jelas sekali

bahawa Kerajaan hari ini kerana mahu memperbanyakkan hasilnya, mengeluarkan lesen menggalakan perjudian dalam negara ini dan memberi perlindungan kepada mereka yang menjalankan kegiatan perjudian yang mengendalikan syarikat-syarikat perjudian halal ini yang diberi lesen oleh Kerajaan, maka mereka membawa Rang Undang-undang ini seolah-olah mereka menentang perjudian, mereka mahu hapuskan perjudian.

Pada satu pihak mereka kata mereka mahu menghapuskan perjudian dengan membawa pindaan kepada Akta Perumahan Perjudian Terbuka—Common Giving Houses Act dengan alasan bahawa dengan meningkatkan hukuman denda dan penajara maka boleh hapus perjudian. Pada hal kalau kita hendak gunakan syaitan kepada sesiapa, Kerajaanlah syaitan dalam hal ini kerana mengeluarkan lesen menghalalkan perjudian, memperbanyakkan dan menggalakkan perjudian dan kemudian balik ke Parlimen mengatakan beliau mahu meningkatkan denda, hukuman penjara dan sebagainya, pada hal targetnya ialah illegal bookies untuk memberi perlindungan kepada legal bookies oleh Kerajaan.

Tuan Speaker, tidak payah kita bahaskan tentang mahjong atau poker di antara dua orang di dalam rumah. Itu bukan Common Giving Houses. Saya terperanjat tadi apabila Timbalan Menteri boleh berdebat dengan hal itu. Dia tentu faham sebab dialah yang bantangkan Rang Undang-undang ini, tetapi dia sendiri mahu tanya tentang gaming house.

Dato' Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Tuan P. Patto: Saya tidak beri jalan. Orang yang tidak faham.

Dato' Loke Yuen Yow: Takutkah? Terima kasih.

Tuan P. Patto: Kalau saya takut, saya tidak.....Duduk dahulu! Dengar saya dahulu.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat, pandang kemari. Kalau tidak beri jalan, kita tidak beri.

Tuan P. Patto: Ya, sebab orang yang tidak faham Rang Undang-undang yang dibentangkan dengan sendirinya yang boleh menyoal tentang "mahjong" dan sebagainya, kalau mereka tidak suka perjudian bawa sahaja satu undang-undang ke dalam Parlimen dan tengoklah apa hasilnya. Tidak guna tanya saya, hendak menyoal saya, hendak penjelasan sama ada boleh atau tidak boleh dibenarkan mahjong, poker dan sebagainya. Itu tidak kena mengena dengan Rang Undang-undang ini. Kenapa seorang Timbalan Menteri begitu tidak faham? Kalau saya hendak kata bodoh, saya segan. Beliau mempunyai ijazah daripada universiti.

Dato' Loke Yuen Yow: (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D.P. Vijandran): Yang Berhormat, boleh beri jalan.

Tuan P. Patto: Tidak beri jalan.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Ahli Yang Berhormat daripada Pasir Pinji tadi mengesyorkan bahawa Kerajaan menghapuskan segala aktiviti perjudian.

Tuan P. Patto: Tuan Yang di-Pertua, saya kata saya tidak beri jalan. Ini adalah hak saya untuk berdiri dan bercakap dan saya tidak memberi jalan kepada sesiapa yang tidak faham. Saya tidak beri jalan.

Timbalan Yang di-Pertua Tuan D. P. Vijandran): Duduk Yang Berhormat! Kedua-dua Yang Berhormat, duduk sekejap. Ahli-ahli Yang Berhormat, kalau seorang Yang Berhormat hendak minta jalan, minta jalan sahaja. Kalau tidak hendak beri, kata tidak beri. Apabila seorang Yang Berhormat yang sedang bercakap kata tidak boleh beri jalan, itu tetap dan tidak boleh didebatkan. Yang Berhormat dari Ipoh, teruskan.

Tuan P. Patto: Terima kasih, Tuan Speaker tas ruling yang dibuat, dan itulah seperti saya katakan tadi tujuan Rang Undang-undang ini. Saya tidak mahu memetik dari point-point yang saya ada oleh kerana banyak sudahpun dipercakapkan dan diutarakan dalam Dewan ini. Cuma saya mahu pihak Kerajaan selamatkanlah negara kita daripada belengu perjudian—bukan dengan cara bawa Rang Undang-undang macam ini. Bukan sahaja Semenanjung Malaysia, Sabah pun terlibat. Rakan-rakan saya daripada Sabah pun berkata cukup banyak Lottolah, Totolah dan macam-macam, tetapi yang khususnya kita hendaklah menumpukan kepada tujuan Rang Undang-undang ini dan pada hemat saya, dengan izin, conclusion saya ialah Rang Undang-undang ini adalah dibawa khusus di tujukan kepada illegal bookies untuk memberi perlindungan kepada legal bookies yang diberi lesen oleh Kerajaan supaya mereka boleh cari duit dan keuntungan yang berlebihan yang berjuta-juta dan berbilion-bilion ringgit dan daripada itu Kerajaan boleh dapat hasil. Kerajaan yang tidak tahu cara lain untuk mendapatkan hasil. Sudah ada minyak dan berbagai-bagai pengeluaran yang boleh membawa hasil tetapi tidak tahu cara lain. Kerana perbelanjaan sudah melebihi, maka sudah mula dengan cara ini, dengan memberi lesen perjudian dan memberi perlindungan kepada legal bookies ini. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Pagoh.

6.04 ptg.

Tuan Ahmad bin Omar (Pagoh): Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin turut membahaskan Rang Undang-undang bernama suatu Akta untuk meminda Akta Rumah Perjudian Terbuka, 1953. Saya bersyukur kerana Timbalan Menteri Kewangan bagi pihak Kerajaan telah membentangkan Rang Undang-undang ini bagi meminda Akta ibu iaitu Akta ibu tahun 1953. Pada pendapat saya, dengan adanya Akta Rumah Perjudian Terbuka (Pindaan) 1989, ia akan menjadi sebagai satu langkah yang saya anggap merupakan langkah yang jujur, langkah yang positif dan juga langkah yang berani yang telah dibuat oleh Kerajaan selepas Akta ibu ini diluluskan selama 36 tahun iaitu sebelum merdeka lagi.

Oleh sebab itu, saya yakin, dengan tujuan Kerajaan bagi membuat peruntukan-peruntukan tertentu untuk membuat pindaan pada Akta ini, langkah ini bukanlah merupakan langkah yang terlewat dan langkah ini bukanlah langkah ke belakang. Bahkan ia merupakan satu langkah ke hadapan yang telah diambil oleh pihak Kerajaan dengan matlamat yang jelas. Saya harap ia akan merupakan satu titik tolak, satu garis permulaan kepada usaha Kerajaan yang selanjutnya kepada usaha-usaha Kerajaan yang lebih besar berdasarkan kepada reality, dengan izin, tentang scenario kebudayaan, adat resam, kepercayaan, tabiat dan juga kecenderungan masyarakat majmuk yang ada di negara ini. Saya penuh sedar dan insaf di dalam memperkatakan hal ini bahawa walau apa pun hujah yang diperkatakan oleh sesiapa juga, perkara yang haram adalah tetap haram. Segala rupa perbuatan ataupun perlakuan yang

haram, tidak akan menjadi halal dengan sendirinya dan setiap orang adalah mengakui hakikat ini.

Hari ini kita bersetuju supaya hukuman-hukuman yang ketat dikenakan kepada semua peringkat, semua pihak, sesiapa juga yang terlibat dengan rumah perjudian terbuka, dengan kegiatan-kegiatan haram, dengan apa juga bentuk perjudian yang tidak dibenarkan. Ini adalah sebagai cara kawalan perjudian di negara ini. Wujudnya beberapa banyak dan berbagai kegiatan perjudian secara berlesen dan tidak berlesen, pada pendapat saya, ia menunjukkan bahawa perjudian adalah bukan sesuatu perkara yang dibuat-buat. Perjudian adalah kepada saya merupakan satu tabiat atau amalan atau kecenderungan yang ada pada seseorang individu. Oleh sebab itu, kita harus menerima kenyataan, kita harus menerima hakikat bahawa perjudian akan terus berjalan di negara ini dengan apa cara sekalipun hatta dengan cara gelap sekalipun, walaupun perjudian diharamkan di negara ini.

Tuan Yang di-Pertua, kita harap pindaan kepada Akta Ibu ini akan menjadi amaran, akan merupakan satu amaran awal kepada tindakan-tindakan amaran yang seterusnya. Amaran-amaran yang lebih keras, yang lebih berkesan untuk mengingatkan para-para penjudi sama ada mereka itu tahi judi ataupun semata-mata untuk hiburan, untuk permainan, bahawa perjudian tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenangnya, dengan sesuka hati dan seterusnya boleh dengan sebab perbuatan itu mengelirukan tanggapan bahawa perjudian itu sebagai amalan yang diterima baik di negara ini, sama ada ia merupakan tanggapan kita sendiri ataupun tanggapan daripada masyarakat luar.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakui bahawa amalan perjudian

itu tidak baik dan sebagai seorang Islam dari segi agama Islam ianya adalah haram hukumnya. Saya tidak mahu memperkatakan tentang pandangan agama-agama lain, tetapi saya menjelaskan pendirian saya sebagai seorang Islam. Kita rasa langkah yang kita ambil ini adalah kena pada masanya, tindakan hari ini bolehlah dan eloklah kita anggap sebagai langkah pertama ke arah memberi amaran, bukan sahaja amaran, yang lebih penting ialah pengajaran tentang buruk baiknya perjudian, dengan amaran-amaran yang kita berikan, kita jalankan peringkat demi peringkat dengan pengajaran-pengajaran tentang buruk baiknya serta akibatnya hasil daripada kegiatan perjudian ini, maka akhirnya pada fikiran saya semua orang tidak kira siapa akan dengan sendirinya faham dan menolak perjudian.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar:
(Bangun)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat dari Marang minta jalan.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Saya tertarik dengan ucapan Yang Berhormat itu, tetapi saya ada hendak minta penjelasan sedikit, satu ayat yang berbunyi:

“Perjudian bukanlah perkara yang dibuat-buat, tetapi ia adalah berlaku hasil daripada dorongan. . . .”

Saya hendak bertanya kalau Loteri atau Toto itu dibuat atau didorong, macam mana pandangan Yang Berhormat sendiri dalam soal ini? Terima kasih.

Tuan Ahmad bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat saya tiap-tiap individu itu mempunyai kegemaran, kecenderungan yang tersendiri. Ada orang suka main golf, ada orang suka main hoki, orang yang suka main golf walaupun diberikan satu set kayu hoki

dia tidak akan bermain hoki. Jadi ini adalah terserah kepada individu itu sendiri untuk menentukannya, dan bagi saya, saya tetap menganggap bahawa perjudian itu merupakan salah satu daripada amalan, kecenderongan ataupun tabiat yang ada pada seseorang individu.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Jadi, adakah dianggap bahawa pemberian lesen Toto dan juga Loteri itu merupakan bentuk individu ataupun merupakan satu benda yang tidak salah atau adakah benda ini salah kerana Yang Berhormat menyebut bahawa benda yang haram tetap haram? Cuba jelaskan sedikit soal ini.

Tuan Ahmad bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, yang haram itu tetap haram. Saya tidak mengatakan bahawa judi itu halal dan saya ingin mengatakan bahawa sekalipun kita tidak memberikan lesen, adakah judi itu tidak akan berlaku dan sekiranya orang itu melakukan perjudian tanpa kawalan dan langkah-langkah pencegahan, adakah mereka ini boleh bebas untuk menjalankan perjudian.

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar: Yang akhir. Setuju atau tidak Yang Berhormat kalau sekiranya Toto, Loto, Loteri ataupun adik-beradik macam itu diharamkan?

Tuan Ahmad bin Omar: Dari segi falsafah dan dari segi prinsip, saya setuju, tetapi seperti yang telah saya jelaskan awal-awal tadi, kita harus realistik, kita harus melihat dari segi kenyataan dan di dalam hal ini saya fikir Kerajaan telah mengambil tindakan-tindakan yang positif, tindakan-tindakan yang berdasarkan kepada realiti dan keadaan dan saya fikir ini menuju kepada matlamat yang Yang Berhormat tanyakan.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta jalan. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat dari

Pagoh sama ada amalan perjudian ini baik ataupun tidak. Dan saya percaya kemungkinan besar jawapan ini adalah tidak baik, maka kalau ianya tidak baik, adakah Yang Berhormat bersetuju bahawa undang-undang yang dibentangkan oleh Kerajaan ini memadai ataupun tidak ataupun perlu diperketatkan lagi supaya amalan-amalan yang tidak baik ini dapat dikurangkan.

Tuan Ahmad bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, apabila saya melihat pada Rang Undang-undang yang dibentangkan ini, saya melihat kepada Akta Ibu yang tercatat di situ Akta Rumah Perjudian Terbuka 1953. Ini bermakna Akta Perjudian ini bukan baru, Akta Perjudian ini telah lama telah ada sejak tahun 1953. Saya fikir apa yang kita buat hari ini adalah munasabah kerana kita telah ada lesen ini sejak begitu lama dan hari ini kita harus menjalankan sesuatu mengetatkan bahkan kalau boleh lebih ketat lagi, tetapi tidak munasabah kalau kita mengadakan langkah-langkah untuk menghapuskan dengan serta-merta.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menyambung perbahasan saya iaitu saya telah sebutkan bahawa dengan amaran-amaran peringkat demi peringkat dan pengajaran tentang buruk baik serta akibat dari perjudian ini, maka akhirnya semua orang akan dengan sendirinya menolak perjudian dan masanya akan lebih sesuai apabila Kerajaan mengambil tindakan yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berpendapat bagi menuju ke arah matlamat penghapusan perjudian ini—sebenarnya saya juga menjawab pertanyaan-pertanyaan Ahli-ahli Yang Berhormat sebentar tadi—saya berpendapat bagi menuju ke arah matlamat penghapusan perjudian, hukuman-hukuman pada pindaan-pindaan yang dibuat ini sepatutnya

boleh ditambah lagi, diketatkan lagi dan diberatkan lagi, dan seterusnya tempat-tempat perjudian yang telah diluluskan perlu dikurangkan berperingkat-peringkat.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyebutkan di dalam perbahasan ini beberapa soalan-soalan yang saya fikir membantu kita untuk kita membuat fikiran dan seterusnya keputusan secara lebih rasional.

Pertama, siapakah yang boleh menjamin bahawa perjudian akan hapus 100% dengan tindakan pengharaman perjudian sepenuhnya di negara ini? Selain daripada itu, siapakah yang boleh menjamin bahawa sindiket perjudian secara gelap tidak akan terus berjalan meluas sekalipun perjudian diharamkan sepenuhnya. Dan seterusnya, siapakah yang akan lebih beruntung dan siapakah yang akan lebih teraniaya dan tertindas sekiranya perbuatan-perbuatan daripada sindiket perjudian haram ini berlaku tanpa kawalan di dalam negara kita?

Saya fikir dengan pertanyaan-pertanyaan ini dapat menyimpulkan hujah-hujah saya sebelum ini. Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya tidak meragui di atas tujuan pindaan dan matlamat jangka panjangnya kerana di dalam pindaan ini terdapat ciri-ciri pencegahan. Selain daripada itu terdapat juga ciri-ciri pengawalan yang dijadikan asas kepada falsafah di dalam pindaan ini. Ianya juga memberi perlindungan kepada mereka yang teraniaya dan dieksploitasi oleh golongan yang ingin mengaut keuntungan tanpa mengira cara, tindakan dan apa juga undang-undang yang mengawal mereka kerana masalah kecenderungan, tabiat ingin kesenangan, keuntungan boleh menyebabkan mereka ini menge-nepikan soal peraturan, soal per-undangan walaupun hukuman itu seberat mana sekalipun. Ini boleh kita

buktikan kerana di dalam negara kita ramai pesalah-pesalah yang hari ini telah bersalah, didapati bersalah oleh mahkamah, dijatuhkan hukuman bunuh, mati, kerana mereka mengedar dadah. Hukuman bagi pengedar adalah berat, boleh membawa kepada mati di tali gantung, tetapi oleh kerana tabiat, keseronokan, keuntungan, mereka mengambil risiko yang tinggi hatta dengan nyawa sekalipun dan begitulah saya fikir hal yang sama boleh berlaku di dalam masalah perjudian, kerana untung dan ruginya di dalam perjudian juga sama besar di dalam hal perbandingan dengan apa yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, kita tidak boleh membiarkan mereka yang tidak mahu mengikuti aturan dan undang-undang semata-mata untuk memenuhi kecenderungan mereka, untuk memenuhi nafsu mereka, untuk memenuhi tabiat dan keuntungan sendiri. Dan jika ini berlaku, Kerajaan tidak akan untung dan rakyat juga tidak akan untung. Oleh sebab itu, kita mengadakan pindaan-pindaan ini, oleh sebab itu kita berani membawa pindaan-pindaan ini, pindaan-pindaan yang lebih ketat, pindaan-pindaan yang lebih berat terutama mengenai hukuman-hukuman, tidak kira kepada siapa, sama ada mereka itu terlibat secara kecil, secara besar tetapi oleh kerana mereka itu terlibat dan salah, kita akan memberikan hukuman-hukuman yang berat. Ini bermakna bahawa Kerajaan adalah bersifat ikhlas, bertujuan baik dan memandang bahawa perjudian itu bukan satu perkara yang baik. Perjudian itu merupakan satu perbuatan yang tidak baik, oleh sebab itu kita mesti kawal, kita mesti jaga.

Encik Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar (Batu Berendam): (*Bangun*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat dari Batu Berendam bangun.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya minta jalan, kalau boleh. Saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat kerana bercakap panjang lebar mengenai perkara ini. Saya ingin tahu apakah pandangan Yang Berhormat dari Pagoh tentang satu keganjilan yang berlaku di antara semalam dan hari ini iaitu pada hari ini Yang Berhormat dari Pasir Pinji memberi pengakuan bahawa DAP akan mengambil tindakan terhadap mana-mana ahlinya yang terlibat dalam perjudian. Tetapi semalam pula, Ahli Yang Berhormat dari Rasah yang sedang tidur itu mengatakan bahawa walaupun.

Tuan Hu Sepang (Rasah): Sangkaan jahat, saya mana ada tidur, saya resting! (*Ketawa*)

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat telah buktikan yang dia tidak tidur.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Terima kasih. Saya hendak tahu sama ada dia tidur atau tidak.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Tarik balik.

Tuan Hu Sepang: Saya tidak pernah tidur, saya tahu apa dia buat! Saya jaga-jaga sama dia.

Tuan Mohd. Tamrin bin Abdul Ghafar: Saya tarik balik, terima kasih. Dia tidur-tidur ayam sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Semalam Yang Berhormat dari Rasah menyatakan perjudian ini adalah merupakan satu

adat, kalau tidak silap saya, kepadanya di tempat kematian. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat tentang percanggahan yang dilakukan oleh kedua-kedua ahli DAP ini?

Tuan Ahmad bin Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat telah bertanya mengenai pandangan saya berhubung dengan masalah perbezaan pandangan antara orang yang mempunyai fahaman ideologi yang sama.

Tuan Yang di-Pertua, dalam ucapan saya yang awal tadi saya telah katakan, kita mestilah bercakap bukan berdasarkan kepada fakta kita sendiri, bukan berdasarkan kepada kepercayaan kita sendiri, kita bercakap untuk kita dan juga untuk semua orang dan kita membahaskan perkara ini bukan untuk kepentingan kita sendiri, kita membahaskan untuk kepentingan umum. Oleh sebab itu kita mestilah berdasarkan kepada realiti. . . .

Tuan Haji Abdul Rahman bin Bakar (Marang): Minta jalan sedikit.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan D. P. Vijandran): Yang Berhormat, Yang Berhormat boleh gulung pada hari Khamis.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Khamis.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.